



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 25 JUN 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, 11 HINGGA 126)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, HINGGA 4
DAN 6 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TENGKU AZLAN
IBNI ALMARHUM SULTAN ABU
BAKAR
(JERANTUT)**

**TARIKH : 25 JUN 2009
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah cara-cara untuk mengembalikan zaman kegemilangan Askar Melayu Diraja, memandangkan begitu banyak jasa mereka kepada Negara.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) adalah merupakan rejimen tertua yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933. Ia dianggotai oleh anggota-anggota yang berbangsa Melayu sahaja. Rejimen ini telah memainkan peranan penting dalam pertahanan negara sebelum dan selepas merdeka sehingga sekarang. Kegemilangan dan kecemerlangannya telah dapat dibuktikan semasa Peperangan Dunia Kedua, tugas-tugas operasi dalam dan luar Negara. Rejimen ini juga mempunyai berbagai tradisi dan adat resam yang sehingga kini dipelihara dengan rapi dan diperturunkan dari generasi ke generasi.

Bagi mengekalkan kecermelangan dan memartabatkan RAMD, kerajaan telah menubuhkan Batalion Istiadat sebagai satu penghormatan bagi menyambut ketibaan lawatan pembesar-pembesar sama ada dari dalam dan luar negara. Kecermelangan ini dapat dibuktikan apabila diberi penghormatan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui penugasan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja dalam '*Public Duties*' di London.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Kewujudan Batalion-batalion Mekanis dan Batalion-batalion Para yang merupakan Pasukan Elit Tentera Darat (TD) telah turut memartabatkan RAMD. Selain dari itu, Kerajaan Malaysia telah memberi keutamaan kepada RAMD untuk berkhidmat dan ditugaskan di dalam Misi Keamanan di bawah Panji-Panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Penubuhan Negara-Negara Islam berdasarkan kemampuan yang telah ditonjolkan seperti kejayaan di Congo, Namibia, Kampuchea, Samolia, Timur Leste, Bosnia dan Lubnan. Keupayaan menangani Insiden '*Bakara Market*' di Somalia telah mencanai kewibawaan RAMD di persada dunia.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengekalkan identiti dan keterampilan warga RAMD, rejimen ini terus mengekalkan pemakaian Lencana Bahu, '*Cap Badge*' Harimau Berjuang dan '*Stable Belt*' demi untuk mengekalkan ciri-ciri serta tradisi RAMD agar tidak pupus dan ianya masih relevan dengan perkembangan dunia ketenteraan semasa. Manakala bagi sudut sejarah, RAMD mempunyai identiti tersendiri dengan adanya Muzium RAMD, Pembinaan Wisma Perwira RAMD dan Tanah Perkuburan RAMD yang semuanya ditempatkan di Port Dickson. Malahan ketokohan perjuangan warga RAMD telah difilemkan bagi menonjolkan sifat patriotisme bangsa Melayu

SULIT

memperjuangkan kedaulatan negara hingga ke titisan darah terakhir bagi mempertahankan negara tercinta seperti filem Leftenan Adnan.

Kegemilangan RAMD ini terus diketengahkan kepada masyarakat umum agar mereka menyedari dan menghayati semangat keperwiraan, perjuangan dan sejarah yang telah dilalui oleh Rejimen ini. Melalui sambutan hari ulangtahun Rejimen yang ke 75 yang lepas, media massa telah digunakan sebagai medium untuk mengenengahkan semula Rejimen ini dan ini akan terus dilaksanakan setiap tahun.

Imej korporat turut ditonjolkan di dalam semua aktiviti yang disertai dan dilaksanakan agar Rejimen ini lebih dikenali. Rejimen ini juga mempunyai laman sesawang (website) sendiri iaitu www.ramd.mil.my agar ia boleh dilayari oleh semua peringkat masyarakat dan lebih dikenali. Rejimen ini akan terus mengaplikasikan motto 'TAAT SETIA' dalam ertikata sebenarnya agar ia menjadi contoh kepada orang lain.

SOALAN NO: ||

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1861

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghentikan amalan 'buang daerah' bagi pesalah-pesalah tegar di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lawas yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Perintah Sekatan yang telah dikeluarkan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Kediaman Terhadap 1933, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, adalah tindakan yang bertujuan untuk menyekat dan mengawal-selia setiap pergerakan serta aktiviti orang sekatan di satu kawasan terhad.

Tuan Yang Dipertua,

Namun begitu, dengan perkembangan pembangunan infrastruktur, peningkatan sistem teknologi komunikasi, dan penambahbaikan berterusan kepada sistem pengangkutan awam di Malaysia, Kementerian berpandangan bahawa peruntukkan-peruntukkan berkaitan Perintah Sekatan (merujuk kepada terma *buang daerah*) **akan dikaji semula** bagi menilai kesesuaian dan keberkesanannya di dalam pelaksanaan undang-undang pencegahan yang bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kepentingan negara serta ketenteraman awam dapat terus dipertahankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM

KAWASAN : KOTA MELAKA

TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kedudukan MATRADE Exhibition and Convention Centre (MECC):-

- (a) Adakah ia menjadi Pusat Pameran Tetap untuk MATRADE; dan**
- (b) Apakah maklum balas dan pandangan orang ramai terhadap kemudahan MECC ini dan jumlah petak letak kenderaan disediakan untuk MIHAS 2009.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC) merupakan pusat pameran tetap dan telah mula dibuka kepada umum mulai tahun 2007. MECC memberi alternatif tambahan ruang pameran di Kuala Lumpur sebagai destinasi MICE (Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions).**

Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE menawarkan ruang berkeluasan 106,000 meter persegi yang merangkumi:

- (i) Dewan pameran (*Hall A, B dan C*);**
- (ii) Kawasan pameran luar (Zon D);**
- (iii) *Amphitheater*;**
- (iv) Dewan MATRADE yang boleh menempatkan 1,500 orang; dan**
- (v) 10 bilik mesyuarat**

Kesemua dewan pameran dan bilik mesyuarat dilengkapi dengan sistem audio visual, peralatan lampu dan sistem terjemahan terkini, dan mempunyai 1,500 lot tempat meletak kenderaan, kafe dan lain-lain bagi kemudahan pengunjung.

Tuan Yang Di Pertua,

b) Semenjak mula dibuka hingga bulan Mei 2009, sambutan orang ramai terhadap Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC) adalah menggalakkan. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 21 pameran telah dianjurkan di MECC. Antara pameran antarabangsa terbesar yang telah diadakan adalah:

- (i) MIHAS (Malaysia International Halal Showcase);**
- (ii) INTRADE (International Trade Malaysia);**
- (iii) Malaysian International Furniture Fair (MIFF);**
- (iv) Herbal Asia; dan**
- (v) Malaysia Art Expo.**

Sebanyak 361 acara seperti majlis pelancaran produk, majlis pandu uji kereta, seminar, mesyuarat, workshop dan juga beberapa acara persendirian telah dianjurkan oleh pelbagai kementerian/agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan. Antara

kementerian/agensi kerajaan yang telah mengadakan acara di MECC adalah :

- (i) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (ii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (iii) Kementerian Sumber Manusia;
- (iv) Kementerian Belia dan Sukan;
- (v) Perbadanan Pembangunan Industri Kecil & Sederhana (SMIDEC);
- (vi) Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA);
- (vii) Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- (viii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi acara MIHAS 2009 yang telah diadakan pada 6 hingga 10 Mei 2009, MATRADE telah menyediakan sebanyak 1,500 lot tempat meletak kenderaan bagi kemudahan pengunjung. Dalam masa yang sama, MATRADE telah meminta kebenaran dari DBKL dan Polis untuk membenarkan pengunjung meletak kereta di sepanjang bahu jalan berdekatan dengan Menara MATRADE.

MATRADE juga telah mendapat kerjasama dari Pengurusan bangunan-bangunan yang berdekatan seperti Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Damas Shopping Centre, Solaris Business Centre dan Masjid Wilayah bagi pengunjung untuk meletakkan kereta di kawasan-kawasan tersebut. Untuk keselesaan pengunjung, MATRADE juga telah menyediakan perkhidmatan bas shuttle bagi membawa pengunjung dari kawasan-kawasan berkenaan ke tapak pameran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBUK ANTU)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBUK ANTU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah bentuk tindakan untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah-rumah guru dan asrama pelajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah di luar bandar khususnya kawasan Daerah Lobok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur yang baik bagi semua sekolah mengikut peruntukan yang disediakan dalam RMKe-9. Ini termasuklah penyediaan rumah guru dan asrama. Untuk makluman, akibat kekangan peruntukan di bawah RMKe-9, tidak semua projek dapat dijalankan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2, sejumlah RM118 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek di negeri Sarawak yang merangkumi penyediaan kelas kabin, rumah guru dan bilik darjah. KPM sedang menyediakan dokumen tender dan dijangka pembinaan akan bermula pada Ogos 2009.

Bagi daerah Lubok Antu , di bawah RMKe-9, asrama SMK Lubok Antu dengan kapasiti 400 murid telah dirancang pembinaannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 25 Jun 2009 (Khamis)

SOALAN : 14

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Teluk Kemang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) Kadar kemalangan jalan raya membabitkan bas-bas ekspres, jumlah kematian dan kecederaan akibat nahas tahun ini; dan
- b) Status beberapa pelaksanaan undang-undang yang sebelum ini diwajibkan seperti alat penggera kelajuan atau kawalan laju (speed control).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

- (a) Perangkaan kadar kemalangan jalan raya membabitkan bas- bas ekspres dari 1 Januari hingga 31 Mei 2009 adalah sebanyak 1,032 kes. Jumlah

kematian pula adalah sebanyak 6 kes manakala jumlah kecederaan dalam tempoh yang sama adalah 26 kes.

Tuan Yang Dipertua

- (b) Kementerian Pengangkutan pernah menguatkuasakan alat penggera kelajuan (*speed warning device*) pada 1 Julai 1985 dan alat mengawas kelajuan atau *speed monitoring device (black box)* pada 15 Mac 1998. Walau bagaimanapun, kedua-dua alat tersebut telahpun dimansuhkan penggunaannya berikutan masalah alat tersebut sering diganggu usik, masalah operasi dan masalah pemantauan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasa.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1859

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan kenapa di Malaysia ini tidak digalakkan rakyat berdemontrasi seperti yang berlaku di Thailand.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Besar yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menggalakkan perhimpunan atau demonstrasi diadakan kerana senario atau situasi ini adalah bertentangan dengan budaya dan cara hidup masyarakat di negara ini. Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh pihak polis, dalam banyak keadaan, insiden demonstrasi yang diadakan akan menjadi tidak terkawal, ganas dan bertukar menjadi rusuhan, akhirnya. Natijahnya, akan berlakulah ketegangan yang boleh menjejaskan keselamatan dan menggugat ketenteraman awam. Selain daripada itu, pelbagai perkara yang tidak diingini boleh tercetus semasa insiden demonstrasi berlaku, seperti kerosakan harta benda, kecederaan pada tubuh badan, bahkan dalam sesetengah keadaan boleh menyebabkan kematian.

Perhimpunan atau demonstrasi yang menjurus kepada insiden rusuhan ini biasanya diadakan ataupun berlaku di tempat-tempat strategik serta lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di Pejabat Kedutaan Asing, Pusat Hiburan dan Pusat Komersial/ Perniagaan. Ini secara langsung akan mencetuskan keadaan huru-hara dan tidak tenteram kepada masyarakat, seperti

kesesakan lalu lintas dan juga gangguan kepada golongan peniaga, selain daripada menjejaskan imej, reputasi serta ekonomi negara kepada masyarakat tempatan dan asing, yang secara langsung menggambarkan bahawa negara ini berada di dalam situasi yang tidak stabil. Kesan akhirnya, segala urusan sama ada dari aspek pentadbiran negara ataupun apa-apa urusan perniagaan ataupun pasaran kewangan, khususnya yang melibatkan sektor pelancongan, akan terjejas.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat banyak cara atau pendekatan yang boleh diguna pakai oleh rakyat di negara ini di dalam menyuarakan rasa tidak puas hati (jika wujud), mereka, iaitu seperti melalui proses musyawarah/perundingan, proses perundangan ataupun melalui medium pilihan raya. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat dengan insiden demonstrasi ataupun terlibat di dalam penganjuran demonstrasi. Ini adalah kerana, menjadi tanggungjawab utama pihak Kerajaan di dalam memastikan bahawa tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta keamanan penduduk di negara ini, sentiasa berada di tahap yang memuaskan dan terjamin pada setiap masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANOGRAN A/L MARIMUTHU

TARIKH: 25 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGRAN A/L MARIMUTHU [Telok Intan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang memerlukan pekerja yang dibuang kerja untuk mendapat kebenaran / izin Menteri untuk merujuk kepada Mahkamah Perusahaan; dan
- (b) berapakah kes-kes yang dibawa ke Jabatan Perusahaan yang tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan kemudian Mahkamah Tinggi membatalkan keputusan Menteri untuk tidak merujuk.

PR-022-L18862

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) sentiasa berusaha membantu menyelesaikan kes-kes rayuan pemulihan kerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Dalam hal ini, JPP sentiasa mengutamakan penyelesaian kes menerusi proses rundingan secara damai (*conciliation*). Dalam usaha ini, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan kadar penyelesaian kes menerusi rundingan damai. Antara usaha tersebut ialah mengadakan proses rundingan damai kedua (*second level*

conciliation) yang dikendalikan oleh Pengarah-Pengarah Negeri dan Pegawai-Pegawai kanan di peringkat Ibu Pejabat JPP. Selain itu, JPP juga telah mewujudkan *Panel of Assessors* di peringkat Ibu Pejabat JPP bagi menilai fakta-fakta dan bukti-bukti bagi setiap kes yang dikendalikan pihak jabatan. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia akan menilai setiap kes berdasarkan kepada fakta-fakta bagi memutuskan samada kes berkenaan wajar atau tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Pada masa ini pihak kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 khususnya berkaitan dengan kuasa / izin Menteri samada untuk merujuk atau tidak sesuatu kes ke Mahkamah Perusahaan. Ini kerana sistem dan prosidur yang sedia ada di bawah sistem perundangan di negara ini memberi ruang kepada pihak-pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan Yang Berhormat Menteri untuk mendapat remidi selanjutnya dengan membuat permohonan untuk mendapatkan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak tahun 2007 sehingga Jun, 2009, sebanyak 48 kes semakan kehakiman telah difailkan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30 kes semakan kehakiman yang difailkan adalah melibatkan kes-kes yang tidak dirujuk oleh Yang Berhormat Menteri ke Mahkamah Perusahaan. Daripada jumlah 30 semakan kehakiman yang dibuat di Mahkamah Tinggi, 21 kes keputusan Mahkamah Tinggi adalah memihak kepada keputusan Yang Berhormat Menteri untuk tidak merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan manakala 9 kes lain diputuskan tidak memihak kepada keputusan Yang Berhormat Menteri. Bagi 18 kes lain yang melibatkan tindakan semakan kehakiman oleh pihak majikan yang mencabar keputusan Yang Berhormat Menteri merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan, sebanyak 16 kes telah diputuskan Mahkamah Tinggi yang memihak kepada keputusan Yang Berhormat Menteri merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan manakala 2 kes lain tidak memihak kepada keputusan Yang Berhormat Menteri..

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1860

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan dapat memasang atau menyediakan mesin pengimbas sama ada yang statik mahupun mobile untuk Pos Kawalan Sempadan di bahagian Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Limbang** yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang menimbang untuk memasang alat pengimbas statik mahupun *mobile* di semua pintu masuk seluruh negara. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menyediakan alat-alat tersebut di Pos Kawalan Sempadan Di Bahagian Limbang akan diambil perhatian oleh kerajaan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2009**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI
MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN (BUKIT
GANTANG)**

TARIKH : 25.06.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah peruntukan yang digunakan untuk melaksanakan projek naik taraf dan pembinaan jalan menjelang Pilihan Raya Kecil Bukit Gantang baru-baru ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM0.26 juta untuk pelaksanaan 11 Projek Jalan Kampung (PJK) bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang. Projek ini merupakan Projek Jalan Kampung (PJK) yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2009 dan ia tidak berkaitan secara khusus dengan Pilihan Raya Kecil Bukit Gantang.

SENARAI CADANGAN PROJEK NAIKTARAF JALAN KAMPUNG (PJK) NEGERI PERAK

BAGI TAHUN 2009

KAWASAN PARLIMEN : P.059 BUKIT GANTANG (KB)

Bil	Nama Projek	Nama Kampung dan Mukim	Daerah	Parlimen / Dun	Status Jalan sedia/Ada (isi Kod)	Bil Pengguna	Keperluan Naiktaraf						Anggaran Kos	Cadangan		Justifikasi Kriteria (isi Kod)	
							Pjg Jalan (KM)	Lebar Jln (m)	Jambatan		Kaedah Turapan			Tahun Pelaksanaan	STD Jln		
									Pjg (m)	Lebar (m)	1	2					3
Naik Taraf Jalan Kampung																	
1	Membina baru jalan tar dari Masjid Kg. Padang Besar ke rumah Encik Ismail Abd. Rahman	Kg. Padang Besar ke rumah Encik Ismail Abd. Rahman	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.12							18,000.00	2009		
2	Menurap semula jalan Sg. Petai Hulu	Jalan Sg. Petai Hulu	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.16							8,640.00	2009		
3	Menurap semula jalan Sg. Petai ke Kg. Tengah	Sg. Petai ke Kg. Tengah	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.2							16,200.00	2009		
4	Menurap semula jalan tar Kg. Berchat ke rumah Encik Fuze Daud	Kg. Berchat ke rumah Encik Fuze Daud	Larut & Matang	Bukit Gantang										6,000.00	2009		
5	Membina jalan baru Lorong 4 Kg. Air Puteh	Lorong 4 Kg. Air Puteh	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.2							21,000.00	2009		
6	Membina jalan baru Lorong 2 Kg. Air Puteh	Lorong 2 Kg. Air Puteh	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.2							21,000.00	2009		

Bil	Nama Projek	Nama Kampung dan Mukim	Daerah	Parlimen / Dun	** Status Jalan sedia/Ada (isi Kod)	Bil Pengguna	Keperluan Naiktaraf						Cadangan	*** Justifikasi Kriteria (isi Kod)				
							Pjg Jalan (KM)	Lebar Jln (m)	Jambatan		**** Kaedah Turapan				Anggaran Kos	Tahun Pelaksanaan	** STD Jln	
									Pjg (m)	Lebar (m)	1	2						3
7	Menurap semula jalan di Kg Sg. Lidin Baru	Kg Sg. Lidin Baru	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.35						19,940.00	2009				
8	Membina jalan baru Lorong Mat Zain	Lorong Mat Zain	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.6						6,300.00	2009				
9	Membina jalan baru Lorong Encik Yusof Kg. Pak Dollah	Lorong Encik Yusof Kg. Pak Dollah	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.16						16,800.00	2009				
10	Membina jalan baru di Kg. Bukit Cempedak ke Bukit Geligih	Kg. Bukit Cempedak ke Bukit Geligih	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.6						9,000.00					
11	Menurap semula di Lorong 4 Tanah Rancangan Berkelompok Kg. Dew	Lorong 4 Tanah Rancangan Berkelompok Kg. Dew	Larut & Matang	Bukit Gantang			0.4						21,000.00	2009				
JUMLAH KESELURUHAN													163,880.00					

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]**

TARIKH : **25 JUN 2009 (KHAMIS)**

SOALAN : **Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dasar-dasar pertanian selama ini termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan telah memanfaatkan petani-petani terutama sekali dalam penyelesaian isu-isu seperti kekurangan tanah untuk pertanian.

JAWAPAN : **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kekurangan tanah bagi mengusahakan pertanian tanaman ditangani oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi pembangunan tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di stesen-stesen pertanian sedia ada.

Di samping itu, Kementerian menjalankan kaedah perolehan tanah-tanah baru untuk pertanian melalui:

- i) permohonan yang dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap kawasan yang berstatus tanah Kerajaan Negeri;

- ii) pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 sekiranya tanah yang hendak dimajukan dikenal pasti mempunyai hak milik; dan
- iii) pembangunan bersama dengan Kerajaan Negeri seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Tanah-tanah yang terlibat diletakkan di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan program seperti TKPM dapat dimanfaatkan oleh petani dalam isu kekurangan tanah pertanian dan telah dapat:

- (i) melahirkan usahawan-usahawan dalam bidang pengeluaran tanaman makanan;
- (ii) menggalakkan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan yang komersial;
- (iii) mewujudkan zon kekal pengeluaran tanaman makanan;
- (iv) menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan negara secara mapan, berkualiti dan selamat; dan
- (v) meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM 3,000/bulan

Sehingga akhir 2008, seluas 3,828 hektar meliputi 45 TKPM telah dibangunkan yang melibatkan 764 usahawan tani. Pada tahun 2008, sebanyak 34,545.6 metrik tan hasil telah dikeluarkan dengan nilai RM 38.5 juta.

Daripada jumlah 764 usahawan tani tersebut, ladang yang diusahakan oleh 535 usahawan tani telah pun mula mengeluarkan hasil. Daripada jumlah tersebut seramai 160 usahawan tani (29.9%) telah berjaya mendapat pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan manakala 46 usahawan tani (9%) lagi telah mencapai pendapatan bersih diantara RM 2,000 - RM 2,999.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : **25 JUN 2009 (KHAMIS)**

SOALAN : **20**

Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam Kempen RM1 oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad dan sejauh mana kejayaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melaksanakan Kempen RM1 pada tahun ini berdasarkan Pelan Transformasi KTMB 2009 hingga 2012 dengan matlamat untuk membawa KTMB keluar daripada kerugian serta mengurangkan kebergantungannya kepada Kerajaan.

Pelan transformasi KTMB terdiri daripada 3 fasa seperti berikut:-

- i) Fasa Pertama, bertujuan untuk mencapai keuntungan sekurang-kurangnya RM1 dan melaksanakan penstrukturan semula kewangan dan pengurusan dalam tahun 2009;
- ii) Fasa Kedua (2010-2011), KTMB akan menumpukan usaha kepada penjenamaan semula serta membangunkan dan mempertingkatkan keupayaan sumber tenaga manusia; dan
- iii) Fasa Ketiga (2012), KTMB akan lebih menekankan kepada penerapan nilai-nilai positif dan budaya kerja korporat yang cemerlang.

Bagi merealisasikan pelan ini, KTMB telah menubuhkan sebanyak 84 pasukan (84 *labs*) bagi merangka dan menjalankan pelbagai uji kaji atau kaedah bagi menjana pendapatan tambahan (tidak termasuk pendapatan yang dibajet) dan mengurangkan kos operasi perkeretapian. Di samping itu juga, sebanyak 15 pasukan petugas (*task force*) telah ditubuhkan bagi membantu merealisasikan matlamat pelan ini di mana pasukan petugas ini melibatkan Ketua Jabatan KTMB dan disokong oleh kakitangan bawahan pelbagai peringkat.

Bagi tahun 2009, KTMB mensasarkan pendapatan sebanyak RM509.5 juta iaitu RM419.9 juta merupakan sasaran sebenar di dalam bajet tahunan dan RM89.6 juta merupakan sasaran pendapatan tambahan dalam Pelan Transformasi KTMB. Sehingga Minggu ke-22 tahun ini, jumlah pendapatan tambahan dan pengurangan kos yang telah berjaya dicapai adalah sebanyak RM21.7 juta yang mana terdiri daripada pendapatan tambahan sebanyak RM17.3 juta dengan jumlah pengurangan kos sebanyak RM4.4 juta. Manakala jumlah pendapatan (bajet) sehingga minggu ke-22 adalah sebanyak RM117.7 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI)

TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kekurangan guru besar berjaya diisi di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Sarawak mulai tahun 2006. Nyatakan faktor yang dihadapi oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah guru besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian berhubung dengan masalah kekurangan guru besar termasuklah yang dihadapi di SJKC negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengisian jawatan Guru Besar DGA32 dan DGA34 di SJKC di negeri Sarawak adalah seperti berikut :

Tahun	DGA32		DGA34	
	Jawatan	Pengisian	Jawatan	Pengisian
2006	107	96	106	94
2007	106	87	113	97
2008	105	84	114	103
2009 (sehingga 31 Mei 2009)	101	96	120	114
JUMLAH	419	363	453	408

KPM melalui JPN Sarawak sentiasa berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan Guru Besar di SJKC dengan menawarkan calon penempatan di sekolah-sekolah yang terletak paling hampir dan terdekat dengan sekolah/stesen asal. Walau bagaimanapun, masih ramai calon yang ditawarkan pemangkuan untuk mengisi kekosongan jawatan Guru Besar di SJKC menolak tawaran terutama apabila ditempatkan ke kawasan pedalaman.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, KPM melalui JPN Sarawak juga mengenalpasti calon-calon dari sekolah yang sama terutama di sekolah-sekolah pedalaman yang belum memenuhi syarat zon pemangkuan/kenaikan pangkat untuk diperakukan Memangku Bukan Dengan Tujuan Naik Pangkat (MBDTNP) untuk memegang jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah yang berkenaan. Calon-calon tersebut akan diperakukan untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA32 / DGA34 setelah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

Pihak Kementerian akan terus menawarkan pemangkuan kepada calon-calon yang layak untuk mengisi kekosongan jawatan Guru Besar di SJK(C) kerana baki senarai nama pemangkuan masih ada dan tempoh sahlaku calon hanya berakhir pada 31 Disember 2009.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]**
TARIKH : **25 JUN 2009 (KHAMIS)**
SOALAN : **Dato' Rashid bin Din [Merbok]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak dana telah diperuntukkan untuk tanaman kontan dalam Dana Rangsangan Ekonomi yang terbaru untuk setiap negeri. Bagaimanakah ia diagihkan mengikut jenis tanaman untuk negeri Kedah dan mengapakah subsidi untuk tanaman nanas bagi kawasan Kuala Muda, Kedah telah habis diagihkan sejak bulan Mac 2009 lagi.

JAWAPAN : **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diperuntukkan sebanyak RM14.542 juta khusus bagi tanaman kontan pada tahun 2009. Jenis tanaman kontan yang telah dikenal pasti di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua ini adalah cendawan, cili, sayur-sayuran, labu manis, *rock melon*, jagung, tomato, *vitato* dan kelapa.

Bagi negeri Kedah, peruntukan yang diluluskan ialah untuk tanaman kontan jenis cili fertigasi dan sayur konvensional sebanyak RM 174,000 serta bagi pemuliharaan dan penanaman semula kelapa adalah sebanyak RM 129,600. Projek cili fertigasi dilaksanakan di Kuala Ketil dengan peruntukan sebanyak RM87,000 dan sayur konvensional dilaksanakan di Padang Serai juga dengan peruntukan sebanyak RM87,000.

Untuk tanaman nanas, dua bentuk bantuan disediakan iaitu bagi Rancangan Tanam Baru (RTB) dan Rancangan Tanam Semula (RTS) di bawah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Bantuan ini diberikan dalam bentuk input merangkumi benih, baja, racun dan hormon bernilai RM2,400/ekar bagi RTB dan RM700/ekar bagi RTS. Agihan bantuan diberi mengikut keluasan kawasan yang dibangunkan.

Sasaran pembangunan kawasan nanas di Negeri Kedah bagi tahun 2009 adalah seluas 1,020 ekar atau 413 hektar. Sehingga Jun 2009, sebanyak 256 permohonan telah diterima dari seluruh negeri Kedah melibatkan kawasan tanaman seluas 719.71 hektar. Daripada jumlah tersebut, 13.3% atau 34 permohonan adalah daripada daerah Kuala Muda.

Daripada 256 permohonan yang diterima, 55 permohonan telah diluluskan dengan melibatkan kawasan keluasan 258.8 hektar. Bagi daerah Kuala Muda, 34 permohonan diterima dan 7 permohonan telah diluluskan dengan keluasan sebanyak 39.25 hektar melibatkan peruntukan sebanyak RM232,768.

Berdasarkan daripada jumlah permohonan yang diterima, jelas dilihat bahawa ia telah melebihi sasaran ditetapkan untuk negeri Kedah. Sehubungan itu, LPNM kini dalam usaha memproses baki permohonan yang diterima sebelum peruntukan diagihkan kepada pekebun-pekebun kecil yang terlibat.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Hj. Ismail b. Hj. Abd. Muttalib
TARIKH : 25 Jun 2009
SOALAN : Dato' Hj. Ismail b. Hj. Abd. Muttalib
[Maran] minta Menteri Pertanian
Dan Industri Asas Tani menyatakan:-

Berapakah sehingga hari ini jumlah keperluan makanan Negara yang telah dikeluarkan melalui kegiatan pertanian mengikut sektor dan tahun bilakah jangkaan Negara dapat mengeluarkan sebahagian besar keperluan makanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Secara keseluruhan jumlah keperluan bahan makanan negara pada tahun 2008 bagi sub-sektor tanaman adalah 5.00 juta tan metrik berbanding 5.21 juta tan metrik pada tahun 2007. Pengeluaran sub-sektor perikanan pula menghasilkan 1.73 juta tan metrik bernilai RM6.72 bilion berbanding 1.65 juta tan metrik bagi tahun 2007. Sub-sektor ternakan pula mencatatkan peningkatan pengeluaran daripada 1.87 juta tan metrik pada tahun 2007 kepada 1.97 juta tan metrik pada tahun 2008 bernilai RM9.62 bilion.

TANAMAN

Pada tahun 2008, pengeluaran komoditi makanan utama negara iaitu beras adalah 1.51 juta metrik tan dengan kadar sara diri 73% berbanding dengan 1.53 juta metrik pada tahun 2007. Tahap sara diri dijangka akan meningkat kepada 86% menjelang tahun 2010. Penggunaan beras pada tahun 2008 adalah 2.19 juta tan metrik berbanding dengan 2.05 juta tan metrik pada tahun 2007 dengan penggunaan perkapita sebanyak 75.6 kg dan 79 kg setahun bagi setiap individu pada tahun 2007 dan 2008. Bagi pengeluaran sayur-sayuran pula, pada tahun 2008 sebanyak 754,000 tan metrik dengan keluasan bertanam seluas 51 ribu hektar berbanding dengan 787,000 tan metrik pada tahun 2007 iaitu pada tahap sara diri 76%.

PERIKANAN

Sektor perikanan negara menghasilkan pengeluaran sebanyak 1.73 juta tan metrik dengan nilai sebanyak RM6.72 bilion pada tahun 2008 berbanding dengan 1.65 juta tan metrik dengan nilai RM6.40 billion pada tahun 2007, peningkatan sebanyak 4.8%. Daripada jumlah tersebut, perikanan marin masih menjadi penyumbang utama iaitu sebanyak 1.45 juta tan metrik dan kadar sara diri bagi penggunaan ikan negara adalah sebanyak 95.2 %. Dijangkakan menjelang tahun 2010, tahap sara diri bagi sektor perikanan akan mencapai 103.1%.

TERNAKAN

Bagi sektor ternakan pula, sehingga tahun 2008, hanya daging ayam/itik dan telur ayam/itik sahaja yang telah mencapai tahap sara diri sepenuhnya manakala komoditi lain seperti daging lembu, daging kambing dan susu masih belum memenuhi keperluan negara. Negara masih mengimport komoditi berkenaan dari negara-negara

lain terutama New Zealand , Australia dan India dan usaha-usaha untuk meningkatkan kemampuan dalam memenuhi keperluan negara bagi komoditi-komoditi tersebut sedang giat dijalankan.

Kementerian menjangkakan bahawa tidak semua komoditi mampu untuk mencapai tahap sara diri sepenuhnya iaitu sebanyak 100% berdasarkan kekangan utama seperti kesesuaian komoditi berdasarkan faktor agro-klimatik, aspek kos efektif pengeluaran dan tahap daya saing petani, penternak dan nelayan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.06.2009

Tuan Salleh bin Kalib (Silam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa krisis ekonomi global sekarang, mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan bagaimanakah reaksi pasaran setakat ini, hasil daripada pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.

dan

SJ.B /(102)

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.06.2009

Tuan Salleh bin Kalib (Silam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan pengagihan dan pelaksanaan Pakej Rangsangan RM60b dalam membantu memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara dan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli **Yang Berhormat Tanjong Silam** bersama-sama dengan soalan **Yang Berhormat Hulu Langat** yang dijadualkan dijawab pada 25 Jun 2009 dan 29 Jun 2009 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama, iaitu berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi.

2. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Jun 2009 lalu, Malaysia telah mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi dengan mencatat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar pada kadar negatif 6.2%, pada suku pertama 2009. Ini merupakan pertumbuhan ekonomi negatif suku tahunan pertama yang dialami sejak suku ketiga tahun 2001. Pertumbuhan negatif ini disebabkan terutamanya oleh kesan kelembapan ketara ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang telah menjejaskan permintaan eksport negara sejak separuh kedua 2008.

3. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah pun menyemak semula unjuran kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2009 daripada positif 0.5% kepada negatif 1.3% dan perdagangan dunia 2009 daripada positif 2.1% kepada negatif 11%. Negara-negara maju dan membangun juga dijangka mencatat penguncupan ekonomi atau kadar pertumbuhan yang lebih perlahan.

4. Berdasarkan situasi ekonomi semasa, Kerajaan menjangkakan persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009 adalah lebih sukar dan mencabar. Perkembangan ini jelas dilihat melalui penunjuk-penunjuk ekonomi domestik yang menggambarkan tren yang menurun, seperti nilai eksport, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) dan perbelanjaan pelaburan. Berikutan dengan ini, Kerajaan telah membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2009 daripada antara negatif 1% hingga positif 1% kepada negatif 4% hingga negatif 5%.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menyedari situasi ekonomi yang semakin mencabar, Kerajaan terus komited untuk mengurangkan kesan kelembapan ini supaya ekonomi negara kembali cergas dan beransur pulih. Untuk tujuan ini, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama pada 4 November 2008, manakala, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua telah diumumkan pada 10 Mac 2009, dengan peruntukan RM60 bilion. Pakej kedua ini adalah lebih komprehensif serta meliputi semua sektor ekonomi dan akan dilaksanakan dalam tempoh tahun 2009 dan 2010. Kerajaan akan memastikan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua serta perbelanjaan bajet tahunan dilaksanakan segera dan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

6. Sehingga kini, untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, sejumlah RM6.8 bilion daripada RM7 bilion telah disalurkan

kepada Kementerian dan agensi pelaksana. Sehingga 19 Jun 2009, sejumlah 45,192 projek bernilai RM4.4 bilion telah ditawarkan untuk dilaksanakan, dengan 13,748 projek bernilai RM1.7 bilion telah disiapkan. Ini turut melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf dan membaikpulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital yang berjumlah RM500 juta telah dilaksanakan. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sejumlah 9,867 projek bernilai RM4.5 bilion telah diberikan. Daripada jumlah ini, sebanyak 843 projek bernilai RM1.4 bilion telah disiapkan.

7. Pakej rangsangan ini merupakan pakej yang komprehensif, yang turut mengambil kira usaha mengurangkan beban rakyat dalam mengharungi kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung. Ini telah membantu mengurangkan kadar inflasi kepada 2.5% pada bulan Mei 2009, berbanding dengan 8.5% pada bulan Julai dan Ogos 2008.

8. Inisiatif yang diambil oleh Kerajaan ini untuk memulihkan ekonomi telah dapat memberi keyakinan para pelabur, terutama dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. KLCI telah melonjak sehingga 1,070.92 mata pada 17 Jun 2009 berbanding 855.25 mata pada 10 Mac 2009. Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah pakej rangsangan, dijangka akan memberi kesan

positif yang lebih ketara ke atas ekonomi negara dalam separuh kedua tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan yakin bahawa melalui strategi dan langkah yang telah dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini akan dapat mengurangkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta dapat memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan rapi bagi memastikan ianya dilakukan dengan pantas dan berkesan serta perlaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan (*value-for-money*).

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1854

SOALAN:

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana rakyat boleh diberi jaminan keselamatan dari rompakan bersenjata dan pecah rumah yang kian menjadi-jadi di dalam Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan Yang Mulia ini, sepanjang tahun 2008, sebanyak 258 kes samun bersenjata api dilaporkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 1 kes melibatkan rompakan bank, 88 kes melibatkan rompakan kedai emas dan 169 kes melibatkan lain-lain premis dilaporkan pada tahun berkenaan.

Manakala, sebanyak 9,118 kes pecah rumah siang hari dan 26,470 kes pecah rumah malam hari dilaporkan menjadikan jumlah kes pecah rumah yang dilaporkan pada tahun 2008 ialah sebanyak 35,588 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis sentiasa komited dalam menjalankan tugas-tugas berhubung pencegahan jenayah. Kesungguhan pihak polis dalam perkara ini boleh dilihat daripada kadar penyelesaian kes yang dicatatkan bagi tahun 2008 iaitu sebanyak 94,431 kes atau bersamaan 44.15%. Berdasarkan kepada pencapaian pihak polis,

jelas bahawa kadar penyelesaian kes di negara ini adalah jauh melebihi tahap yang ditetapkan oleh pihak Interpol iaitu 20% daripada keseluruhan jenayah indeks tahunan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya memberi jaminan di sini bahawa rakyat tidak perlu merasa bimbang kerana pihak polis telah mengambil tindakan agresif dalam memerangi jenayah di Negara ini.

SOALAN NO: 26

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK SERI ANWAR IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 25.06.2009

Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kriteria yang digunakan dalam pengagihan projek-projek Pakej Rangsangan kepada negeri-negeri. Sila nyatakan jumlah dan kos projek-projek yang telah diagihkan mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan sebanyak RM67 bilion iaitu RM7 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan RM60 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua merupakan satu usaha Kerajaan bagi menangani krisis kewangan global. Daripada sejumlah RM67 bilion ini, sebanyak RM10 bilion adalah merupakan suntikan fiskal bagi perbelanjaan pembangunan dan RM12 bilion bagi perbelanjaan mengurus.

2. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, kriteria yang digunakan dalam pengagihan bagi program dan projek adalah selari

dengan lima teras Misi Nasional dan juga selaras dengan tiga strategi khusus Bajet 2009 iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, membangunkan Modal Insan Berkualiti dan Memperkukuhkan Daya Tahan Negara. Pihak Kerajaan memberi keutamaan kepada projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi dan kandungan import yang rendah. Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan persekitaran peniagaan dan pelaburan yang kondusif serta penjanaan peluang pekerjaan yang mapan bagi sektor swasta.

3. Daripada jumlah RM7 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, agihan mengikut negeri adalah seperti berikut :

**Agihan Peruntukan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama
Mengikut Negeri**

Negeri	Pakej 1 (RM)	Pecahan (%)
Johor	382,882,561	5.63
Kedah	204,956,246	3.01
Kelantan	185,226,178	2.72
Melaka	138,730,052	2.04
N. Sembilan	180,870,057	2.66
Pahang	422,481,125	6.21
Perak	316,882,105	4.66
Perlis	84,959,271	1.25
Pulau Pinang	110,784,748	1.63
Sabah	550,032,301	8.08
Sarawak	452,573,334	6.65
Selangor	703,566,045	10.34
Terengganu	203,684,369	2.99
W.Persekutuan	244,745,991	3.60
Pelbagai	2,624,347,911	38.56
Jumlah	6,806,722,294	100.00

4. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, Kerajaan memberi fokus kepada empat teras utama. Teras Pertama adalah mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan. Lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan akan disediakan oleh Kerajaan manakala bagi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja, kebajikan mereka juga turut dijaga. Teras Kedua adalah meringankan beban rakyat, terutamanya golongan mudah terjejas. Kerajaan sedang giat membasmi masalah kemiskinan di negara kita ini. Oleh itu, di bawah teras kedua ini, Kerajaan akan meningkatkan pemilikan rumah dengan membina lebih banyak rumah Mesra Rakyat, meningkatkan tahap infrastruktur awam bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat, membantu golongan yang kurang bernasib baik serta menjaga kebajikan pekerja yang diberhentikan. Teras Ketiga pula adalah membantu sektor swasta menghadapi krisis dengan mewujudkan Skim Jaminan Modal Kerja dan Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri. Teras Keempat adalah membina keupayaan masa depan. Antara usaha yang diambil adalah merangsang sektor pertumbuhan baru serta meliberalisasikan sektor perkhidmatan di negara kita.

5. Daripada RM60 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, RM10 juta merupakan perbelanjaan pembangunan dan RM5 juta belanja mengurus. Agihan mengikut negeri adalah seperti berikut :

Agihan Peruntukan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua
Mengikut Negeri

Negeri	Pakej 2 (RM)	Pecahan (%)
Johor	273,136,134	1.88
Kedah	122,035,064	0.84
Kelantan	106,950,000	0.74
Melaka	178,400,000	1.23
N. Sembilan	327,558,894	2.26
Pahang	565,447,584	3.90
Perak	274,601,067	1.89
Perlis	77,200,000	0.53
Pulau Pinang	64,700,000	0.45
Sabah	476,550,000	3.29
Sarawak	1,253,079,579	8.65
Selangor	395,584,100	2.73
Terengganu	79,750,000	0.55
W.Persekutuan	297,200,000	2.05
Pelbagai	9,998,938,847	69.00
Jumlah	14,491,131,269	100.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)
TARIKH : 25 Jun 2009

PERTANYAAN

Y.B. Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah merancang penyediaan perkhidmatan MRT / Bullet Train di antara Johor Bahru / Singapura dan Johor Bahru / Kuala Lumpur sebagai satu langkah meningkatkan daya saing kawasan pembangunan Iskandar Malaysia di Johor Bahru. Jika belum, mengapa?

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai cadangan pembinaan perkhidmatan MRT di antara Johor Bahru / Singapura, sehingga kini pihak Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan masih belum memutuskan samada Iskandar Malaysia akan mempunyai Perkhidmatan MRT atau LRT dengan Singapura. Ini kerana kajian mengenai pengangkutan awam di Johor khususnya Iskandar Malaysia sedang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Koridor Wilayah Pembangunan

Iskandar (IRDA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor. Hasil kajian ini perlu dibincangkan dengan lebih lanjut bersama dengan agensi-agensi berkaitan sebelum apa-apa keputusan mengenainya dapat dibuat.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai cadangan projek penyediaan perkhidmatan Bullet Train di antara Johor Bahru / Kuala Lumpur telah dikemukakan oleh Syarikat YTL Corporation pada tahun 2002. Pada tahun 2003, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan kerjasama Minconsult Sdn Bhd telah menjalankan satu kajian kemungkinan iaitu *National Transport Policy and Strategy study* yang turut mengkaji cadangan projek Bullet Train di antara KL – Singapura ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati projek tersebut tidak berdaya maju tanpa bantuan Kerajaan. Oleh itu, Jemaah Menteri pada 2 Ogos 2006 telah bersetuju supaya pihak Khazanah Nasional Berhad untuk mengkaji kesesuaian dan skop pelaksanaan projek ini dari segi daya maju, *desirability* dan pandangan rakyat serta impak projek tersebut kepada daya saing negara. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan projek tersebut pada masa kini adalah kurang perlu dan Kerajaan telah memutuskan supaya cadangan projek ini tidak diteruskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)

TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai rancangan jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Apakah status terkini mengenai rancangan tersebut dan adakah terdapat sebarang bayaran dari pihak China yang telah dibuat kepada kontraktor bagi menjayakan projek ini.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan projek jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPPKe-2) sedang giat dilaksanakan di tapak mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Sehingga 1 Mei 2009, kerja-kerja pembinaan bagi Pakej 1 (*substructure* dan *main span*) yang dibuat oleh kontraktor CHEC Construction (M) Sdn. Bhd. (CHEC) telah siap sebanyak 18%. Bayaran kemajuan yang telah dibayar setakat ini pula adalah sebanyak RM292.7 juta daripada RM396 yang dituntut. Walau bagaimanapun, bayaran ini dibuat kepada kontraktor menggunakan sumber pinjaman *bridging* daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) memandangkan pinjaman daripada China masih dalam peringkat rundingan *perjanjian Individual Loan Agreement*. Mengikut persetujuan asal, pihak China melalui *The Export-and Import Bank of China* akan memberi pinjaman mudah

sebanyak USD800 juta atau RM2,800 juta kepada syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. bagi membiayai sebahagian daripada kos projek JPPKe-2.

Sementara itu, Pakej 2 iaitu bahagian *superstructure* yang dibuat oleh UEM Builders Berhad telah siap sebanyak 12% dan telah mengemukakan tuntutan bayaran sebanyak RM168 juta. Walau bagaimanapun, masih belum ada pembayaran daripada JKSB kepada UEM Builder Berhad.

Kerja-kerja bagi Pakej 3 iaitu kerja-kerja di darat masih dalam peringkat proses untuk ditender dan kini JKSB telah melantik konsultan bagi penyediaan proses tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
SHUKRI (BATANG SADONG)**

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa ramai wanita memegang jawatan di dalam jawatankuasa utama Negara ini, misalnya jawatankuasa berhubung dengan pengambilan pekerja, Jawatankuasa Belanjawan, Jawatankuasa Anti Rasuah, Jawatankuasa Keselamatan dan lain-lain jawatankuasa.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Keahlian kebanyakan Majlis dan Jawatankuasa utama yang ditubuhkan oleh Kerajaan, sama ada yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ataupun oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, ditentukan berdasarkan tanggungjawab seseorang Menteri ataupun kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara tertentu. Sebagai contoh, keahlian Majlis Kewangan Negara adalah berdasarkan jawatan yang dipegang dan tidak bergantung kepada jantina seseorang.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Suruhanjaya, Majlis dan Jawatankuasa yang keahliannya terbuka dan tidak berdasarkan tanggungjawab sesebuah kementerian atau jabatan tertentu. Dalam hal ini, perwakilan wanita dalam organisasi berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	Suruhanjaya	Bilangan wanita
1.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	- 8 orang daripada 30 orang (26.7%)
2.	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	- 9 orang daripada 26 orang (34.6%)
3.	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan	- 1 orang daripada 8 orang (12.5%)
4.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (termasuk Lembaga Penasihat/ Jawatankuasa/ Panel)	- 3 orang daripada 42 orang (7.1%)
5.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	- 2 orang daripada 8 orang (25%)
6.	Majlis Keselamatan Pesakit, Kementerian Kesihatan Malaysia	- 10 orang daripada 26 orang (38.5%)
7.	Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia	- 1 orang daripada 22 orang (5%)
8.	Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI)	- 2 orang daripada 5 orang (40%) (ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja)

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan ke atas bas pajak yang mencemari udara dan melanggar peraturan pengangkutan dan keselamatan di Pulau Pinang dan adakah tindakan merangkumi pembatalan lesen.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, LPKP sentiasa menjalankan penguatkuasaan berterusan dan mengambil tindakan tegas terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan lesen kenderaan pengangkutan awam termasuklah bas-bas di Pulau Pinang.

Bagi tempoh Januari 2009 sehingga Mei 2009, sebanyak 116 tangkapan melibatkan pelbagai jenis kesalahan bas di Pulau Pinang telah diambil tindakan. Daripada jumlah itu, **98 pelesen telah dikenakan kompaun, 8 pelesen diberi amaran dan 10 kes lagi masih di dalam siasatan.**

Bagi penguatkuasaan terhadap **pelepasan asap berlebihan** sehingga menyebabkan pencemaran udara, kuasa tersebut adalah terletak di bidang kuasa **Jabatan Alam Sekitar** dan pada masa ini, setiap bas telah diwajibkan untuk menjalani **pemeriksaan berkala setiap 6 bulan di PUSPAKOM** bagi memastikan kenderaan tersebut layak dari segi teknikal dan keselamatan untuk beroperasi di jalan raya.

Selain itu, **LPKP turut menetapkan had usia kenderaan** perkhidmatan awam bagi memastikan kualiti perkhidmatan bas terkawal. Bagi kesalahan melibatkan pencemaran udara dan keselamatan ini, LPKP sentiasa berkerjasama dengan agensi-agensi lain untuk terus mengambil tindakan bagi memastikan pengangkutan awam dapat digunakan dengan selamat. Bagi mana-mana kenderaan pengangkutan awam yang gagal memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat digunakan, LPKP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang lebih tegas sehingga **menggantung atau membatalkan lesen.**

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERHIMPATAN MENTERI menyatakan adakah tawaran biasiswa ditawarkan kepada anak-anak nelayan miskin yang cemerlang dan telah berjaya memasuki universiti tempatan seperti anak-anak peneroka Felda supaya mereka tidak dibebankan dengan bayaran balik pinjaman PTPTN.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada Program Ijazah Luar Negara yang sering menjadi rebutan, JPA turut menawarkan biasiswa bagi pelajar cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Tawaran biasiswa ini adalah terbuka kepada semua pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan tanpa mengira kaum. Kriteria pemilihan PIDN adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 80% dan sosio ekonomi keluarga 20%. Sehubungan itu, pelajar-pelajar yang cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah dan memenuhi syarat yang ditetapkan mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan biasiswa di bawah program ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: ~~31~~. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang relevan selaras dengan pengumuman oleh Kabinet baru-baru ini bahawa agama seseorang anak yang ibu atau bapa telah menganut agama Islam ialah agama pada tarikh perkahwinan ibu bapa mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang mengenai penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun yang sedia ada. Undang-undang yang sedia ada hendaklah dikekalkan. Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peruntukan berhubung dengan penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun, bagi mengatasi masalah yang berbangkit daripada penukaran agama, Kerajaan bersetuju untuk membuat pindaan yang berkaitan kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Jabatan Peguam Negara sedang dalam proses memuktamadkan pindaan yang berkenaan bagi maksud tersebut.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

**YB Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan sejauh manakah proses bagi meluluskan permohonan Projek CARI telah berjaya dijalankan di negeri Sarawak sehingga ke hari ini. Sila nyatakan jumlah yang telah memohon dan jumlah yang sudah dapat. Sila berikan maklumat pecahan kawasan parlimen.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Sejak Projek Cari dijalankan ia berjaya mengesan kes-kes yang tercicir dan terpinggir di seluruh negara. Bagi

negeri Sarawak, semenjak projek tersebut dilancarkan dan sehingga 12 Jun 2009, sebanyak 28,783 kes telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,827 kes telah diberi bantuan kewangan manakala 22,702 kes masih dalam siasatan dan 3,254 kes tidak diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPWKM bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengambil tindakan serius bagi mempercepatkan siasatan dan pertimbangan ke atas permohonan-permohonan yang diterima melalui Projek CARI. Ini termasuklah:-

- i. menambah bilangan pekerja sambilan Projek CARI;
- ii. menambah bilangan kenderaan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Bahagian-bahagian; dan
- iii. menambah jumlah peruntukan bagi tujuan perjalanan dan tuntutan kerja lebih masa.

Jumlah kes yang telah dikesan dan jumlah kes yang diluluskan mengikut Kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

1. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN KUCHING

P.193 SANTUBONG

(Jumlah kes dikesan = 736 kes, Jumlah kes diluluskan = 49 kes)

P.194 PETRA JAYA

(Jumlah kes dikesan = 483 kes, Jumlah kes diluluskan = 43 kes)

P.195 BANDAR KUCHING

(Jumlah kes dikesan = 135 kes, Jumlah kes diluluskan = 17 kes)

P.196 STAMPIN

(Jumlah kes dikesan = 505 kes, Jumlah kes diluluskan = 50 Kes)

P.198 MAMBONG

(Jumlah kes dikesan = 472 kes, Jumlah kes diluluskan = 79 kes)

P.192 MAS GADING

(Jumlah kes dikesan = 554 Kes, Jumlah kes diluluskan = 15 kes)

2. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN SAMARAHAN

P.201 BATANG LUPAR

(Jumlah kes dikesan = 378 kes, Jumlah kes diluluskan = 10 kes)

P.200 BATANG SADONG

(Jumlah kes dikesan = 948 kes, Jumlah kes diluluskan = 57 kes)

P.197 KOTA SAMARAHAN

(Jumlah kes dikesan = 616 kes, Jumlah kes diluluskan = 38 kes)

P.198 MAMBONG

(Jumlah kes dikesan = 20 kes, Jumlah kes diluluskan = 3 kes)

P.199 SERIAN

(Jumlah kes dikesan = 224 kes, Jumlah kes diluluskan = 15 kes)

P.202 SRI AMAN

(Jumlah kes dikesan = 342 kes, Jumlah kes diluluskan = 34 kes)

3. **KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN SRI AMAN**

P.201 BATANG LUPAR

(Jumlah kes dikesan = 278 kes, Jumlah kes diluluskan = 10 kes)

P.202 SRI AMAN

(Jumlah kes dikesan = 568 kes, Jumlah kes diluluskan = 25 kes)

P.203 LUBOK ANTU

(Jumlah kes dikesan = 758 kes, Jumlah kes diluluskan = 22 kes)

4. **KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN SIBU**

P.212 SIBU

(Jumlah kes dikesan = 1825 kes, Jumlah kes diluluskan = 525 kes)

P.210 KANOWIT

(Jumlah kes dikesan = 2562 kes, Jumlah kes diluluskan = 139 kes)

P.214 SELANGAU

(Jumlah kes dikesan = 396 kes, Jumlah kes diluluskan = 80 kes)

5. **KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN MIRI**

P.219 MIRI

(Jumlah kes dikesan = 494 kes, Jumlah kes diluluskan= 115 kes)

P.218 SIBUTI

(Jumlah kes dikesan = 591 kes, Jumlah kes diluluskan = 182 kes)

P.220 BARAM

(Jumlah kes dikesan = 569 kes, Jumlah kes diluluskan = 136 kes)

6. **KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN LIMBANG**

P.221 LIMBANG

(Jumlah kes dikesan = 1652 kes, Jumlah kes diluluskan = 144 kes)

P.222 LAWAS

(Jumlah kes dikesan = 526 kes, Jumlah kes diluluskan = 83 kes)

7. **KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN KAPIT**

P.215 KAPIT

(Jumlah kes dikesan = 2148 kes, Jumlah kes diluluskan= 113 kes)

P.216 HULU REJANG

(Jumlah kes dikesan= 1523 kes, Jumlah diluluskan=74 kes)

8. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN BETONG

P.204 BETONG

(Jumlah kes dikesan = 377 kes, Jumlah kes diluluskan = 317 kes)

P.201 BATANG LUPAR

(Jumlah kes dikesan = 402 kes, Jumlah kes diluluskan = 146 kes)

P.205 SARATOK

(Jumlah kes dikesan = 669 kes, Jumlah kes diluluskan = 578 kes)

9. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN SARIKEI

P.208 SARIKEI

(Jumlah kes dikesan = 869 kes, Jumlah kes diluluskan = 136 kes)

P.206 TANJUNG MANIS

(Jumlah kes dikesan = 1089 kes, Jumlah kes diluluskan = 85 kes)

P.207 IGAN

(Jumlah kes dikesan = 15 kes, Jumlah kes diluluskan = 0 kes)

P.209 JULAU

(Jumlah kes dikesan = 248 kes, Jumlah kes diluluskan = 60 kes)

10. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN BINTULU

P.217 BINTULU, SEBAUH, TATAU (Jumlah kes dikesan = 1109 kes, Jumlah kes diluluskan = 420 kes)

P.216 SG. ASAP (Jumlah kes dikesan = 412 kes, Jumlah kes diluluskan = 40 kes)

11. KAWASAN PARLIMEN BAHAGIAN MUKAH

P.213 MUKAH, DALAT, DARO, BALINGIAN

Mukah - (Jumlah kes dikesan = 172, jumlah kes diluluskan = 16 kes)

Dalat - (Jumlah kes dikesan = 394 kes, jumlah kes diluluskan = 16 kes)

Daro - (Jumlah kes dikesan = 1746 kes, jumlah kes diluluskan = 10 kes)

Balingan - (Jumlah kes dikesan = 49 kes, jumlah kes diluluskan = 4 kes)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]
TARIKH : 25 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) bilangan orang lelaki , wanita dan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun yang mengalami sakit jiwa, schizophrenia atau kesedihan bagi setiap tahun di antara tahun 2000 hingga 2009; dan
- (b) sama ada pakar-pakar sakit jiwa dan kemudahan perubatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kumpulan-kumpulan pesakit ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan telah mengumpulkan data bilangan kes gangguan mental dan tingkahlaku yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam di hospital-hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Bagi tempoh lapan tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2007, jumlah keseluruhan kes yang dimasukkan ke wad di hospital Kerajaan adalah berjumlah 14,160,892 kes. Daripada jumlah ini, sejumlah 227,522 kes adalah merupakan gangguan mental dan tingkahlaku dan jumlah ini menyumbang kepada 1.61% dari jumlah kemasukan kes ke wad di hospital Kerajaan. Majoriti (161,440 atau 70.9%) kes

gangguan mental dan tingkahlaku adalah terdiri daripada mereka menghidap penyakit mental yang digolongkan dibawah kumpulan *Schizophrenia, Schizotypical dan Delusional Disorders*.

Untuk tempoh yang sama, dari jumlah keseluruhan kes gangguan mental dan tingkah laku, sejumlah 225, 814 kes (99.2%) adalah di kalangan orang dewasa manakala 1,708 (0.8%) kes adalah terdiri daripada kanak-kanak berumur kurang dari 12 tahun. Jumlah kes gangguan mental dan tingkahlaku di kalangan lelaki adalah berjumlah 152,274 (66.9%) manakala jumlah kes di kalangan wanita pula adalah berjumlah 75,248 (33.1%) kes.

Bagi memenuhi keperluan pesakit-pesakit ini, Kementerian Kesihatan telah menyediakan menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental bagi pesakit-pesakit mental melalui empat buah institusi mental dan 32 buah hospital di seluruh negara dengan sejumlah 102 orang Pakar Psikiatri, 2 orang Pegawai Psikologi Klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 pegawai psikologi (yang menjalankan tugas-tugas kaunseling) untuk membantu individu-individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, gangguan mental dan penyakit mental. Selain itu, dari sejumlah 806 buah klinik kesihatan di seluruh negara, sejumlah 671 buah (76.6%) klinik kesihatan memberikan perkhidmatan rawatan susulan pesakit mental yang stabil dalam komuniti. Pakar-pakar Perubatan Keluarga juga ditempatkan di klinik-klinik kesihatan untuk mengesan dan memberi rawatan awal kepada pesakit yang dikenalpasti mempunyai masalah kesihatan mental, gangguan dan penyakit mental.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang cadangan Kabinet untuk mengekalkan status agama anak di bawah 18 tahun semasa ibu bapanya berkahwin dalam keadaan salah seorang ibu bapanya memeluk agama lain. Apakah Kabinet telah mengambil pandangan pakar sebelum kenyataan ini dibuat secara umum.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kabinet telah bersetuju bahawa status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun apabila salah seorang ibu bapanya memeluk agama lain hendaklah ditentukan menurut Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Sebelum Kabinet membuat kenyataan tersebut secara umum, Kabinet telah mengambil kira pandangan yang diberikan oleh Jabatan Peguam Negara. Dalam menyediakan pandangan tersebut, Jabatan Peguam Negara telah berunding dengan pakar-pakar perundangan Syariah dan sivil seperti Mufti-mufti, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Ketua-ketua Hakim Syarie, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Manikavasagam a/l Sundaram
[Kapar]**

TARIKH : 25 Jun 2009 (Khamis)

SOALAN:

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Legal Aid kepada mereka yang dituduh melakukan kesalahan jenayah.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Majlis Peguam Malaysia baru-baru ini telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sebuah Yayasan Bantuan Guaman ('National Legal Aid Foundation') yang antaranya bertujuan untuk memberi bantuan guaman kepada mereka yang dituduh melakukan kesalahan jenayah. Cadangan ini masih dalam peringkat pertimbangan kerajaan dan akan dibuat keputusan setelah menimbang faktor-faktor mengenai kewajaran penubuhan Yayasan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini telah wujud sebuah jabatan kerajaan, iaitu Biro bantuan Guaman (BBG) yang ditubuhkan sejak 15 september 1970 yang berperanan memberi khidmat nasihat undang-undang dan bantuan guaman kepada golongan yang tidak berkemampuan termasuk mereka yang dituduh melakukan kesalahan jenayah.

Oleh yang demikian, sekiranya penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Negara diperseujui oleh pihak Kerajaan, mekanisme penubuhan dan pelaksanaannya perlulah dihalusi bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan peranan kedua-dua pihak.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.06.2009

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan memberi statistik penuh bagi senarai syarikat-syarikat yang telah memohon kemudahan kewangan menerusi WCGS (RM5b) dan IRLGS (RM5b) yang diuruskan oleh Prokhas Sdn Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd (SJPP) yang ditubuhkan pada 26 Mac 2008 berperanan untuk menguruskan *Working Capital Guarantee Scheme Facility* dan *Industry Restructuring Financing Guarantee Scheme* seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009 di Dewan Rakyat.

2. Menerusi kedua-dua skim tersebut, Kerajaan Malaysia akan menjamin pinjaman yang menepati syarat-syarat kedua-dua skim tersebut dan dikeluarkan oleh 44 institusi kewangan yang mengambil bahagian.

3. SJPP yang mula beroperasi pada 16 April 2009 telah meluluskan sebanyak 1,305 permohonan sehingga 8 Jun 2009 bagi kedua-dua skim ini yang melibatkan jaminan kerajaan berjumlah RM1,308.7 juta. Statistik kelulusan mengikut skim adalah seperti berikut:

	Pemohon	Pinjaman (RM Juta)	Jaminan (RM Juta)
WCGFS	1,279	1,543.32	1,234.66
IRLGS	26	107.68	74.04
Jumlah	1,305	1,651.00	1,308.70

4. Yang Berhormat, lebih 90% daripada permohonan yang diterima adalah untuk *Working Capital Guarantee Scheme Facility*. Permohonan yang tinggi untuk *Working Capital Guarantee Scheme Facility* adalah kerana skim ini dibuka untuk semua sektor ekonomi manakala *Industry Restructuring Financing Guarantee Scheme* adalah untuk pembiayaan pelaburan dalam sektor tertentu iaitu yang meningkatkan produktiviti, tambah nilai tinggi dan penggunaan teknologi mesra alam (*Green Technology*). Bagaimanapun, institusi kewangan terbabit masih meneliti dengan lebih terperinci keperluan dan syarat skim yang telah ditetapkan. Oleh itu, Kementerian Kewangan percaya permohonan untuk *Industry Restructuring Financing Guarantee Scheme* akan meningkat sedikit masa lagi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI
PETANI)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.06.2009**

Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta **Menteri Kewangan** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pegawai dan kakitangan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang beroperasi di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah dirancang bagi memperbaiki imej Lembaga tersebut termasuk membekalkan kepada pegawai dan kakitangan dengan peralatan seperti perabot yang lebih baik, ruang kerja yang selesa dan kebersihan alam sekitar yang lebih enak dipandang mata.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pegawai dan kakitangan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang beroperasi di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta adalah seramai 2,661 orang yang meliputi 24 cawangan dan jabatan.

2. LHDNM sentiasa memberi keutamaan kepada usaha-usaha bagi memperbaiki imejnya. Usaha penambahbaikan ini telah dijalankan untuk kemudahan pembayar cukai, orang awam dan pegawai serta kakitangan LHDNM. Antara usaha yang dijalankan untuk memperbaiki imej LHDNM adalah :

- (i) Penjenamaan semula (*rebranding*) yang melibatkan perubahan kepada visi, misi, slogan, moto, ikrar dan dasar kualiti yang bertujuan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan menyemai rasa tanggungjawab pembayar cukai kepada LHDNM melalui kutipan hasil;
- (ii) Pegawai dan kakitangan LHDNM didedahkan kepada pelbagai kursus yang bersesuaian bagi melengkapkan kemahiran yang perlu untuk menjalankan tugas seharian dengan efektif dan efisien serta menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam;
- (iii) Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan disediakan untuk memudahkan pembayar cukai seperti mewujudkan kaunter setempat (*one stop centre*) di semua cawangan, ruang menunggu yang selesa, kaunter khas untuk orang kurang upaya, wanita hamil dan warga emas serta menyediakan perkhidmatan elektronik seperti e-filing, e-filing ejen cukai, e-bayaran, e-daftar, e-stamps dan kalkulator Potongan Cukai Berkala (PCB);
- (iv) Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) diadakan setiap tahun bagi membantu pembayar cukai mengembalikan borang cukai. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah melanjutkan waktu pejabat sehingga 10 malam bagi 2 minggu sebelum tarikh akhir pengembalian borang cukai dan membuka kaunter perkhidmatan di premis membeli-belah, premis majikan kerajaan dan swasta, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, kilang dan sebagainya bagi memudahkan pembayar cukai menjalankan urusan percukaian;
- (v) Bayaran balik cukai diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja bagi pengguna e-filing dan 90 hari bagi borang cukai yang dikemukakan secara manual dengan syarat rekod atau dokumen yang dikemukakan adalah lengkap; dan
- (vi) Memiliki beberapa bangunan baru untuk menempatkan cawangan-cawangan LHDNM di seluruh Malaysia seperti di Kangar, Bukit Mertajam, Taiping dan di lain-lain tempat bagi meningkatkan

keselesaan pegawai dan kakitangannya. Selain itu, LHDNM mempunyai perancangan untuk membina bangunan pejabat baru yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, perabot dan persekitaran yang menarik bagi memberi keselesaan kepada pegawai dan kakitangannya.

Mengikut Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2014 Hingga 31/1/2014

KESALAHAN	BATU PAHAT	J/BAHRU SELATAN	J/BAHRU UTARA	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAIJAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSAJAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :														
BUNUH	-	-	3	-	-	-	-	-	1	2	-	-	-	6
ROGOL	4	-	-	2	2	-	1	2	1	-	1	-	4	17
SAMUN BERKAWAN BERS/API	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	9	42	20	5	4	7	7	-	3	7	2	5	23	134
SAMUN BERSENJATAPI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SAMUN TANPA S/API	2	10	4	-	1	1	-	-	-	-	-	3	2	23
MENCEDERAKAN	6	22	10	-	-	2	1	1	1	2	1	1	4	51
JUMLAH	21	74	37	7	7	10	9	3	6	11	4	9	33	231
JENAYAH HARTABENDA :														
CURI	16	64	23	19	10	8	7	2	5	13	11	8	7	193
CURI MOTOKAR	3	68	25	7	1	8	1	-	2	14	5	4	31	169
CURI MOTOSIKAL	36	126	81	38	38	24	13	8	20	51	17	18	91	561
CURI VAN/LORI/J'BERAT	4	10	10	2	1	6	1	-	1	6	1	1	10	53
CURI RAGUT	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-	-	2
PRC	6	40	15	5	2	9	2	1	-	3	1	5	11	100
JUMLAH	65	308	154	71	52	55	24	11	30	87	35	36	150	1,078
JUMLAH JENAYAH INDEKS	86	382	191	78	59	65	33	14	36	98	39	45	183	1,309

Mengikut Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2013 Hingga 31/12/2013

KESALAHAN	BATU PAHAT	J/BAHRU SELATAN	J/BAHRU UTARA	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAIJAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSAJAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :														
BUNUH	9	11	7	7	9	5	2	2	4	10	4	5	14	89
ROGOL	49	77	22	43	43	31	18	14	28	15	28	25	50	443
SAMUN BERKAWAN BERS/API	-	-	2	1	-	-	-	-	2	-	-	-	1	6
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	118	490	223	94	70	77	38	11	36	141	70	46	285	1,699
SAMUN BERSENJATAPI SAMUN TANPA S/API	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MENCEDERAKAN	46	168	118	50	32	17	27	8	24	40	19	26	101	676
JUMLAH	258	856	414	205	166	134	92	39	108	228	125	116	498	3,239
JENAYAH HARTABENDA :														
CURI	305	713	256	125	84	166	83	25	87	142	59	59	218	2,322
CURI MOTOKAR	101	659	329	137	29	177	12	4	30	218	41	42	409	2,188
CURI MOTOSIKAL	422	1,637	945	452	378	354	140	66	261	490	122	307	1,180	6,754
CURI VAN/LORI/J'BERAT	48	147	150	55	15	73	3	3	18	70	16	19	159	776
CURI RAGUT	1	1	1	-	3	2	14	-	2	-	1	3	-	28
PRC	143	570	312	53	43	118	26	4	53	80	12	25	359	1,798
JUMLAH	1,020	3,727	1,993	822	552	890	278	102	451	1,000	251	455	2,325	13,866
JUMLAH JENAYAH INDEKS	1,278	4,583	2,407	1,027	718	1,024	370	141	559	1,228	376	571	2,823	17,105

NW: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 39

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha dan kejayaannya untuk mempertingkatkan standard universiti awam. Setakat manakah keadilan dapat ditegakkan dalam pengambilan pelajar, pemberian insentif-insentif seumpama biasiswa-biasiswa serta penilaian pencapaian termasuk PhD.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha memperkasa dan meningkatkan prestasi universiti awam. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dijadikan panduan kepada transformasi pengajian tinggi dan meningkatkan prestasi universiti tempatan di persada dunia.

Antara langkah yang diambil termasuk:

- i. mengiktiraf empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu USM, UPM, UKM dan UM sebagai Universiti Penyelidikan;
- ii. mengiktiraf USM sebagai Universiti bertaraf APEX (*Accelerated Programme for Excellence*);
- iii. mempertingkatkan penerbitan hasil penyelidikan berkualiti tinggi terutamanya dalam *high impact journals*;
- iv. mempertingkatkan bilangan pensyarah berkeelayakan PhD bagi memastikan kecemerlangan akademik; dan
- v. mempertingkatkan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral bagi memantapkan lagi aktiviti penyelidikan.
- vi. memperluas dan memantapkan jaringan global IPTA dengan universiti-universiti terkemuka luar negara serta kolaborasi antarabangsa dengan syarikat multi nasional dan pihak swasta;
- vii. memantapkan struktur tadbir urus IPT dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintegriti; dan
- viii. memantapkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan memantapkan kaedah pembelajaran yang berinovatif, sentiasa relevan dan dinamik.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya mengamalkan sistem meritokrasi yang mengambil kira pencapaian akademik, ko-kurikulum dan juga taraf sosio-ekonomi pemohon dalam pengambilan pelajar, pemberian biasiswa serta penilaian pencapaian termasuk PhD. Sebagai contoh, sistem meritokrasi bagi kemasukan pelajar ke IPTA telah diamalkan sejak Sesi Akademik 2002/2003 lagi. Sistem ini memberi layanan yang sama kepada setiap pelajar tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal. Setiap pelajar yang layak menyertai pendidikan tertiar tidak akan dinafikan peluang mereka ke IPT.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek *Penang Outer Ring Road* (PORR) dan adakah projek ini akan dilaksanakan secara PFI "*Private Finance Initiative*" atau dibiayai oleh Kerajaan.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semasa membuat penilaian Kajian Separuh Penggal RMKe-9, Kerajaan telah melihat pelaksanaan projek secara menyeluruh dan keupayaan Kerajaan untuk melaksanakannya dalam baki tempoh RMKe-9. Justeru itu, Kerajaan pada 23 April 2008 telah memutuskan bahawa projek Lebuhraya Raya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) adalah antara projek yang tidak dilaksanakan pada ketika itu.

Sekiranya kedua-dua Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mengkaji semula pelaksanaan projek ini dalam konteks pembangunan Pulau Pinang, projek ini boleh diberi pertimbangan semula tertakluk kepada keperluan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

SOALAN NO: 41

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH : 25.06.2009

SOALAN : DATO' LILAH YASIN minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) Bilakah pembangunan fasa 2 FELDAJAYA Raja Alias, Jempol hendak dilaksanakan; dan
- b) Berapakah jumlah peruntukan dan unit rumah yang disediakan bagi pembangunan rumah kos rendah dan rumah berkembar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan fasa kedua (2) Feldajaya Raja Alias masih belum dapat dilaksanakan tahun ini memandangkan ia masih di peringkat kajian. Namun begitu, fasa kedua (2) dijangka akan dimulakan pada tahun 2010 di mana tumpuan diberikan kepada pembinaan lebih banyak rumah kos rendah.

Pembangunan fasa pertama (1) telahpun siap sepenuhnya pada tahun 2007 melibatkan kawasan seluas 207 ekar. Pembangunan fasa pertama mengandungi komponen iaitu 88 unit banglo, 10 unit rumah kedai, Kolej Integrasi Ilmu (KINI), dewan komuniti, perpustakaan, tadika dan pusat IT, medan selera, hentian bas dan teksi, surau, pasar serta pusat pentadbiran FELDA Wilayah Raja Alias. Projek tersebut sehingga kini melibatkan kos sebanyak RM64.1 juta.

(b) Cadangan pembinaan rumah kos rendah di bawah Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) bagi fasa kedua (2) melibatkan komponen-komponen seperti rumah teres kos sederhana rendah sebanyak 150 unit, rumah teres kos rendah sebanyak 400 unit dan

10 unit kedai setingkat. Kos bagi projek tersebut dianggarkan bernilai RM50 juta. Adalah diharap pembinaan fasa (2) ini akan memberi manfaat kepada peneroka di Daerah Jempol khususnya generasi baru FELDA untuk membeli rumah mampu milik, yang membuktikan sekali lagi keprihatinan Kerajaan untuk membantu mereka.

-----XXX-----

SOALAN NO: ~~34~~
42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1856

SOALAN:

Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan peraturan atau strategi baru untuk mengatasi jenayah moden seperti gejala mat rempit, kes ragut dan penipuan komersial (bogus scam) seperti gores dan menang.

JAWAPAN

Tuan yang dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Bukit Mertajam** yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,653 operasi yang diadakan sepanjang 1 Mei 2009 sehingga 14 Jun 2009, seramai 127 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 77 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah kes ragut, tindakan yang diambil oleh PDRM adalah seperti berikut:-

- (i) mengenal pasti kawasan yang kerap berlaku jenayah ragut, memantau dan mengambil tindakan ke atas sindiket-sindiket jenayah ragut terancang;

- (ii) menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap berlaku kes jenayah ragut;
- (iii) meningkatkan operasi besar-besaran untuk membentaras kegiatan jenayah ragut;
- (iv) menambahkan jumlah kereta peronda MPV untuk kegunaan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (v) menghantar lebih ramai anggota Bit / Patrol serta kawalan / rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (vi) meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah;
- (vii) lebih kerap mengadakan kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pameran-pameran berkaitan jenayah ragut semasa; dan
- (viii) mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi kes-kes penipuan gores dan menang yang melibatkan khidmat pesanan ringkas (*SMS*) dan *Internet*, PDRM dengan kerjasama *Internet Service Provider* dan syarikat telekomunikasi telah mengeluarkan khidmat pesanan ringkas berbentuk peringatan kepada semua pengguna internet dan telefon bimbit. Laman web bank-bank di negara ini juga telah mewujudkan pop up (peringatan) dalam paparan aplikasi perbankan *internet*. Selain dari itu, notis-notis peringatan juga disebarikan kepada semua pengguna ATM (Automatic Teller Machine) seluruh negara.

Kempen-kempen pencegahan jenayah komersial telah dilaksanakan dari semasa ke semasa seperti mengadakan pameran dan ceramah menjurus kepada misi untuk menyedarkan masyarakat mengenai gejala penipuan seumpama ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya yakin dengan peruntukan undang-undang sedia ada serta kempen-kempen yang dilaksanakan mampu membendung aktiviti-aktiviti jenayah ini.

No: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)
TARIKH : 25.06.2009
NO. SOALAN : 43

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha yang dilakukan untuk menangani penjualan Cakera Video Digital (CVD) dan Cakera Padat Video (VCD) cetak rompak di bandar- bandar utama seperti di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau di Sabah. Sila berikan perangkaan terkini mengenai jumlah rampasan yang dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memberi tumpuan bagi menangani penjualan Cakera Video Digital (CVD) dan Cakera Padat Video (VCD) cetak rompak yang terdapat di bandar- bandar utama seperti di kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru tidak terkecuali juga di Kota Kinabalu termasuk di Sandakan dan Tawau. Faktor permintaan

yang tinggi kerana harga VCD /DVD cetak rompak lebih murah dan menjimatkan turut merangsang penawarannya.

Pelbagai usaha dan langkah penguatkuasaan telah dan terus diambil bagi menangani isu ini antaranya;

- i) mempertingkatkan gerakan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan kekal dan terbuka secara berkala atau sepanjang masa dengan menempatkan pegawai secara statik;
- ii) membuat risikan ke atas kilang-kilang tidak berlesen (kilang haram) serta membuat pemantauan ke atas kilang-kilang berlesen;
- iii) melaksanakan tangkapan di bawah Akta Hak Cipta 1987 ke atas mereka yang didapati menjalankan aktiviti menjual barangan cetak rompak;
- iv) meneruskan pelaksanaan penggunaan label tulen pada VCD dan DVD tulen untuk membezakan bahan cetak rompak dengan yang tulen;
- v) mempergiatkan serbuan ke atas premis-premis yang dikenalpasti menjalankan aktiviti mengilang dan membekal;
- vi) mengerakkan Pasukan Petugas Khas membanteras cetak rompak. Pasukan ini dianggotai oleh agensi-agensi penguatkuasa lain antaranya PBT, PDRM, FINAS, Kementerian Dalam Negeri, Kastam, Imigresen dan sebagainya. Agensi tersebut diminta menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang masing-masing;

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan kes melalui undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian dan jumlah rampasan yang dibuat oleh pejabat Kementerian di kawasan Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 2009 telah merekodkan adalah :-

- i) Di Kota Kinabalu, sebanyak 7 kes dihasilkan melibatkan sitaan ke atas DVD Filem, CD lagu dan perisian hiburan dengan nilai rampasan berjumlah RM51,340.00 berbanding 10 kes dihasilkan di sepanjang tahun 2008 dengan nilai rampasan RM432,760.00 dan 10 orang ditangkap di bawah Akta Hak Cipta 1987;
- ii) Di Sandakan, satu kes dicatatkan melibatkan sitaan ke atas DVD filem dengan nilai sitaan RM590.00 berbanding tahun 2008 mencatat 8 kes dihasilkan dengan nilai rampasan RM35,725.00; dan
- iii) Di Tawau, tiada tindakan kes, namun pemeriksaan dan pemantauan terus dijalankan sepanjang masa terutama di premis kekal dan terbuka. Hanya 1 kes direkodkan sepanjang tahun 2008 dengan nilai rampasan berjumlah RM 53,810.00 sitaan ke atas DVD filem.

No: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)
TARIKH : 25.06.2009
NO. SOALAN : 44

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan di pihak Kementerian untuk meminda atau melupuskan Akta Jual Beli 1967 yang kini berusia 40 tahun bagi mencerminkan keadaan sebenar jumlah kadar bunga yang dikenakan ke atas pengguna yang dilihat sangat membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian tidak bercadang untuk melupuskan Akta Sewa Beli kerana Akta ini masih relevan untuk melindungi sektor industri kewangan dan penyewa.

Kementerian kini sedang dalam tindakan untuk meminda dan menggubal peruntukkan yang baru bagi memantapkan lagi penguatkuasaan Akta Sewa Beli selaras dengan perkembangan semasa dalam industri sewa beli negara. Bagi memastikan Akta ini kekal relevan, Kementerian akan memasukkan elemen-elemen sewa beli Islam dan sewa beli konvensional terkini.

Pindaan kepada Akta pada tahun 2005 melalui penggubalan dan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Sewa Beli (Caj-caj Terma) 2005 menjelaskan bakal penyewa diberi pilihan untuk memilih sama ada untuk memasuki perjanjian sewa beli dengan "*option flate rate*" di mana kadar faedahnya tidak melebihi 10% setahun ataupun memilih kadar "*variable*" iaitu tambahan sebanyak 2% daripada "*base lending rate*" (BLR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Had maksimum kadar caj terma boleh ubah (*variable*) ialah 17% untuk setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
KAWASAN : SELAYANG
TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah alasan Kementerian meluluskan 4 pembuat kenderaan penumpang/komersial termasuk PROTON dan PERODUA memandangkan Malaysia mempunyai permintaan terhadap dan adakah cadangan mengkaji semula Polisi Automotif Negara termasuk memansuhkan AP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua pengilang kereta iaitu Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) dan Perusahaan Otomobil Kedua Nasional Sdn. Bhd. (PERODUA), dua pengilang kenderaan perdagangan / komersil iaitu INOKOM Corporation Sdn. Bhd. (INOKOM) dan ISUZU-HICOM Sdn. Bhd. (HICOM-PERKASA)

dan satu pengilang motorsikal iaitu Motorsikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS) telah diberi status nasional. Pemberian status ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses pembangunan industri automotif negara yang meliputi pemindahan teknologi, pembangunan industri komponen dan alat ganti, aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta program eksport. Pemberian status nasional ini adalah berdasarkan kepada kategori kenderaan yang berlainan antara satu syarikat dengan syarikat yang lain dari segi jenis keluaran, kuasa enjin dan juga segmen pasaran masing-masing. Tambahan daripada itu, pemberian status ini juga seharusnya tidak memberi tumpuan kepada pasaran tempatan semata-mata, bahkan untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa yang lain.

Mengenai Dasar Automotif Negara, kajian semula sedang dilaksanakan dan kini diperingkat akhir. Kajian yang dijalankan mengambilkira semua aspek penting dalam rangkaian industri automotif tempatan termasuklah dasar semasa mengenai AP kenderaan. Kajian ini juga turut mengambilkira cadangan-cadangan dari pelbagai pihak termasuklah cadangan untuk kemungkinan memansuhkan AP.

Kementerian ini sedang dalam tindakan untuk meminda dan menggubal peruntukkan yang baru bagi memantapkan lagi penguatkuasaan Akta Sewa Beli selaras dengan perkembangan semasa dalam industri sewa beli negara. Bagi memastikan Akta ini kekal relevan, Kementerian akan memasukkan elemen-elemen sewa beli Islam dan sewa beli konvensional terkini.

Pindaan kepada Akta pada tahun 2005 melalui penggubalan dan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Sewa Beli (Caj-caj Terma) 2005 menjelaskan bakal penyewa diberi pilihan untuk memilih sama ada untuk memasuki perjanjian sewa beli dengan "*option flate rate*" di mana kadar faedahnya tidak melebihi 10% setahun ataupun memilih kadar "*variable*" iaitu tambahan sebanyak 2% daripada "*base lending rate*" (BLR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Had maksimum kadar caj terma boleh ubah (*variable*) ialah 17% untuk setahun.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH: 25 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [Bukit Bendera] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah kes tuntutan Perkeso yang berjaya dan peratusan telah gagal dan apakah sebab utama kes-kes tersebut gagal dalam tuntutan.

PR-022-L20002

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah berjaya menyelesaikan sebanyak 67,406 kes tuntutan sepanjang tahun 2008 iaitu 45,841 kes Faedah Hilangupaya Sementara, 9,984 kes Faedah Hilangupaya Kekal, 875 kes Faedah Orang Tanggungan, 6,055 kes Pencen Ilat dan 4,651 kes Pencen Penakat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57,972 kes tuntutan iaitu 86% layak menerima bayaran faedah manakala sebanyak 8,766 kes iaitu 13% telah ditolak. Baki sebanyak 668 kes masih dalam siasatan.

Satu sebab utama penolakan kes-kes tersebut adalah kemalangan tidak boleh dikategorikan sebagai berpunca daripada pekerjaannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2(6) atau Seksyen 24 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 47

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah kaedah pemantauan yang dijalankan oleh Kerajaan ke atas universiti-universiti swasta bagi menjamin mutu akademik universiti benar-benar unggul dan bertaraf kelas pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sentiasa melakukan pemantauan terhadap institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melalui pelaksanaan sistem jaminan kualiti yang menyeluruh. Pemantauan secara berterusan melalui audit ke atas program-program pengajian dan institusi pengajian tinggi (IPT) dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti berikut:-

- i. akreditasi sementara program;
- ii. akreditasi program;
- iii. audit institusi untuk menentukan status swaakreditasi IPTS;

- iv. audit pemantauan terhadap program yang mendapat akreditasi sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun;
- v. audit pemantauan terhadap IPTS yang berstatus swaakreditasi sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun;
- vi. *Academic Performance Audit (APA)*; dan
- vii. Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA).

Proses penilaian dan pemantauan kualiti yang dilaksanakan di atas dilaksanakan bermula dari peringkat awal sesuatu program hendak dijalankan dan berterusan sehingga sesebuah IPT mencapai status swaakreditasi. Ini penting bagi memastikan sesuatu program yang diluluskan oleh Kementerian sentiasa mematuhi dan memenuhi kriteria dan standard yang telah ditetapkan, sentiasa berada di tahap terbaik, dijamin kualitinya serta dipertingkatkan prestasinya.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN
MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 25 .06.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan nilai peruntukan pembinaan jalan Kokol/Poring-Poring serta jumlah pampasan harta benda yang dibayar kepada penduduk kampung yang terlibat dalam pembesaran jalan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman YB. Datuk, pembinaan jalan Kokol ke Poring-Poring melibatkan kos berjumlah RM78.57 juta untuk pembinaan jalan sepanjang 18 km berdasarkan piawaian jalan JKR R2. Bagi pembinaan jalan ini, Kerajaan telah membuat bayaran pampasan berjumlah RM0.09 juta kepada penduduk kampung yang terlibat dalam pembesaran jalan ini.

SOALAN NO:49

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tn Amran B. Ab. Ghani [Tanah Merah]

TARIKH : 25 Jun 2009

SOALAN : Tn Amran B. Ab. Ghani [Tanah Merah]

minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

ASAS TANI menyatakan:-

Adakah pihak Kementerian bercadang melalui agensinya seperti Pejabat Pertanian, LPP, FAMA dan lain-lain meluaskan promosi penanaman pokok *Jatropha*/ jarak bagi menghasilkan bio-diesel secara besar-besaran yang lebih menguntungkan para petani

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jatropha curcas atau jarak pagar adalah tanaman baru yang diperkenalkan dan berpotensi untuk dimajukan sebagai bahan mentah industri *biodiesel*

negara di samping minyak kelapa sawit. Selain itu, penanaman *Jatropha* mampu memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan kepada petani atau membekalkan bahan bakar asas bagi penduduk di pedalaman.

Walau bagaimanapun, persoalan utama sama ada *jatropha* boleh menjadi pemacu "*Next Frontier Biofuel Industry*" masih belum diketahui pada masa kini. Memandangkan terdapat banyak jurang maklumat dan teknologi ke atas tanaman ini, usaha penyelidikan dan pembangunan yang terfokus, dilengkapi dengan program "*stewardship*" yang sesuai, merupakan pilihan strategik yang perlu diambil untuk mengenal pasti sama ada tanaman ini boleh menjadi sumber *biofuel* yang berdaya maju untuk negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, melalui MARDI, telah memulakan penyelidikan ke atas tanaman ini pada tahun 2006 dan kini sedang mengendalikan satu program penyelidikan yang komprehensif. Aspek-aspek yang diberi perhatian dalam program penyelidikan ini termasuklah pemilihan varieti, amalan agronomi dan sistem pengeluaran, kajian musuh dan penyakit, mekanisasi ladang, pembangunan produk sampingan dan adaptasi teknologi pemprosesan *biodiesel*. Inisiatif untuk mempercepatkan pembangunan bio-diesel dari *jatropha* juga telah bermula dengan mengadakan perkongsian pintar dengan syarikat luar negara seperti Nanden Bio-matrix dari India dan juga penyelidikan secara kontrak dibiayai oleh syarikat D 1 Oil, United Kingdom. Walau bagaimanapun, dengan maklumat yang sedia ada, masih terlalu awal untuk diperkembangkan tanaman *jatropha* secara besar-besaran kepada petani-petani sebagai tanaman komersial.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)
**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R. SANTIAGO**
KAWASAN : KLANG

**YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status
perbincangan Perdagangan Bebas di antara EU-ASEAN. Mungkinkah
perbincangan FTA ini tukar kepada hala bi-lateral.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

**Sejak FTA antara ASEAN dan Kesatuan Eropah (*European Union - EU*)
dilancarkan pada Mei 2007, Jawatankuasa Bersama (*Joint Committee*)
bagi rundingan FTA ini telah mengadakan tujuh (7) pusingan rundingan
di mana pusingan rundingan ketujuh telah diadakan di Kuala Lumpur
pada 4-5 Mac 2009.**

**Semasa pusingan ketujuh ini, ASEAN telah mengambil maklum
pendirian EU supaya rundingan FTA ASEAN-EU yang selanjutnya
ditangguhkan, sehingga Menteri-menteri Ekonomi dari kedua-dua pihak**

memutuskan secara bersama, sama ada rundingan FTA tersebut diteruskan atau tidak.

Pihak EU telah menyatakan kesukaran ASEAN untuk merundingkan FTA yang menyeluruh dengan EU sebagai punca utama yang melambatkan proses rundingan FTA ASEAN-EU. Selain itu, EU juga menyatakan bahawa ia tidak akan menerima negara Myanmar sebagai salah satu negara pejanji dalam FTA berkenaan walaupun Myanmar dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam proses rundingan FTA.

ASEAN pula menegaskan bahawa rundingan FTA dengan EU perlu melibatkan kesemua Negara Anggota ASEAN, termasuk Myanmar selaras dengan persetujuan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN-EU pada Mei 2007 untuk merundingkan FTA ASEAN-EU berdasarkan pendekatan *region-to-region*.

Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Ministers Retreat*) pada 4-5 Mei 2009 mengambil maklum keputusan untuk menangguhkan rundingan FTA dan bersetuju mengemukakan perkara ini untuk pertimbangan Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN apabila Sidang Kemuncak ASEAN yang ditangguhkan diadakan semula.

Pesuruhjaya Perdagangan EU (*EU Trade Commissioner*) turut mengeluarkan kenyataan mengenai keputusan penangguhan rundingan

FTA secara kelompok ASEAN dengan Kesatuan Eropah (EU) tersebut dan menyatakan hasrat EU untuk meneruskan rundingan FTA secara dua hala. EU kini sedang meneroka rundingan dua hala dengan beberapa Negara Anggota ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Malaysia bersikap terbuka terhadap cadangan rundingan dua hala dengan EU. Namun demikian penilaian lebih lanjut sedang dijalankan mengenai kemungkinan FTA dua hala ini sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan.

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1857

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membanteras masalah pendatang asing tanpa izin khususnya dari Indonesia yang kini melebihi 1 juta orang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Taiping yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan warganegara asing ke negara ini adalah dikawal di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan – peraturan Imigresen 1963. Kerajaan menganggarkan bahawa terdapat lebih kurang **1 juta orang PATI** di Malaysia termasuk PATI dari Indonesia. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya keadaan PATI di negara ini adalah terkawal. Ini kerana, Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius ke atas kehadiran begitu ramai pendatang asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang dibawa oleh pelawat asing ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah PATI adalah seperti berikut:-

- i) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (*in-house enforcement*) antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)

secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warga asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963. **Bagi tempoh 2004 hingga 30 April 2009 adalah didapati seramai 259,207 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap di seluruh negara melalui 26,651 operasi yang dijalankan.** Dalam hubungan ini juga, **seramai 248,521 orang PATI telah diusir ke negara asal;**

- ii) mewujudkan **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK-PAPATI)** yang dipengerusikan oleh Y.B Timbalan Perdana Menteri sebagai jawatankuasa yang merangka dasar-dasar bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit secara holistik berhubung isu pekerja asing dan permasalahan PATI;
- iii) **pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara akan dipertingkatkan,** iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama **Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).** Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. **la dijalankan**

dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA);

- iv) memperkenalkan Sistem Biometrik bagi memastikan cap jari PATI yang dihantar balik diambil bagi tujuan menyenaraihitamkan PATI ('BLI') berkenaan daripada memasuki semula ke Malaysia;
- v) mengeluarkan 'i-card' untuk semua pelajar dan pekerja asing supaya pihak penguat kuasa mudah mengenal pasti pelajar dan pekerja asing yang tulen;
- vi) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (return ticket) di samping menasihatkan mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- vii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah yang telah bermula pada 07 Ogos 2008 sehingga 18 Disember 2008 (Fasa 1) dan 23 Februari 2009 hingga 31 Disember 2009 (Fasa 2); dan
- viii) mengadakan satu program bertujuan untuk menggalakkan PATI yang memasuki negara ini

secara haram hanya dikenakan kompaun yang nominal tanpa perlu melalui perbicaraan di Mahkamah PATI sebelum dihantar pulang ke negara asal. Sehingga 31 Mei 2009 melalui program ini sahaja, seramai 14,376 orang PATI telah dihantar pulang ke negara asal. Daripada jumlah tersebut, jumlah PATI warganegara Indonesia yang telah diusir pula adalah seramai 565 orang sahaja.

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1858

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan Kerajaan ke atas Laporan Lugar yang mendakwa bahawa Malaysia merupakan pusat penyeludupan warga Myanmar yang dihantar ke Australia sebagai pelacur atau buruh paksaan dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menebus nama baik Negara yang terjejas berikutan dengan "peranan" kita ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan dakwaan dari pihak Senat Amerika Syarikat mengenai berlakunya kegiatan pemerdagangan orang di Malaysia yang melibatkan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, siasatan ke atas perkara ini telah dijalankan. Walau bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan penglibatan pegawai kerajaan di dalam kegiatan ini sebagaimana yang didakwa. Pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana penjawat awam sekiranya terdapat kebenaran dan bukti kukuh mengenai dakwaan ini.

Penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang telah menjalani hukuman hanya dibenarkan melalui pintu keluar yang sah sahaja mengikut *standard operating procedure* yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang salah laku dan untuk memperlihatkan ketelusan dalam tindakan pegawai awam di dalam melaksanakan tugas.

Pihak PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) telah mewujudkan '*point contact*' dengan pihak berkuasa Australia terutamanya mengenai perkongsian maklumat risikan dan dalam latihan anggota keselamatan. Kerjasama dengan "Australia Border Protection Command" dalam membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia ke Australia telah diadakan pada awal tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN]

TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN:

Y.B. Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan apakah projek yang telah dilaksanakan di bawah Program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan satu lagi soalan mengenai perkara yang sama bagi ECER iaitu:

- i. soalan oleh **Y.B. Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]** pada 30 Jun 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan program pembangunan menggunakan pendekatan koridor

pertumbuhan seperti di ECER. Pendekatan koridor pertumbuhan ini merupakan salah satu daripada inisiatif utama Kerajaan untuk mencapai pembangunan antara negeri dan wilayah yang lebih seimbang atau dengan izin *regional balance*. Program pembangunan koridor memberi sumbangan secara langsung ke arah menjana pertumbuhan ekonomi negara dan juga negeri-negeri, secara lebih menyeluruh dan bersepadu. Selain itu, banyak projek di bawah program pembangunan koridor menjurus kepada usaha mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan memesatkan lagi pembangunan luar bandar, khususnya dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Kerajaan percaya bahawa dari segi jangka panjang, faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima oleh semua rakyat termasuklah masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi status kemajuan, pelaksanaan projek-projek di bawah ECER adalah berjalan lancar. Walaupun sebahagian besarnya adalah di peringkat awal penyediaan pelan terperinci, namun terdapat projek-projek yang telah dimulakan pelaksanaannya. Antaranya adalah:

- i. projek industri kenaf di Bachok, Kelantan.
- ii. projek Kertih Plastics Park (KPP) di Kertih, Terengganu.
- iii. projek-projek agropolitan di Gua Musang dan Kelantan Utara; Setiu dan Besut, Terengganu; dan Pekan, Pahang.
- iv. projek Pusat Penyelidikan & Pembiakbakaan (Ladang Nukleus) - Mardi, Muadzam Shah & IBVK Jerantut.
- v. projek Kelompok Pengeluaran dan Pemprosesan Kambing.
- vi. projek Taman Pertanian Kekal Buah-buahan di Lancang, Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, setakat ini, sebanyak 48 projek daripada 107 projek yang dicadangkan telah dimulakan dan kebanyakannya adalah di peringkat perincian pelan pelaksanaan serta kerja-kerja awalan seperti kajian, reka bentuk terperinci, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak. Bagi memastikan semua projek mencapai maksud dan objektif yang telah ditetapkan, Kerajaan serta pihak berkuasa koridor ECER iaitu Majlis Pembangunan ECER (ECERDC), sentiasa memantau pelaksanaan projek-projek ini melalui mesyuarat-mesyuarat pemantauan secara berkala sama ada di peringkat Persekutuan dan juga mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (ICC) yang ditubuhkan di setiap negeri. Sebagai pihak yang bertanggungjawab, ECERDC akan memberi perhatian khusus dan komited untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ECER bagi memastikan matlamat pelaksanaan inisiatif ECER dapat dicapai sepenuhnya dan faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima oleh semua rakyat termasuklah masyarakat di luar bandar dengan lebih berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menyerapkan pegawai-pegawai kerajaan bertaraf kontrak yang berkualiti sebagai pegawai tetap selaku mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, pelantikan pegawai secara kontrak pada asasnya dibuat bagi tempoh yang singkat bagi melaksanakan sesuatu projek atau program tertentu. Terdapat juga jawatan-jawatan tertentu yang perkhidmatannya atas faktor tertentu lebih sesuai dibuat secara kontrak seperti yang terdapat dalam Perkhidmatan Bakat dan Seni seperti skim perkhidmatan Artis Budaya (Penari), pegawai JASA, RELA dan lain-lain di mana jawatan yang diisi bukan bertaraf tetap.

Walau bagaimanapun, terdapat agensi Kerajaan atau Ketua Perkhidmatan yang telah menetapkan jawatan tertentu seperti Pegawai Undang-Undang Gred L41, Jurutera JKR dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dibuat pelantikan secara kontrak terlebih dahulu bagi membolehkan penilaian dibuat kepada pegawai berkenaan sebelum dilantik secara tetap. Bagi memastikan pegawai diberi pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan, agensi Kerajaan/ Ketua Perkhidmatan berkenaan telah menetapkan kriteria-kriteria penilaian antaranya:-

- (a) mempunyai prestasi kerja yang cemerlang;
- (b) diperakukan oleh pegawai penyelia;
- (c) melepasi tapisan/ ujian yang disyaratkan; dan
- (d) lulus dalam kursus penilaian.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian untuk membangunkan modal insan sepanjang tempoh RMK-9 seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan sehingga hari ini, apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, bahawa modal insan merupakan aset negara dalam menggalas aspirasi dan misi nasional ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020. Dalam memenuhi agenda pendidikan ke arah melahirkan modal insan yang memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) ianya amat bergantung kepada pengisian kurikulum yang memenuhi keperluan abad yang ke 21. Gelombang globalisasi yang bergerak pantas menuntut kita untuk sama-sama bergerak seiring dalam mengenal pasti hala tuju pendidikan negara pada masa akan datang. Aspek kurikulum merupakan faktor penting kerana ia merupakan pemangkin kepada pengisian ilmu daripada peringkat prasekolah, sekolah

rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah atas. Ini akan dapat membantu kita untuk menilai dan memperbaiki sistem pendidikan negara supaya modal insan yang dilahirkan mampu berdaya saing dan kompetitif pada peringkat global.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta di bawah strategi membangunkan modal insan berkualiti. Agenda pembangunan pendidikan dalam membentuk modal insan yang berkualiti, akan sentiasa diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan. Selain daripada itu, untuk membangunkan modal insan ini, keperluan asas perlu diperlengkapkan. Sehubungan itu, Sehingga 15 Disember 2008, sebanyak 9,313 projek pembangunan yang telah dilaksanakan dan jumlah perbelanjaan adalah bernilai RM18.851 bilion. Daripada jumlah tersebut, 6,511 projek bernilai RM4.384 bilion merupakan projek yang telah siap sepenuhnya manakala 2,802 projek bernilai RM14.467 bilion adalah dalam proses pembinaan. KPM juga sedang giat melakukan persediaan bagi melaksanakan projek bernilai RM5.297 bilion pada tahun 2009-2010 ini.

Selain membangunkan projek baru, KPM juga telah melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf bangunan sekolah dengan menggunakan peruntukan ubah suai naik taraf RMKe-9. Sepanjang RMKe-9, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.7 bilion bagi lebih 4,000 projek ubah suai dan naik taraf institusi pendidikan di bawah KPM. Projek-projek yang terlibat adalah seperti menaik taraf bangunan sekolah, makmal sains, pendawaian semula bangunan sekolah, asrama dan rumah guru. Selain itu, peruntukan sebanyak RM4.4 bilion telah disalurkan kepada 1,705 buah SK, SJKC dan SJKT seluruh negara bagi tujuan pembinaan bangunan tambahan dan gantian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING

[BINTULU]

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Kesihatan menyatakan :

- (a) berapakah jumlah pakar perubatan tempatan yang berkhidmat di luar negara yang telah berkhidmat semula dengan Kementerian Kesihatan Malaysia serta hospital swasta sejak 1999 - 2009 serta berapakah jumlah yang masih menunggu kelulusan daripada Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam hal ini ; dan
- (b) sejauh manakah pihak Kementerian bergerak selaras dengan saranan kerajaan untuk mengalu-alukan golongan pakar dalam bidang perubatan yang berkhidmat di tanah air Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Jun 2009, sejumlah 191 orang Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara telah kembali untuk berkhidmat secara kontrak di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 154 orang berkhidmat di sektor swasta dan 37 orang di Kementerian Kesihatan. Sejumlah lapan (8) permohonan sedang dalam pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

- (b) Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian selaras dengan saranan Kerajaan untuk menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar kembali berkhidmat di Malaysia. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan secara kolaborasi dengan kementerian dan agensi lain yang berkaitan adalah sebagaimana berikut :
- i. bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui Program Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia. Inisiatif yang diperkenalkan di bawah program ini adalah seperti berikut :
- memberikan kelonggaran atau pengecualian khidmat wajib kepada Pegawai Perubatan Pakar yang ingin pulang berkhidmat di Malaysia; dan
 - melaksanakan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar secara kontrak atau tetap pada gred lantikan yang lebih tinggi.
- ii. Menambahbaik skim perkhidmatan dan kemudahan elaun kepada Pegawai Perubatan khususnya pakar bergantung kepada kepakaran dan pengalaman seperti berikut :
- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
 - Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital
 - Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam
 - Bayaran Insentif Pakar
 - Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-Call*)
 - Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat (*Locum*)

- Bayaran Insentif Perudara
- Bayaran Insentif Khas (Pembedahan Elektif)
- *Full Paying Patient*
- Elaun Upah Jahit Pakaian Seragam
- Bayaran Insentif Wilayah
- Bayaran Insentif Pedalaman

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 57

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejak bilakah peruntukan khas untuk mengendalikan pilihan raya kampus dikeluarkan serta berapakah jumlah dan kaedah penyaluran peruntukan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak menyediakan sebarang peruntukan khas kepada IPTA bagi urusan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Urusan pemilihan MPP adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti pelajar dan diuruskan oleh pelajar itu sendiri. Naib Canselor di setiap IPTA diberi kuasa untuk memastikan supaya proses pemilihan berjalan dengan lancar, telus dan adil serta tidak mengganggu proses pembelajaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI ISMAIL BIN

HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kerajaan bagi membantu dan melindungi warga emas di desa dan luar bandar termasuk hampir 100,000 warga emas di Negara ini iaitu yang berumur 60 tahun yang terpinggir dan tidak dipedulikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan beberapa langkah untuk membantu dan melindungi warga emas yang terpinggir dan tidak dipedulikan tanpa mengira sama ada warga emas tersebut berada di desa dan di luar bandar mahu pun di bandar bagi memastikan kehidupan mereka terbela, sejahtera dan lebih bermakna.

Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:-

- a) Menyediakan Skim Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300.00 seorang sebulan untuk warga emas yang daif, miskin dan tidak mempunyai keluarga atau mempunyai keluarga yang miskin dan tidak mampu menyara kehidupan hariannya;
- b) Menyediakan kemudahan jagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK) kepada warga emas yang daif dan miskin di Rumah Ehsan (RE) bagi warga emas yang sakit melarat dan memerlukan penjagaan rapi;
- c) Mewujudkan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM) bertujuan memberi kemudahan harian kepada warga emas yang tinggal bersendirian di rumah semasa ahli keluarga atau penjaga keluar bekerja untuk bersosialisasi dan mengisi masa lapang secara produktif bersama warga emas yang lain dan masyarakat;
- d) Menyediakan perkhidmatan pengangkutan Unit Khidmat Penyayang Warga Emas bagi memberi kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik berdekatan;
- e) Menyediakan Perkhidmatan Bantuan di Rumah atau *Home Help Services*. Perkhidmatan yang bercorak *reaching out* kepada warga emas di mana para sukarelawan akan membantu warga emas untuk membersihkan

tempat tinggal, menemani warga emas membeli belah dan membayar bil dan membantu warga emas menjaga kesihatan diri;

f) Menyediakan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan seperti alat otopedik, cermin mata, alat pendengaran serta tongkat; dan

g) Menyediakan Bantuan Geran Tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang mengendalikan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas di rumah dan pondok warga emas.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.06.2009

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab Bank Negara Malaysia membenarkan semua data akaun peribadi pemegang akaun bank didedahkan kepada umum seperti maklumat akaun kad kredit dan pinjaman sedangkan ianya sulit dan dilindungi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia tidak pernah membenarkan data akaun peribadi pemegang akaun didedahkan kepada umum melainkan pendedahan maklumat akaun pelanggan bank yang dibenarkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (ABIK). Pendedahan lain merupakan suatu kesalahan di bawah ABIK yang mana jika didapati bersalah, hukuman maksimum 3 tahun penjara dan/atau denda RM3 juta.

2. Bank Negara Malaysia memandang serius isu ketidakpatuhan peruntukan perahsiaan maklumat pelanggan institusi perbankan dan sentiasa memberi peringatan kepada institusi perbankan supaya mengambil langkah-langkah wajar untuk mempertingkatkan prosedur, sistem dan kawalan semasa bagi memastikan peruntukan perahsiaan perbankan sentiasa terpelihara. Bank Negara Malaysia akan menyiasat kes-kes ketidakpatuhan perahsiaan perbankan dan akan mensabitkan pelaku terbabit di bawah ABIK.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)
TARIKH : 25.06.2009
NO. SOALAN : 60

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta **MENTERI**
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan apakah rasionalnya pemansuhan petrol jenis RON92 menggantikan RON95
dengan kenaikan harga sebanyak RM0.05 sen seliter, dan RM0.20 sen bagi RON97.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua pertimbangan utama Kerajaan memansuhkan petrol RON92 menggantikan
RON95 dan menjadikan RON97 sebagai produk premium iaitu :-

- i) Kebanyakan kenderaan di negara ini mampu mengekalkan prestasi enjin walaupun menggunakan RON95 memandangkan keperluan sebenar kebanyakan enjin kenderaan adalah RON91 dan ke atas. Ini bermakna penggunaan RON97 adalah satu pembaziran memandangkan ianya melebihi daripada keperluan sebenar. Malahan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun menggunakan RON yang lebih rendah daripada RON97.

- ii) Pada masa ini harga runcit RON92 dan RON97 disubsidi oleh Kerajaan di mana kadar subsidi RON92 adalah lebih rendah berbanding RON97. Persepsi pengguna yang menganggap RON92 tidak sesuai bagi kenderaan mereka menyebabkan pengguna lebih cenderung menggunakan RON97. Memandangkan jumlah jualan RON97 adalah 90% daripada keseluruhan jumlah jualan runcit petrol, ini bermakna subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan menjadi lebih tinggi.

Dengan pengenalan RON95, Kerajaan akan menjadikan RON97 sebagai produk premium yang mana cukai akan dikenakan pada setiap masa dan harga produk tersebut ditetapkan sekurang-kurangnya 25 sen lebih tinggi daripada RON95. Langkah ini dilaksanakan bertujuan agar hanya satu produk petrol sahaja disubsidi oleh Kerajaan. Pendapatan yang diperolehi daripada penjualan RON97 boleh digunakan bagi menampung subsidi RON95.

Selain itu, kos produk yang berbeza antara RON92, RON95 dan RON97 yang menyebabkan harga runcit bagi ketiga-tiga produk tersebut berbeza antara satu dengan lain. Kos produk RON95 adalah lebih tinggi daripada RON92 dan lebih rendah berbanding dengan RON97. Sebagai contoh, kos produk bagi bulan Mei 2009 untuk RON97 adalah USD73.999 manakala RON95 adalah USD70.793.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAHI)
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAHI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberikan peruntukan untuk menaik taraf jalan di Kampung Baru Rasah dalam Parlimen Rasah dan sekiranya ada, berapakah peruntukannya dan bila ia dapat dilaksanakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM 48,949.62 telah diperuntukan untuk menaik taraf jalan di Kampung Baru Rasah dan projek-projek tersebut kini sedang dalam pelaksanaan. Kampung Baru Rasah juga menerima peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 berjumlah RM 92,485.00.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN

MINTA PERDANA MENTERI menyatakan adakah “sistem *tracking*” yang dilancarkan di mahkamah pada 3.2.2009 satu kegagalan, mengapa pandangan dari Badan Peguam Malaysia tidak pernah ditanya sebelum pelancaran sistem itu dan, apakah tindakan selanjutnya.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem tracking yang telah dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi Bahagian Dagang, Bahagian Sivil dan Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas telah memberikan hasil yang amat memberangsangkan dan bukan satu kegagalan sebagaimana yang didakwa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem tracking ini telah berjaya meningkatkan kadar pelupusan kes-kes bicara penuh yang melibatkan saksi-saksi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebelum sistem ini dilaksanakan, pada 8 pada Januari 2009, satu mesyuarat antara pegawai-pegawai kehakiman dan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar

Malaya bersama wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Jabatan Insolvensi Malaysia, wakil dari Majlis Peguam Malaysia, wakil Jawatankausa Peguam Kuala Lumpur dan wakil Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor telah diadakan bagi membolehkan pihak Kehakiman memberikan taklimat penuh mengenai sistem yang bakal dilaksanakan ini.

Lanjutan dari mesyuarat ini juga beberapa lagi siri mesyuarat dan perjumpaan berasingan telah diadakan diantara pihak mahkamah dan Badan Peguam bagi melicinkan lagi perjalanan sistem tracking ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1960

SOALAN:

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan terkini pekerja asing di ladang-ladang kelapa sawit di negara kita mengikut negara asal mereka. Nyatakan sebab-sebab kenapa industri perladangan amat berminat mengambil mereka untuk bekerja di ladang-ladang di negara kita

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Mambong di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pekerja asing bagi sektor perladangan yang telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi suku pertama tahun 2009 ialah seramai 318,250 orang. Jumlah kemasukan pekerja asing yang paling ramai bagi sektor perladangan ialah daripada negara Indonesia iaitu seramai 260,232 orang diikuti oleh Bangladesh iaitu seramai 32,064 orang, India iaitu seramai 16,690 orang, Phillipines iaitu seramai 3,672 orang, Myanmar iaitu seramai 2,000 orang, Nepal iaitu seramai 1,919 orang, Pakistan iaitu seramai 1,236 orang, Kemboja iaitu seramai 173 orang, Sri Lanka iaitu seramai 128 orang, Thailand iaitu seramai 63 orang, Vietnam iaitu seramai 42 orang, China iaitu seramai 30 orang dan Laos iaitu seramai 1 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan kemasukan pekerja asing untuk sektor perladangan secara keseluruhan dan bersifat kumulatif. Jumlah kemasukan pekerja asing tersebut adalah merangkumi kelapa sawit, getah, koko dan ladang hutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kemasukan pekerja asing yang tinggi bagi sektor perladangan adalah kerana skop pekerjaan tersebut merupakan aktiviti 3D (*Dirty, Dangerous, dan Difficult*) menyebabkannya kurang diminati untuk diceburi oleh pekerja tempatan. Disamping itu juga pekerja tempatan mempunyai pelbagai pilihan pekerjaan yang lebih mudah dan menawarkan pendapatan yang kompetitif.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

- PERTANYAAN** : JAWAB LISAN
- DARIPADA** : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)
- TARIKH** : 25 JUN 2009
- SOALAN** : **Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis produk yang telah dikomersialkan oleh MARDI dah sejauh manakah kualiti produk-produk keluaran MARDI dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

JAWAPAN :

MARDI sebagai institusi penyelidikan dan pembangunan pertanian (P&P) bertanggungjawab untuk menjana, memindahkan dan mengkomersilkan hasil penyelidikan bagi memenuhi keperluan industri pertanian dan makanan di negara ini. Produk yang dibangunkan daripada penyelidikan yang dijalankan adalah dalam bentuk hasilan "*tangible*" seperti mesin dll. ataupun tidak *tangible* seperti teknologi atau sistem.

Sejak awal penubuhannya sehingga kini, MARDI telah berjaya menjana dan memperkenalkan banyak teknologi dan kepakaran tempatan. MARDI terlibat secara terus dalam projek-projek berimpak tinggi Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA Inc.) dalam

menyumbang teknologi pakej bagi memastikan kejayaan permodenan dan pembangunan industri pertanian dan makanan.

Produk yang menggunakan teknologi MARDI adalah terjamin kualitinya kerana teknologi itu telah melalui proses R&D yang mantap dan telah diuji dari segi kualiti, ketahanan, keselamatan dan pelabelan yang mematuhi piawaian antarabangsa. Oleh itu, dari aspek teknikalnya, semua produk tersebut dijangka dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Di samping itu, setiap pengusaha perlu mendapatkan persijilan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti GMP dan HACCP termasuk juga sijil Halal yang diakreditasikan bagi pasaran terutamanya negara-negara Timur Tengah dan Arab. Sekiranya usahawan mempunyai persijilan ini, mereka tiada masalah untuk mengeksport produk dan dapat bersaing di mana-mana negara.

Terdapat tidak kurang daripada 11 produk teknologi MARDI dalam bidang pemprosesan makanan telah berjaya dikomersilkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha terutama sekali golongan IKS. Antara produk utama yang diceburi sehingga kini adalah seperti berikut:

- Produk minuman kordial
- Produk bakeri dan pasta
- Produk sos
- Produk berasaskan ikan
- Produk berasaskan daging
- Produk snek
- Produk makanan sujukbeku
- Produk mi dan pasta
- Produk rempah
- Produk konfeksioneri dan

- Produk herba

Setakat ini terdapat 17 Syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS) yang sedang menggunakan 100% teknologi MARDI (*Lampiran 1*) dalam bidang pemprosesan makanan bagi pengeluaran produk-produk berikut:

- Sos - 7 Syarikat
- Minuman Kordial - 3 Syarikat
- Frozen Food - 1 Syarikat
- Pasta - 1 Syarikat
- Breaded Fruits - 1 Syarikat
- Bakeri - 1 Syarikat
- Convenient Food - 2 Syarikat
- Frozen Tilapia - 1 Syarikat

Pada masa kini terdapat 23 usahawan bimbingan MARDI (*Lampiran 2*) yang telah berjaya menghasilkan dan menjual produk mereka ke Hypermarket / pasaran tempatan. Antara produk produk tersebut meliputi :

- Produk minuman berkarbonat – 1 Syarikat
- Produk hasilan bakeri – 5 Syarikat
- Produk sos – 3 Syarikat
- Produk hasilan ikan – 5 Syarikat
- Produk snek – 1 Syarikat
- Produk pasta – 2 Syarikat
- Produk jeli buah-buahan – 1 Syarikat
- Produk minuman kordial – 1 Syarikat
- Produk herba – 1 Syarikat
- Produk rosel – 1 Syarikat
- Produk mi segera – 1 Syarikat
- Produk rempah campuran – 1 Syarikat

Hasil daripada Program Pembangunan Usahawan Dan Pemindahan Teknologi, sebagai contoh sebuah syarikat pengeluar minuman berkabonat yang dikenali Syarikat Madura telah berjaya menembusi Pasaraya TESCO. Disamping itu, bagi pasaran luar negara diantaranya Syarikat Zinon Food yang mengeluarkan mi segera telah dapat menembusi pasaran Indonesia. Bagi Sykt. Malaysian Raya Cordial pula, produk *concentrate halia* dan asam jawa yang dikeluarkan telah berjaya di eksport ke Perancis.

Sebanyak 15 Syarikat Bimbingan MARDI telah berjaya mengeksport produk - produk mereka ke luar negara dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM 61 juta dan pelaburan sekitar RM 15 juta (*Lampiran 3*), seperti berikut :

- ❖ Produk snek/kerepek ubi – 2 Syarikat
- ❖ Minimum berkabonat – 1 Syarikat
- ❖ Produk daging – 1 Syarikat
- ❖ Ikan sejuk beku – 1 Syarikat
- ❖ Produk sos – 6 Syarikat
- ❖ Kerisik – 1 Syarikat
- ❖ Makanan/kuih sejuk beku – 2 Syarikat
- ❖ Minuman herba – 1 Syarikat

Selain daripada aktiviti penyelidikan untuk pembangunan bagi produk-produk makanan, MARDI juga melakukan penyelidikan dan pembangunan yang merangkumi lima bidang utama lain iaitu: **tanaman, ternakan, industri asas tani, sumber strategik dan bioteknologi.** Bidang-bidang ini merangkumi pengembangan baka baru ternakan dan varieti baru tanaman; makanan ternakan; teknologi baru pembiakbakaan seperti *artificial insemination (AI)* dan *embryo transfer (ET)* dan lain-lain.

Aktiviti khidmat perundingan dan pemindahan teknologi juga dilaksanakan di luar negara (Brunei, Indonesia, Mongolia, Mali, Malawi, Nigeria, Afghanistan, Syria, Rwanda). *Lampiran 4* menunjukkan senarai teknologi yang telah dipindahkan di dalam dan luar negara melalui pelbagai kaedah seperti usahasama (JV), pelesenan, khidmat perundingan, khidmat nasihat dan kursus usahawan.

Hubungan kerjasama penyelidikan di peringkat antarabangsa juga sentiasa wujud. Diantaranya adalah seperti: MARDI-JIRCAS, MARDI-AVRDC, MARDI-IRRI, MARDI-CSIRO, MARDI-ICRISAT, MARDI-Bioversity International dan lain-lain

Lampiran 1 : Senarai Syarikat yang mengeluarkan produk menggunakan 100% Teknologi MARDI

Bil.	Teknologi	IKS	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Jumlah Jualan (RM juta)
1	Tilapia sejukbeku	Ambang Wibawa Sdn Bhd, Perak	1.9	5.0
2	Sos	Adilah Products Sdn Bhd, Kelantan	1.5	5.0
3	Sos	Bumi Hijau Food Industries Sdn Bhd, Johor	0.4	7.0
4	Sos	Indah Rasa (M) Sdn Bhd, Terengganu	0.7	1.3
5	Sos	MH Mohd Industries Sdn Bhd, Kelantan	0.3	2.0
6	Sos	Onlyone Zuza Food Industries Sdn, Kedah	1.0	2.0
7	Sos	Malaysia Raya Cordial Sdn Bhd, Selangor	0.5	0.8
8	Sos	Muslim Best Industries Sdn Bhd, Kelantan	2.0	7.0
9	Kordial	GT Herbs Industries Sdn Bhd, Terengganu	0.2	1.0
10	Kordial	Zalira Sdn Bhd, Sarawak	1.5	1.8
11	Kordial	Kebun Rimau Sdn Bhd, Sabah	0.9	5.1
12	Makanan konvenien	Shahrinch Food Processing, Negeri Sembilan	0.5	0.7
13	Makanan konvenien	Pawada Food Industries Sdn Bhd, Sarawak	1.7	6.8
14	Bakeri	Sajiria Bakery Sdn Bhd, Sabah	0.5	0.7
15	Buah bersalut roti	TW Food Industries Sdn Bhd, Selangor	0.5	0.6
16	Pes	Zaimin Industries (M) Sdn Bhd, Kedah	1.0	3.0
17	Makanan sejukbeku	Liasara Fine Food Sdn Bhd, Selangor	0.1	0.5

Lampiran 2 : Senarai Syarikat Usahawan Bimbingan MARDI yang menembusi pasaran hypermarket tempatan

Bil.	Syarikat	Produk	Jumlah Jualan (RM juta)
1	Syarikat Nur Azizah, Sabah	Hasilan bakeri	0.05
2	Jati Dinamik Sdn Bhd, Sabah	Sos	0.50
3	Fieldlink Services Enterprises, Sabah	Hasilan ikan	0.60
4	Mankab Enterprise, Sabah	Snek	0.05
5	Bulkis Crackers, Sabah	Hasilan ikan	0.06
6	Norazzmi Bakery, Sabah	Hasilan bakeri	0.06
7	Kahmas Enterprise, Sabah	Hasilan ikan	0.05
8	Weston Bakery, Sabah	Hasilan bakeri	0.10
9	Perniagaan Sri Panching, Pahang	Produk sos	0.40
10	Md. Yusof bin Man, Pahang	Produk pasta	0.06
11	Syarikat Perniagaan Murni, Pulau Pinang	Hasilan ikan	0.60
12	Perusahaan Makanan Ira Cermerlang Enterprise, Pulau Pinang	Produk jeli buah-buahan	0.10
13	ITT Marketing Sdn Bhd, Pulau Pinang	Produk minuman	0.06
14	Intan Bakery Enterprise, Pulau Pinang	Hasilan bakeri	0.05
15	Nurza Jaya Enterprise, Pulau Pinang	Hasilan ikan	0.03
16	Kasturi Suci Enterprise, Pulau Pinang	Produk rempah campuran	0.03
17	Takio enterprise, Pulau Pinang	Hasilan bakeri	0.30
18	NFA Herbs Manufacturing, Kelantan	Produk herba	0.10
19	Tayyibah Enterprise, Selangor	Produk pasta	0.08
20	Erarose Food Industries, Selangor	Produk rosel	0.30
21	Syarikat Malaysian Raya, Selangor	Produk sos	0.80
22	Zinon Food Industri Sdn Bhd, Kedah	Produk mi segera	0.90
23	Yatimah Jaya Enterprise, Johor	Kordial, produk sos	0.72

Lampiran 3. Syarikat usahawan bimbingan MARDI yang telah menembusi pasaran hypermarket tempatan dan antarabangsa

Bil	IKS	Produk	Jualan Tahunan (RM juta)
1	Zaimin Industries Sdn Bhd, Kedah	Kerisik	3.00
2	Onlyone Zuza Food Industries Sdn Bhd, Kedah	Sos/kicap	2.00
3	Ambang Dorongan Sdn Bhd, Kedah	Kuih sejuk beku	3.00
4	Azla Frozen Food Sdn Bhd, Kedah	Roti canai/ pita sejuk beku	2.50
5	Ambang Wibawa Sdn Bhd, Perak	Ikan sejuk beku	5.00
6	Omcorp Sdn Bhd, Selangor	Hasilan daging	1.70
7	Jamirah Food Industries Sdn Bhd, Selangor	Snek	2.00
8	Perusahaan Maz Sdn Bhd, Johor	Sos, cili boh	5.00
9	Bumi Hijau Food Industries Sdn Bhd, Johor	Sos/kicap	7.00
10	Madura Industries Sdn Bhd, Terengganu	Minuman berkabonat	4.00
11	Muslim Best Industries Sdn Bhd, Kelantan	Sos, snek, kordial	7.00
12	MH Mohd Industries Sdn Bhd, Kelantan	Sos	2.00
13	Adilah Products Sdn Bhd, Kelantan	Sos	5.00
14	Kebun Rimau Sdn Bhd, Sabah	Minuman herba	5.00
15	Pawada Food Industries Sdn Bhd, Sarawak	Kordial	6.80
Jumlah			61.00

Lampiran 4

SENARAI PERLESENAN TEKNOLOGI MARDI MELALUI MARDITECH SDN. BHD. SEHINGGA TAHUN 2008

Bil.	Jenis Projek @ Hasil RnD	Penempatan Projek	Kumpulan Penyelidik	Syarikat Pengkomersilan	Tarikh mula perjanjian	"Technology Disclosure Fee"	Royalti (% Hasil Jualan Kasar)	Status Semasa
1	Telur Omega 3	Melaka	En. Wong Hee Kum	LTK (Melaka) Bhd. 102, Batu 1 1/2, Jalan Meru, 41050 Klang, Malaysia Tel: 03 - 3342 2830 Fax: 03 - 3341 1967	2000	35,000	5%	Perjanjian pelesenan ke tahun ke-8, 2nd five years term
2	Knapsack Plastic Sprayer	Selangor	Dr. Jusoh Mamat En. Sarip Hassan En. Anas Ahmad Nasaruddin	Marditech Plas Sdn Bhd Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1999	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV
3	Pengeluaran benih padi -Certified Seed	Kedah, Perak, Kelantan, Selangor	Dato' Dr. Othman Omar En. Alias Ismail	Bernas-Marditech Seed Sdn. Bhd. Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1997	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV

4	Pengeluaran cili MC 11 & MC 12	Kedah	Dr. Melur Rejab	Marditech Lingam Sdn. Bhd. Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1997	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV
---	--------------------------------	-------	-----------------	--	------	---	---	--------------------------------------

5	Pengeluaran sayur-sayuran dan bunga-bunga beriklim sederhana	Pahang	En. Lim Heng Jong Dr. Syed Rahman	Marditech Floriculture Sdn. Bhd. Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1997	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV
6	Pembangunan sistem francais makanan melayu sejuk beku dan segera-makanan tradisional	Selangor dan Wilayah Persekutuan	En. Ramli Man Dr. Noraini Khalid	Marditech Silver Guardian Sdn. Bhd. Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1997	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV
7	Pengkomersilan teknologi nutriblok (garam jilat)	Selangor	Dr. Wan Zahari Mohammad	Marditech Hamata Technology Sdn. Bhd. Tingkat 1, Blok B, Bangunan MTBIC, Ibu Pejabat MARDI, 43400, Serdang, Selangor	1997	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui pelesenan

8	Pengeluaran baja nutrien cecair foliar (daun)- Pembangunan Produk	Negeri Sembilan	Dr. Abdul Razak Hamzah	Nutri Plant Biotech Fertilizer Sdn. Bhd. 55-2, Jalan Melati Utama 4, Taman Melati,53100, Kuala Lumpur	2007	0	0	Ini adalah pengkomersilan melalui JV
9	Pengeluaran baja nutrien cecair foliar (daun)- Formulasi Padi	Negeri Sembilan	Dr. Abdul Razak Hamzah	Nutri Plant Biotech Fertilizer Sdn. Bhd. 55-2, Jalan Melati Utama 4, Taman Melati,53100, Kuala Lumpur	2007	40,000	3%	Ini adalah pengkomersilan melalui pelesenan

10	Pengeluaran baja nutrien cecair foliar (daun)- Formulasi Fertigasi	Negeri Sembilan	Dr. Abdul Razak Hamzah	Nutri Plant Biotech Fertilizer Sdn. Bhd. 55-2, Jalan Melati Utama 4, Taman Melati,53100, Kuala Lumpur	2007	40,000	3%	Ini adalah pengkomersilan melalui pelesenan
11	Commercial Production of Tap Polymerase Enzyme (Bioteam)	TPM, Sungai Besi, Kuala Lumpur	Dr Tan Chong Seng	Bioteam Sdn Bhd PUTRAJAYA PERDANA, T01-U007& U008, 1st Floor, No. 5, Jln P16, Precint 16, 62150,Putrajaya	2007	100,000	3%	Ini adalah pengkomersilan melalui pelesenan
12	Penanaman di bawah sistem fertigasi	Seberang Perai, Pulau Pinang	Dr.Mahmud Shahid	PDC Agrotech Sdn Bhd, Jln Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang	2007	50,000	3%	Ini adalah pengkomersilan melalui pelesenan

STATUS PERLESENAN TEKNOLOGI MARDI TAHUN 2008 : Februari 2008

Bil.	No. Projek	Jenis Projek @ Hasil R&D	Penempatan Projek	Kumpulan Penyelidik	Syarikat Pengkomersilan	Tarikh mula perjanjian	Technology Disclosure Fee	Royalti (% Hasil Jualan Kasar)	Status Semasa
1	K-FS54	The Commercial Production of OPF-Based Feed- FELDA (Technology Licencing Agreement)	FELDA, Bukit Sagu, Kuantan, Pahang	Dr Wan Zahari, Yunus Ismail, Mohd Daham Mat Daud, Samsudin Ahmad, Sarmin Sukir	FELDA, Wisma FELDA, Jln Perumahan Gurney, 54000 Kuala Lumpur	15/12/06	200,000	5%	Kilang telah beroperasi
2	K-FS55	The Commercial Production of Urea Molasses Mineral Block and Liquid for Animal Feed Supplement	Seri Kembangan	Dr Wan Zahari, Hj. Nor Ismail Mat Shukor, Subramaniam a/l Kunji Raman, Rashidah Ahmad	March Avenue Technologies Sdn Bhd, No 12-3, Pekeliling Business Centre, Persiaran 65C, Jln Pahang Barat, Off Jln Pahang, 53000 Kuala Lumpur	15/7/2005	23,200	2%, 2% & 3%	Royalti pertama telah diperolehi
3	K-FS59	The Breeding and Selection of Brakmas Cattle for Commercial Seedstock Production in Chuping, Perlis	Felda Chuping, Perlis	Dr. Johari Jiken, Mohd Najib Mohd Amin, Dr Azizah Amri, Mohd Hafiz Abdul Wahab, Mohd Nazri Musa, Hj Ibrahim Osman, Sarmin Sukir	FELDA, Wisma FELDA, Jln Perumahan Gurney, 54000 Kuala Lumpur	19/04/06	300,000	5%	Sedang berjalan lancar

4	K-FS64	The Commercialization of OPF-Based Feed (Sawit Kinabalu)	Tawau, Sabah	Dr Yusof Hamali Ahmad, Mohd Yunus Ismail, Mat Daham Mohd Daud, Sarmin Sukir	Sawit Kinabalu Farm Products Sdn Bhd, Jln Kelapa Sawit, Off Km. 4, Jln Tuaran, 88300 Kota Kinabalu, Sabah	4/5/2007	500,000	5%	Sedang menyediakan 'feasibility study' dan menentukan lokasi projek
5		The Commercial Fabrication of Otosil - Silage Making Machine	Kluang, Johor	Ghazali Hussin	Choon Heng Engineering Company, Lot 4831 off Lorong 1, Jln Padang Tembak, 86000 Kluang, Johor	6/4/2007	0	10%	Dua mesin telah dijual
6		The Commercial Production of Pure Variety MRQ 74 Milled Rice (PPK Kangkong)	Kelantan	Dr Othman Omar, Saad Abdullah, Dr Ismail Che Harun, Hadzim Khalid	PPK Kangkong, KM9, Jln Pasir Mas, Tanah Merah, Kangkong, 17040 Pasir Mas, Kelantan	17/11/06	0	1%	Aktif dan perlu pemantauan yang rapi
7		The Commercial Production of Pure Variety MRQ 74 Milled Rice (Organic Rice PPK Langkawi)	Kg. Ewa, Langkawi	Hj Saad Abdullah, Hj Abd Rahman Abu Bakar, Dr Hj Othman Omar, Dr Azmi Man, Wahid Said	PPK Langkawi, Jln Lapangan Terbang Antarabangsa, Padang Matsirat, 07100, Langkawi	19/12/06	0	1%	Berjalan dengan baik tanpa masalah
8	K-FS65	The Commercial Production of Selected Food Processing Machineries(Power Booster Sdn. Bhd.)	Melaka	Azman Hamzah, Mohd Zainal Ismail, Samsudin Ahmad, Zolkafli Aris, Razali Jalaluddin, Aziz Ibrahim	POWER BOOSTER SDN BHD, No 19 Jln PK 11, Tmn Perindustrian Krubong, 75250 Melaka	16/5/07	5,000	5%	Aktif dan perlu pemantauan yang rapi

9	K-FS49	The Commercialization of Mechanical Coconut Dehusking and Defibering Machine (Phytofolia)	Johor Bahru, Johor	Md Akhir Hamid, Salleh Bardos, Aris Abdullah, Ibrahim Osman	Phytofolia Sdn Bhd, No 29A, Jln Pulai Perdana 11, Taman Seri Pulai Perdana, 81110, Johor Bahru	27/07/05	5,000	5%	Proses fabrikasi 2 mesin
10	K-FS72	Concerning the commercial Production of Enriched and Charge Clinoptilolite-based Natural Organic Fertilizer	Kepala Batas, Seberang Perai, P. Pinang	Sani Kimi	ABH MEGA Sdn Bhd, No. 10, Jalan Sembilang 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai	31/12/2007	50,000	5%	Baru bermula
11	K-FS73	The Commercial Production of Knapsack-Powered Wetland Paddy Row Seeder	Bandar Teknologi Kajang, Selangor	Dr Chan Chee Wan	Oryza Mechanique Sdn. Bhd. No1, Jalan P6/2, Bandar Teknologi Kajang, 43500 Semenyih, Selangor	1/2/2008	30,000	5%	Baru bermula
12	K-FS50	The Commercial Production of Starter Culture (Parent Biotech)	Jasin, Melaka	Dr Abidin Hamid, Musaalbakri Abdul Manan, Aminuddin Hussin, Norijah Osman, Ibrahim Osman	Parents Biotech Sdn Bhd, Lot 64 & 66, Jln AP4, Tmn Perindustrian Air Panas, Bemban 77200 Jasin, Melaka	27/07/05	5,000	5%	Perjanjian ditamatkan
13	K-FS41	Commercial Production of Zeolite as Smart Organic Fertilizer (Hipotech)	Klang, Selangor	Shahrin Yob, Sani Kimi, Dr Ibni Hajar Rukunuddin, Dr Aminuddin Yussof,	Hipotech Sdn Bhd, Lorong Seri Gambut 2, Off jalan Kebun, 42450 Klang, Selangor	2/3/2005	5,000	5%	Tidak Aktif dan perjanjian ditamatkan

14	The use of MARDI's patent product for research and development of New Modified Virgin Coconut Oil (MVCO) based products and the branding, marketing and selling of MVCO based products worldwide	Kuala Lumpur	Dr. Kamariah Long	Biotropic Malaysia Berhad, Level 52, North Wing, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur				Dalam proses rundingan perjanjian
15	Commercial Production of Kenaf Seed Trashher Machine	Alor Setar, Kedah	Ten Seng Tek	SCS Industries Sdn Bhd				Dalam proses rundingan perjanjian

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]**

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan berhubung status Labuan yang tidak mempunyai sebuah badan kawal selia (regulatory body – Lembaga Pelabuhan) untuk mengawal selia operasi pelabuhan-pelabuhan sedia ada di Labuan, berbanding negeri lain yang mempunyai regulatory body sendiri untuk pelabuhan-pelabuhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, hanya terdapat satu sahaja pelabuhan milik Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu Dermaga Merdeka Baru. Selain daripada pelabuhan tersebut, terdapat 10 jeti lain milik persendirian yang terdapat di Labuan.

Berhubung dengan kawal selia pelabuhan, adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa Pelabuhan Labuan tidak mempunyai badan kawal selia. Ini adalah kerana Jabatan Laut Malaysia yang mempunyai pejabat di Wilayah Persekutuan Labuan merupakan badan kawal selia atau *regulatory body* yang mengawal selia operasi

pelabuhan dan juga jeti-jeti yang terdapat di Labuan. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang terdapat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang turut terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan. Amalan ini adalah sama dengan keadaan di Semenanjung Malaysia di mana bagi pelabuhan-pelabuhan yang tidak mempunyai sebarang Lembaga Pelabuhan yang khusus diwujudkan, Jabatan Laut adalah bertanggungjawab ke atas kawal selia pelabuhan-pelabuhan tersebut.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO.66

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit untuk memastikan kadar bayaran balik PTPTN dapat ditangani secara lebih berkesan memandangkan unjuran hutang tak berbayar akan meningkat kepada RM46 bilion menjelang 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai kaedah dan usaha telah dilaksanakan oleh PTPTN untuk memudahkan dan meningkatkan bayaran balik pinjaman antaranya:-

- i. memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank-bank terpilih (Maybank,

- Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);
- ii. bekerjasama dengan IPT untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir / bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman;
 - iii. mengeluarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatutnya mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik / tidak memberi maklum balas);
 - iv. bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, pihak swasta dan melantik ejen untuk mengesan peminjam;
 - v. melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan Saman; dan
 - vi. bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara.

Kementerian sememangnya menyedari tentang pentingnya kelestarian dana PTPTN untuk terus memberikan pembiayaan kepada pelajar yang diterima masuk ke IPT. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah pro-aktif dengan menjalankan kajian kelestarian PTPTN. Memorandum mengenai hasil kajian tersebut dan perkara-perkara yang dicadangkan akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan. Langkah susulan akan diambil setelah mendapat kelulusan daripada Kerajaan.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 25 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan semenjak 1 April 2008 hingga 1 Mei 2009 berapakah kes pemecatan pekerja yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan berapakah yang ditolak oleh Menteri di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

PR-022-L18644

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 1 April 2008 hingga Disember 2008 sebanyak 101 kes pembuangan kerja telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan sementara 490 kes tidak dirujuk. Bagi Januari 2009 hingga Mei 2009 pula kes pembuangan kerja yang dirujuk adalah sebanyak 226 kes, manakala 104 kes lagi tidak dirujuk.

SULIT

NO SOALAN : 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 25 JUN 2009
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos senggara SU-30 MKM dari segi keseluruhan dan setiap pesawat dari tahun 2007 hingga kini.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemasukan pesawat pejuang Sukhoi 30MKM ke dalam inventori Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) belum selesai sepenuhnya. Setakat ini hanya 12 buah pesawat telah diterima. Manakala baki 6 buah lagi dijangka akan diterima pada bulan September nanti.

Kos penyelenggaraan yang merupakan kos rawatan (*servicing*) pesawat ini yang bermula tahun 2008 iaitu sebanyak RM7.7 juta dan dalam tahun 2009 ini (sehingga Mei 2009) sebanyak RM13.7 juta. Jumlah keseluruhan sehingga kini ialah RM21.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pesawat pejuang ini masih belum dilakukan senggaraan sebenar kerana pesawat belum mencapai tahap pusingan senggaraan berjadual dan pesawat baru sahaja tamat tempoh jaminan di mana kos pembaikan dalam tempoh ini di tanggung oleh pihak pengeluar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.06.2009

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman (Pendang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah perolehan Negara yang dikutip hasil daripada cukai daripada rakyat mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai bagi tahun 2008 yang meliputi cukai langsung dan cukai tidak langsung mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Hasil Cukai (RM juta)
Kuala Lumpur	78,943.58
Selangor	12,989.67
Johor	4,947.19
Sarawak	4,390.75
Pulau Pinang	4,001.53
Sabah	3,472.63
Perak	2,331.28
Melaka	2,055.84

Terengganu	1,508.16
Negeri Sembilan	1,312.21
Kedah	1,013.50
Pahang	1,215.63
Labuan	674.07
Kelantan	248.53
Perlis	175.78
Jumlah	119,280.35

No. 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LO' LO BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)
TARIKH : 25.06.2009
NO. SOALAN : 70

DR. LO' LO BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAN menyatakan kenapakah penjualan VCD dan DVD cetak rompak serta lucah masih berleluasa di pasar-pasar malam dan pusat belibelah, juga langkah yang diambil bagi mengatasi lambakan barangan dan jenama tiruan dalam pasaran yang ada dijual di kawasan tarikan pelancong seperti Petaling Street, Jalan Masjid India, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Chow Kit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Permintaan yang tinggi kerana faktor harga yang murah turut meransang penawaran hingga menyebabkan VCD dan DVD cetak rompak masih meleluasa di pasaran terutama di pasar-pasar malam dan pusat membeli belah.

Pelbagai usaha dan langkah penguatkuasaan telah dan terus diambil bagi mengatasi lambakan barangan cetak rompak dan barang tiruan antaranya;

- i) Mempertingkatkan gerakan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan kekal terbuka.
- ii) Membuat risikan ke atas kilang-kilang tidak berlesen (kilang haram) serta membuat pemantauan ke atas kilang-kilang berlesen.
- iii) Melaksanakan tangkapan di bawah Akta Hak Cipta 1987 ke atas mereka yang didapati menjalankan aktiviti menjual barangan cetak rompak.
- iv) Kementerian meneruskan pelaksanaan penggunaan label tulen pada VCD dan DVD tulen untuk membezakan bahan cetak rompak dengan yang tulen.
- v) Mempergiatkan serbuan ke atas premis-premis yang dikenalpasti menjalankan aktiviti mengilang, membekal, menawar atau menjual barang-barang tiruan berasaskan aduan orang ramai dan aduan tuan punya hak cipta.
- vi) Menggerakkan Pasukan Petugas Khas membantaras cetak rompak dan barang tiruan. Pasukan ini dianggotai oleh agensi-agensi penguatkuasa lain antaranya PBT, PDRM, FINAS, Kementerian Dalam Negeri, Kastam, Imigresen dan sebagainya. Agensi tersebut diminta menguatkuasakan undang-undang masing-masing bagi sama-sama membendung dan membentaras cetak rompak serta barang tiruan di pasaran.

Kementerian beserta agensi lain juga sentiasa membersihkan nama Malaysia daripada persepsi negatif serta membebaskan Malaysia daripada berada dalam senarai "*watch list*".

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BUMBURING @ WILFRED
[TUARAN]**

TARIKH JAWAPAN : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 71

SOALAN

YB. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BUMBURING @ WILFRED minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan rancangan untuk menjual tenaga ke Indonesia memandangkan Sabah masih mengalami kekurangan tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Hasrat pihak Kerajaan untuk menjual elektrik terutamanya daripada negeri Sarawak ke Kalimantan Barat, Indonesia hanyalah melibatkan sejumlah kecil kapasiti penjanaan elektrik di negeri Sarawak. Perkara ini tidak akan menjejaskan tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat tempatan. Malah, pihak Kerajaan sentiasa memastikan rakyat tempatan khususnya di negeri Sabah dan Sarawak mendapat bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap.

Penjualan elektrik dari negeri Sarawak ke Kalimantan Barat, Indonesia ini juga merupakan antara usaha pihak Kerajaan dalam memenuhi obligasi serantau khususnya dalam menjayakan pelaksanaan *ASEAN Power Grid*, dengan izin, di mana Memorandum Persefahaman mengenainya telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Tenaga ASEAN pada 23 Ogos 2007. Pelaksanaan *ASEAN Power Grid*, dengan izin, merupakan salah satu kerjasama di kalangan negara-negara anggota ASEAN ke arah memastikan *energy security*, dengan izin, dan kemapanan pembangunan di rantau ini.

Berdasarkan perancangan pembekalan elektrik jangka panjang bagi negeri Sabah dan Sarawak, sejumlah bekalan elektrik yang dijana di negeri Sarawak turut akan disalurkan ke negeri Sabah ke arah memantapkan lagi tahap pembekalan elektrik di negeri Sabah. Namun, pada masa kini, penekanan terlebih dahulu perlu diberikan kepada pelaksanaan projek-projek penjanaan di negeri Sabah yang baru dan lebih berdaya harap di samping pengukuhan keupayaan sistem penghantaran dan pembahagian di negeri Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 72

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar/siswazah IPTA dan IPTS yang telah tamat pengajian mereka yang belum mendapat pekerjaan pada tahun 2006, 2007 dan 2008 mengikut jurusan masing-masing dan jumlah yang dijangka keluar pada tahun 2009 mengikut jurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau *Tracer Study* yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi merupakan kajian bagi mengukur tahap *employability* dan *marketability* graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian di institusi masing-masing. Tempoh kajian adalah bermula dari 6 bulan pertama selepas graduan menamatkan pengajian masing-masing sehingga pada tarikh menghadiri konvokesyen pada tahun yang sama. Dalam erti kata lain, *Tracer Study* merupakan kajian destinasi pertama/awal graduan IPT bagi mengenal pasti pekerjaan pertama/awal graduan

dalam tempoh 6 bulan pertama selepas tamat pengajian. Kesemua IPTA telah menyertai kajian ini manakala sebilangan daripada IPTS telah ikut serta dalam Kajian Pengesanan Graduan IPT pada satu-satu tahun.

Berdasarkan kajian tersebut, bilangan graduan IPTA yang belum bekerja pada tahun 2006 ialah seramai 20,653 orang (37.3%), tahun 2007 seramai 16,915 orang (30.3%) dan tahun 2008 seramai 15,820 orang (26.2%). Manakala bilangan graduan IPTS yang belum bekerja pada tahun 2006 pula seramai 300 orang (13.8%), tahun 2007 seramai 1,114 orang (22.3%) dan tahun 2008 seramai 1,692 orang (15.9%).

Pada tahun 2006, seramai 10,701 orang atau 51% daripada bilangan graduan yang belum bekerja adalah graduan yang mengikuti bidang pengajian sastera dan sains sosial. Bidang pengajian ini juga merupakan penyumbang tertinggi kepada bilangan graduan yang belum bekerja pada tahun 2007 iaitu sebanyak 48.8% dan pada tahun 2008 sebanyak 53%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN

**DARIPADA: YB. DATO' HAJI WAN ABD. RAHMAN
BIN WAN ABDULLAH
[KOTA BHARU]**

TARIKH: 25 Jun 2009

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd. Rahman bin Wan Abdullah [KOTA BHARU] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuat kajian menyeluruh terhadap Akta Pilihanraya, Akta Kesalahan Pilihanraya dan Peraturan-Peraturan Pilihanraya supaya sesuai dan selaras dengan perkembangan semasa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum pilihan raya umum di Malaysia telah dijalankan sebanyak dua belas kali dan berjalan dengan lancar. Namun demikian dalam tempoh tersebut SPR telah berusaha untuk menambah baik proses pilihan raya di Malaysia. Dalam usaha tersebut beberapa perubahan dan pindaan Undang-Undang telah dilakukan.

Dengan mendapatkan maklum balas dari orang ramai, dan pengalaman hasil lawatan di luar negara, beberapa perubahan penting telah dilakukan, antaranya ialah perubahan sistem pengiraan undi secara berkelompok kepada sistem pengiraan undi di tempat mengundi. Melalui sistem ini keputusan pengiraan undi dapat diketahui lebih cepat. Selain daripada itu, SPR juga telah menghapuskan penulisan nombor siri pengundi di atas kertas undi, dengan demikian dakwaan yang mengatakan pengundi dapat mengundi calon tertentu telah diselesaikan.

Perubahan terkini yang dilakukan oleh SPR ialah penggunaan peti undi lutsinar yang membolehkan semua pihak melihat dan menilai proses pengundian yang dijalankan oleh SPR. Dalam pilihan raya umum lepas SPR juga telah memberi kebenaran kepada ejen-ejen parti politik untuk melihat proses pengundian undi pos.

Selain daripada perubahan fizikal SPR juga cuba merapatkan hubungannya dengan semua parti politik melalui jalinan kerjasama. Menurut kaedah ini parti-parti politik secara berkala akan dipanggil untuk berbincang dengan SPR mengenai sesuatu isu atau menyelesaikan masalah yang timbul.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi urusan pendaftaran pemilih, SPR sentiasa berusaha untuk membersihkan daftar pemilih melalui pelbagai cara seperti mendapatkan maklumat kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Polis, semakan di rumah-rumah panjang, semakan permit mengubur dan mendapatkan pengesahan dari keluarga pemilih yang telah meninggal dunia. Semua perkara dan tindakan yang dilakukan ini adalah untuk menentukan daftar pemilih SPR sentiasa bersih.

Dalam masa yang sama, SPR sentiasa meneruskan kajiannya untuk meminda undang-undang melalui Jawatan Kuasa Mengkaji Pindaan Undang-Undang yang ditubuhkan oleh SPR bagi meneliti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada dan mencadangkan peruntukan yang lebih sesuai bagi menentukan pentadbiran pilihan raya berjalan lebih lancar.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1862

SOALAN:

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status permohonan Cik Kavitha Nowraji untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan sejak 17 September 2002. Diatas kesilapan yang dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara menyatakan taraf kewarganegaraan beliau sebagai pemastautin tetap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa JPN tidak melakukan sebarang kesilapan di dalam pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap kepada Cik Kavitha Nowraji

Seterusnya saya juga ingin menjelaskan bahawa semakan Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan Cik Kavitha Nowraji tidak mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia disebabkan maklumat ibubapa kandungnya tidak diketahui. Walau bagaimanapun, semasa beliau berumur 12 tahun, ibu angkat beliau telah memohon Kad Pengenalan dan Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap berdasarkan Sijil Anak Angkat yang dikemukakan kepada JPN pada 1992.

Pada masa ini, Jabatan Pendaftaran Negara dalam proses dalam proses menyelesaikan semua tunggakan-tunggakan permohonan taraf kewarganegaraan termasuk memproses permohonan daripada Cik Kavitha Nowraji melalui satu Jawatankuasa Taskforce. Jawatankuasa Taskforce akan menyelesaikan semua tunggakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia menjelang akhir tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH JAWAPAN : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 75

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan cadangan perubahan tarif tenaga pada bulan Julai tahun 2009. Apakah kriteria yang digunakan oleh TNB untuk menaikkan atau menurunkan tarif tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam penetapan tarif elektrik, prinsip yang digunakan ialah ianya hendaklah berpatutan dan tidak membebankan pengguna serta dapat menampung kos membekalkan elektrik kepada pengguna. Antara komponen-komponen penting yang diambil kira dalam penetapan tarif ialah perubahan dalam harga gas dan arang batu yang merupakan dua (2) bahan api utama dalam penjanaan elektrik di negara ini, serta kenaikan dalam harga peralatan, perbelanjaan modal, kadar

pertukaran wang asing, kos barangan logam seperti aluminium dan tembaga serta peningkatan kos pembayaran kapasiti dan tenaga kepada penjana bebas.

Cadangan struktur tarif adalah mengambil kira keperluan untuk mengimbangi objektif struktur tarif yang berpatutan dan kompetitif dan pembekal utiliti dapat memperolehi pulangan yang sewajarnya bagi membolehkannya menampung sebarang kenaikan kos. Kerajaan juga turut prihatin akan kepentingan untuk melindungi kategori pengguna tertentu, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Bagi pengguna kategori ini, Kerajaan tidak pernah menaikkan kadar tarif elektrik "*lifeline band*", dengan izin, bagi pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik kurang daripada 200kWj sejak tahun 1998. Sehingga hari ini, Kerajaan telah mengekalkan kadar tarif bagi "*lifeline band*" pada paras 21.8 sen/kWj.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan semakan semula tarif elektrik pada bulan Julai tahun 2009 adalah berdasarkan semakan semula harga bahan api gas dan harga bahan api arang batu semasa, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menetapkan harga tenaga yang menjurus kepada harga pasaran. Keadaan ekonomi semasa negara serta prestasi kewangan pembekal utiliti turut menyumbang kepada penetapan tarif bagi memastikan kadar tarif tidak akan membebankan rakyat, sekaligus memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

SOALAN NO: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1863

SOALAN:

**Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan ;-**

(a) adakah Kementerian bekerjasama dengan badan-badan berkuasa Negara asal pekerja asing yang ingin memohon pekerjaan di Malaysia sebelum permohonan mereka diluluskan; dan

(b) jika ya, berapa kes ditolak permohonan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Tanjung Manis di atas soalan yang dikemukakan

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menandatangani perjanjian persefahaman tentang prosedur dan syarat pengambilan pekerja asing dengan 7 negara sumber iaitu Indonesia, Thailand, Kemboja, Pakistan, China, Thailand dan Vietnam. Pengambilan dan penghantaran pekerja asing hendaklah berlandaskan terma dan syarat yang tertakluk di dalam *Memorandum of Understanding* antara kedua-dua negara tersebut.

Walaupun, Kementerian tidak bekerjasama dengan badan-badan berkuasa negara asal pekerja asing untuk proses kelulusan pekerja asing. Kementerian hanya berurusan dengan majikan di Malaysia sahaja dan memberi kebebasan kepada majikan untuk berurusan dengan mana-mana badan atau agensi di negara sumber pekerja asing dalam proses pemilihan dan kemasukan pekerja asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. 77

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan meningkatkan keupayaan graduan mendapat pekerjaan kerana sektor pekerjaan hari ini di Malaysia semakin kompetitif, manakala bilangan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian semakin meningkat. Apakah usaha Kementerian agar graduan ini dapat berdikari atau menjadikan dunia global sebagai pentas mereka mencari pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyedari pekerjaan pada masa ini semakin kompetitif terutama dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dan juga terdapatnya pertambahan bilangan graduan setiap tahun. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah pro aktif bagi melahirkan graduan berkualiti yang dapat memenuhi kehendak pasaran dalam dan luar negara. Antara langkah yang telah dilaksanakan secara berterusan termasuk:-

- i. Memastikan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skills*) dan Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan diajar di IPTA bagi semua program akademik;
- ii. Menjalankan program penempatan dalam industri bagi tempoh 2 hingga 6 bulan;

- iii. Membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan khusus dengan kerjasama *Government Link Company* (GLC) dan pihak industri;
- iv. Menawarkan kursus-kursus baru yang relevan dengan kehendak industri;
- v. Menerapkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar (*student-centered*) atau berasaskan masalah (*problem-based*);
- vi. KPT turut memantapkan Kajian Pengesanan Graduan (bagi graduan yang telah tamat pengajian dalam tempoh masa 3 – 6 bulan) bagi memperkukuhkan lagi perancangan dan pembangunan modal insan di peringkat tertiar secara lebih berkesan.

Usaha-usaha lain juga turut diadakan agar graduan berminat menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan menjadi usahawan yang berjaya serta tidak hanya bergantung kerja dengan Kerajaan dan swasta. Antara langkah yang diambil ke atas usaha ini termasuk:

- i. *Progam SME-University Internship* iaitu kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan SMIDEC yang bertujuan menerapkan nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti; dan
- ii. Kerjasama di antara KPT dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dalam pembangunan usahawan dan koperasi di kalangan pelajar dan kakitangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan menguatkuasakan undang-undang membayar zakat seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) secara wajib untuk pembayaran cukai pendapatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana diketahui umum, di bawah butiran (1), Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, bahawa hal ehwal agama Islam termasuk urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kutipan dan agihan zakat dikendalikan sepenuhnya oleh MAIN dan di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Cadangan untuk menguatkuasakan undang-undang membayar zakat seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah baik dan Kerajaan sentiasa bersedia dari semasa

ke semasa membantu mana-mana MAIN yang mempunyai hasrat sedemikian untuk mengkaji langkah-langkah ke arah pelaksanaan cadangan tersebut.

Disamping itu, dari maklumat pihak MAIN sedang berusaha kearah menjadikan kutipan zakat dikuatkuasakan pembayaran dan kutipannya diselaraskan sebagaimana kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Bagi Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berusaha menggubal Akta Zakat dan Fitrah yang akan mewajibkan pembayaran zakat sebagaimana LHDN mewajibkan pembayaran cukai pendapatan.

Disediakan oleh:

Abdullah bin Awang

Tel : 03-88837490 / 012-2486052

Disemak oleh:

Ab. Rahim bin Zakaria

Tel: 03-88837487 / 019-2647569

Dipersetujui oleh:

Dato' Dr. Hj. Sohaimi bin Hj. Mohd Salleh

Tel: 03-88837402 / 019-2727254

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB [CHERAS]

TARIKH : KHAMIS, 25 JUN 2009

RUJUKAN : 13

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

Butir-butir terperinci tentang cadangan pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam-Itik bagi Kuala Lumpur dari segi konsep, reka bentuk, mod pengurusan, lokasi, saiz keluasan, kos yang ditanggung dan kapasiti pusat penyembelihan serta sejauh mana tahap-tahap projek telah berjalan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, cadangan pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam di Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk **mengawal penyembelihan dan pemerosesan ayam secara terbuka di pasar-pasar basah Kuala Lumpur yang tidak higienik dan mudah dijangkiti penyakit zoonotik** seperti Avian Influenza (Selsema Burung), H5N1 dan sebagainya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk membina Pusat Penyembelihan Ayam ini di sebahagian Lot 56737 Pasar Borong Kuala Lumpur berkeluasan 1.5 ekar dengan **kos RM28 juta**. Ianya bakal dilaksanakan secara *design & build* dan ditender secara

terbuka. Pada peringkat ini, pihak kontraktor sedang mengemukakan **pelan perancangan bagi mendapat Perintah Pembangunan** (*Development Order*).

Kapasiti pengeluaran ayam bagi Pusat Penyembelihan Ayam ini adalah 60,000 ekor sehari. Mengenai **pengurusan** pusat ini pula, ia masih lagi di peringkat kajian. DBKL perlu meneliti dari segi keupayaan samada untuk menguruskannya sendiri atau melantik pihak ketiga yang mahir dan berpengalaman dalam bidang pengurusan pusat penyembelihan ayam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.06.2009**

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat cadangan Kementerian untuk mewujudkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi 3 dasar fiskel Ekonomi Pertama (RM7 bilion) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (RM60 bilion) bagi memastikan ketiga-tiga dasar fiskel ekonomi ini efektif dan efisien dalam usaha mengeluarkan Negara dari kemelut ekonomi dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, petunjuk prestasi utama (KPI) bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (RM7 bilion), ialah semua projek-projek, perlu ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor sebelum akhir Jun 2009 dan kesemua peruntukan berjumlah RM7 bilion perlu dibelanjakan sebelum akhir Oktober 2009.

2. Manakala bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (RM60 bilion), sebanyak RM15 bilion diperuntukan untuk projek-projek fiskal, diagihkan seperti berikut:-

- i. RM 5 bilion Belanja Mengurus, perlu dibelanjakan sebelum akhir 2009.
- ii. RM 10 bilion dibawah Belanja Pembangunan untuk dibelanjakan dalam tahun 2009 dan 2010.

2. Dari itu KPI kementerian yang ditetapkan ialah semua peruntukan mesti dihabiskan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendekatan dan langkah yang Kementerian akan ambil untuk menyelaraskan objektif utama Kerajaan masa kini yang menekankan satu dasar 'Satu Malaysia' supaya semua aliran persekolahan mendapat manfaat dari dasar-dasar tersebut yang pada akhirnya boleh memperkukuhkan semangat perpaduan, keadilan dan kesaksamaan di kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Y.A.B Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa "SATU MALAYSIA" adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Formula "SATU MALAYSIA" digagas dan dilaksanakan dalam dua aspek utama. Aspek pertama adalah penerapan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerapkan perpaduan dan nilai-nilai aspirasi dalam kalangan murid pelbagai kaum menerusi Teras Pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-

2010) iaitu Membina Negara Bangsa. Antara usaha KPM dalam membantu menerapkan gagasan 1 Malaysia ialah;

1. **Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).** Objektif utama RIMUP adalah mewujudkan perpaduan murid antara kaum bermula dari sekolah rendah pelbagai aliran [SK., SJK(C) dan SJK(T)] melalui aktiviti bersama dan terancang. Aktiviti tersebut dilaksanakan secara berkelompok sama ada di peringkat rendah atau menengah. Pengisian program RIMUP adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, para guru dan murid khususnya di peringkat sekolah rendah dari pelbagai aliran dalam kegiatan-kegiatan khas secara bersama. Diharapkan setelah murid-murid dapat menjalani aktiviti secara bersama di peringkat rendah akan memudahkan mereka menyesuaikan diri apabila masuk ke alam menengah.
2. **Kurikulum persekolahan.** Semua sukatan pelajaran menekankan kepada nilai-nilai murni yang mendokong termasuk amalan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum di Malaysia.
3. Unsur perpaduan dan integrasi murid pelbagai kaum termasuk antara negeri-negeri juga dilaksanakan menerusi **aktiviti Kokurikulum** di sekolah. Nilai perpaduan dan integrasi murid merupakan fokus utama dalam setiap aktiviti kokurikulum sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

Di samping itu, Sekolah Wawasan yang ada sekarang merupakan di antara pelaksanaan yang dilakukan oleh KPM dalam merealisasikan Gagasan 1 Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

(KOTA RAJA)

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan infrastruktur awam yang mesra OKU (Orang Kurang Upaya) dikuatkuasakan oleh semua institusi Kerajaan serta swasta di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap pelaksanaan infrastruktur awam yang mesra OKU bagi mewujudkan persekitaran bebas halangan di negara ini. Bagi tujuan tersebut, Kementerian menggunakan pendekatan secara *multi sectoral* dan *multi collaboration* dengan agensi-agensinya pelaksana infrastruktur awam yang mesra orang kurang upaya (OKU). Antara kerjasama yang dilakukan termasuklah mengadakan perbincangan, mesyuarat dan kempen kesedaran berkaitan penyediaan kemudahan bagi OKU bersama dengan agensi dan Kementerian seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis

Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam mesra OKU juga direalisasikan melalui penubuhan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang memberi tumpuan khusus kepada isu-isu berkaitan aksesibiliti dan penyediaan kemudahan kepada OKU. Selain dari itu, terdapat Undang-Undang dan Garis Panduan yang sedang berkuatkuasa dan perlu dipatuhi dalam menyediakan infrastruktur awam yang mesra OKU seperti:-

- i. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- ii. Garis Panduan " Building Requirements For Disabled Person",
- iii. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan OKU.
- iv. Manual Standard SIRIM:
 - a. *SIRIM Code Of Practice MS 1183: Code Of Practice For Means Of Escape For Disabled People.*
 - b. *SIRIM Code Of Practice MS 1184, Code Of Practice For Access For Disabled People To Public Building.*
 - c. *SIRIM Code Of Practice MS 1331, Code Of Practice For Access For Disabled People Outside Building*

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, Seksyen 26 (2) juga terdapat peruntukan yang menekankan kepentingan reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses dan penggunaan oleh OKU.

Kementerian juga memberi perhatian berkaitan penyediaan kemudahan akses OKU melalui Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Nasional Orang Kurang Upaya. Dasar dan pelan tersebut juga turut memberi penekanan kepada aksesibiliti yang meliputi sub-bidang bangunan awam, pengangkutan, informasi dan komunikasi yang melibatkan pelbagai agensi pelaksana iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, *Construction Industry Development Board* (CIDB), SIRIM, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1864

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nisbah polis-penduduk, indeks jenayah dan bilangan kes selesai di setiap daerah di Johor pada tempoh tahun 2007, 2008 dan 2009. Adakah PDRM Johor akan mengikut contoh seperti PDRM Kuala Lumpur yang memberikan maklumat indeks jenayah kepada media pukul 3 petang setiap hari. Jika ya, bila.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2007, jumlah penduduk negeri Johor ialah seramai 3,240,000 orang manakala kekuatan polis Kontinjen Johor ialah seramai 6,147 orang. Nisbah polis kepada penduduk ialah bersamaan 1:527.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2008, jumlah penduduk negeri Johor ialah seramai 3,312,000 orang manakala kekuatan polis Kontinjen Johor ialah seramai 6,301 orang. Nisbah polis kepada penduduk ialah bersamaan 1:526.

Manakala, setakat bulan Mei tahun 2009, jumlah populasi penduduk negeri Johor ialah seramai 3,385,000 dan jumlah kekuatan polis Kontinjen Johor ialah seramai 6,415 orang iaitu bersamaan 1:528.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes jenayah indeks yang dilaporkan di negeri Johor bagi tahun 2007 ialah sebanyak 26,841 kes. Jumlah kes yang tertinggi adalah dilaporkan di daerah Johor Bahru Selatan iaitu sebanyak

5,869 kes, manakala daerah Mersing mencatatkan jumlah kes terendah iaitu sebanyak 237 kes. Manakala, jumlah kes yang berjaya diselesaikan pada tahun berkenaan ialah sebanyak 11,895 kes. Daerah Johor Bahru Utara berjaya mencatatkan penyelesaian kes tertinggi iaitu sebanyak 2,743 kes daripada keseluruhan 4,001 kes yang dilaporkan bagi tahun 2007, iaitu bersamaan 68.58%.

Bagi tahun 2008, jumlah kes jenayah indeks yang dilaporkan ialah sebanyak 26,624 kes. Jumlah kes yang tertinggi adalah dilaporkan di daerah Johor Bahru Selatan iaitu sebanyak 6,110 kes, manakala daerah Mersing mencatatkan jumlah kes terendah iaitu sebanyak 260 kes. Manakala, jumlah kes yang berjaya diselesaikan pada tahun berkenaan ialah sebanyak 11,972 kes. Daerah Kota Tinggi berjaya mencatatkan penyelesaian kes tertinggi iaitu sebanyak 572 kes daripada keseluruhan 1,118 kes yang dilaporkan bagi tahun 2007, iaitu bersamaan 51.16%.

Manakala, bagi tempoh bulan Januari hingga Mei tahun 2009, sebanyak 9,849 kes jenayah indeks dilaporkan di negeri Johor. Jumlah penyelesaian kes yang dicatatkan bagi tempoh berkenaan ialah sebanyak 4,413 kes iaitu bersamaan 44.81%. Daerah Muar mencatatkan penyelesaian kes tertinggi iaitu sebanyak 291 kes daripada keseluruhan 566 kes yang dilaporkan, iaitu bersamaan 51.41%.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Polis Kontinjen Johor belum bercadang untuk mengikut jejak Polis Kontinjen Kuala Lumpur yang memberikan maklumat indeks jenayah kepada media pukul 3 petang setiap hari. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk menuju ke arah ini sedang dibuat dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- a) Kenapakah wujudnya kegagalan dalam penyampaian khidmatnya dalam Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- b) Jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan dan nyatakan saluran perbelanjaannya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tanggapan bahawa wujudnya kegagalan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah tidak wajar. Bidang tugas JPA meliputi pelbagai perkara seperti perjawatan, pembangunan organisasi, perkhidmatan, latihan, pencen serta penajaan pelajar dan pegawai perkhidmatan awam. Usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatannya dibuat secara berterusan demi kepuasan pelanggannya. Kualiti perkhidmatan JPA diiktiraf melalui penganugerahan Anugerah Kualiti Perdana Menteri, Penerima Lima Bintang Sistem *Star Rating* untuk kecemerlangan pengurusan oleh MAMPU, Penarafan Empat Bintang oleh Jabatan Audit Negara bagi kecemerlangan pengurusan kewangan dan Persijilan MS ISO 9001:2000 daripada SIRIM.

- b) Jumlah peruntukan yang diterima oleh JPA di bawah maksud Bekalan 7 bagi tahun 2009 adalah RM1.72 billion. Pecahan peruntukan tersebut mengikut Objek Am adalah seperti berikut:

Objek Am	Jumlah Peruntukan (RM)
10000 (Emolumen)	137,067,500
20000 (Bekalan dan Perkhidmatan)	229,430,200
30000 (Aset)	7,540,000
40000 (Pemberian dan Kenaan Pemberian Bayaran Tetap)	1,347,246,700
50000 (Perbelanjaan-perbelanjaan lain)	15,000

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Tuan Aaron Ago Anak Dagang
[Kanowit]
Tarikh Menjawab : 25 Jun 2009 (Khamis)
Soalan : [No. 85]

SOALAN

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi penanaman getah di kalangan pekebun kecil getah di Sarawak. Nyatakan jumlah pekebun kecil getah dan luas kawasan kebun getah di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Industri Getah Asli di Sarawak, Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) Sarawak sedang dan mengatur program-program bagi menggalakkan penanaman getah di Sarawak, antaranya:

- i) Menggalakkan penanaman baru dan penanaman semula getah di zon pembangunan getah yang dikenalpasti iaitu di antara Bahagian Sri Aman dan Sarikei. Sasaran penanaman baru getah di Sarawak ialah 5,000 hektar setahun dan bagi tempoh 2010 hingga 2020, dianggarkan seluas 50,000 hektar kawasan penanaman baru getah akan dibangunkan.
- ii) Menyediakan bekalan bahan tanaman getah berkualiti yang mencukupi untuk menampung keperluan penanaman baru dan penanaman semula getah di Sarawak. Pada masa ini, tapak semaian yang diusahakan oleh LGM Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak, berupaya membekal 544,440 ranting tunas hijau sebulan atau 6.53 juta ranting tunas hijau (*budstick*) setahun.
- iii) Selain itu, LGM Sarawak juga melaksanakan program-program pengembangan dan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil melalui aktiviti latihan, khidmat nasihat dan lawatan ladang. Bagi tempoh 2007 hingga 2008, seramai

1,845 orang pekebun kecil yang terlibat dalam Skim LITS 3 telah diberi latihan dan tunjuk ajar mengenai penggunaan teknologi berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkaitan bilangan pekebun kecil getah dan jumlah keluasan tanaman getah di Sarawak, sukacita saya maklumkan:

- i) Jumlah keluasan tanaman getah di Sarawak pada tahun 2008 ialah 158,471 hektar dimiliki oleh pekebun kecil. Sejumlah 109,266 hektar (68.95%) adalah kawasan getah yang bertoreh;
- ii) Jumlah pengeluaran getah asli di Sarawak pada tahun 2007 ialah 74,376 tan metrik; dan
- iii) Bilangan pekebun kecil adalah seramai 112,585 orang.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN (PASIR
PUTEH)
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : **TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN** minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:
Rancangan jangka pendek dan jangka panjang
untuk menyelesaikan masalah kerosakan hasil
pertanian di kawasan Pasir Puteh akibat banjir kilat
yang kerap berlaku akhir-akhir ini khususnya di
kawasan projek pembangunan pertanian Kemasin
Semerak .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Banjir di kawasan Pasir Puteh ini adalah banjir setempat akibat dari kejadian hujan lebat. Pada kebiasaannya apabila hujan turun berterusan untuk tempoh 4 ke 5 jam, banjir akan berlaku apabila air yang bertakung di dalam bendang, parit dan taliair melimpah.

Pihak IADA Kemasin Semerak sentiasa menjalankan penyelenggaraan secara berkala ke atas parit dan taliair dalam usaha untuk mengawal banjir. Penyelenggaraan dijalankan sekali setahun sebelum musim monsun iaitu dalam bulan Ogos atau September dengan kos lebih kurang RM 1 juta setahun.

Bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan Pasir Puteh khususnya di kawasan pembangunan pertanian Kemasin Semerak, perancangan yang dibuat adalah seperti berikut:

Rancangan Jangka Pendek:

- i) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saluran yang terdiri daripada parit utama, parit kedua dan parit jari di kawasan yang terabit dalam masa terdekat.
- ii) Menyediakan sistem saluran baru yang terdiri daripada laluan parit tambahan dan struktur pintu kawalan untuk mengalirkan air dari kawasan seperti Kg. Gong Layat, Kg. Tanjung Kong, Kg. Jelor dan Kg. Gong Kulim ke Terusan Semerak.
- iii) Melaksanakan pemantauan 16 unit rumah pam saluran (Drainage Pumping Station) yang disediakan untuk memastikan dapat beroperasi dengan baik.
- iv) Melaksanakan penyelenggaraan di pintu kawalan utama di Gong Kulim untuk memastikan pengaliran air keluar dengan lancar.

Rancangan Jangka Panjang:

- i) Merancang kajian semula sistem saluran di Pasir Puteh bagi mengenal pasti punca banjir kilat dan cara penyelesaian yang lebih efektif dan relevan.
- ii) Menyediakan struktur rumah pam tambahan di kawasan terabit berdasarkan keputusan kajian yang akan dilaksanakan.
- iii) Mendalam dan melebar Terusan Semerak, sungai-sungai dan saluran pertanian yang terlibat di kawasan pembangunan pertanian Kemasin Semerak untuk meningkatkan keupayaan kapasiti sistem bodi air (Waterbody System).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]**

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1865

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan penggunaan Akta Hasutan seluas-luasnya atau secara bertahap untuk menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri memandangkan terlalu banyak bantahan dari rakyat terhadap penggunaan ISA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menyemak dan mengemas kini akta-akta sedia ada di negara ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini, Kerajaan tidak merancang untuk meluaskan penggunaan Akta Hasutan 1948 untuk menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan akta-akta tersebut mengandungi skop dan bidang kuasa yang berbeza.

Penguatkuasaan AKDN 1960 adalah sejajar dengan '*preamble*' Akta berkenaan yang digubal sebagai satu undang-undang pencegahan. Setiap tangkapan, tahanan dan juga sekatan (buang daerah) yang diambil terhadap mana-mana subjek di bawah Akta ini adalah semata-mata bertujuan untuk mencegah seseorang suspek yang didapati telah, sedang atau akan melakukan sebarang perbuatan dengan apa-apa cara yang boleh atau akan memudaratkan:-

- (i) keselamatan Malaysia;
- (ii) penyenggaraan perkhidmatan perlu di dalam Malaysia;
dan
- (iii) kedudukan ekonomi Malaysia.

Manakala Akta Hasutan 1948 pula adalah satu Akta yang digubal untuk mengadakan peruntukan berkenaan hukuman bagi kesalahan hasutan, iaitu "menghasut" apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan sifat bagi perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan, atau benda lain itu sebagai mempunyai kecenderungan menghasut.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai membuktikan keprihatinan Kerajaan terhadap suara rakyat, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menyemak dan mengkaji Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dengan memberikan penekanan kepada beberapa peruntukan di dalam Akta tersebut yang diragui dan dibangkitkan oleh rakyat. Dalam eksais ini, Kerajaan akan memberikan perhatian serta mengambil kira pandangan dan cadangan dari semua pihak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA : PUAN HJH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN :

Puan Hjh Zuraida Binti Kamaruddin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan;

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan lesen memandu yang kekal (tidak perlu diperbaharui); dan
- (b) adakah kerajaan ingin memansuhkan kad lesen memandu dan digantikan terus dengan MyKad.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan lesen memandu yang kekal atau tidak perlu diperbaharui memandangkan cadangan tersebut akan menyebabkan sistem penguatkuasaan JPJ dan PDRM menjadi tidak efektif kerana ianya akan memberikan ruang dan peluang kepada pemegang lesen memandu untuk mengelak daripada dikenakan tindakan walaupun melakukan kesalahan di jalan raya secara berulang kali.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk memansuhkan kad lesen memandu yang sedang digunakan atau menggantikannya dengan MyKad memandangkan ianya masih lagi diperlukan oleh orang ramai. Sekiranya kad lesen memandu dimansuhkan, ia akan menimbulkan kesukaran kepada anggota polis, tentera dan warganegara asing memandangkan kumpulan ini tidak memiliki MyKad. Oleh yang demikian, kad lesen memandu masih diperlukan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

SOALAN NO: 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1866

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota PDRM dan FRU yang terlibat dalam nyalaan lilin menuntut pembubaran Dewan Undangan Negeri Perak di Seputeh, Serdang dan Teratai. Nyatakan pecahan mengikut tarikh dan tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota polis yang terlibat mengawal dan menyuraikan perhimpunan di kawasan Seputeh pada 19 Mei 2009 adalah seramai 35 orang, di kawasan Serdang pada 20 Mei 2009 adalah seramai 74 orang manakala di kawasan Teratai pada 21 Mei 2009 adalah seramai 35 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya maklumkan di dewan yang mulia ini, Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) tidak terlibat dalam mengawal dan menyuraikan perhimpunan tersebut. Sebaliknya anggota-anggota yang terlibat adalah dari IPD dan balai-balai polis yang terletak di kawasan-kawasan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH

KAWASAN : KELANA JAYA

TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan rasional Kerajaan dalam meneruskan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Amerika Syarikat merupakan salah satu daripada rakan dagang dan pasaran eksport terbesar bagi Malaysia. Pada tahun 2008, nilai perdagangan duahala telah mencapai RM139.2 bilion, atau 11.7 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Eksport ke Amerika Syarikat bagi sektor perkilangan pula berjumlah RM82.8 bilion, atau 12.5 peratus dari jumlah eksport Malaysia. Dari segi pelaburan pula, Amerika Syarikat merupakan salah satu sumber pelaburan asing yang utama bagi Malaysia. Dalam tahun 2008, pelaburan yang diluluskan dari Amerika Syarikat bagi sektor perkilangan berjumlah RM 8.7 billion iaitu yang kedua terbesar selepas Australia.

2. FTA dengan Amerika Syarikat, akan memberi faedah kepada negara, melalui penurunan dan penghapusan duti import terhadap beberapa barangan eksport Malaysia. Di antara barangan-barangan tersebut adalah tekstil dan pakaian, kayu, seramik, produk-produk besi dan keluli, bahan kimia dan produk bahan kimia dan produk-produk getah. Dengan adanya FTA dengan Amerika Syarikat, pengeksport-pengeksport Malaysia akan mendapat kelebihan dari segi layanan keutamaan, berbanding pengeksport dari negara pesaing yang tidak mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Dari aspek pelaburan pula, perjanjian ini dijangka akan meningkatkan pelaburan dari Amerika Syarikat. Di samping itu, dengan pembukaan pasaran di Amerika Syarikat, untuk eksport dari Malaysia, pelabur-pelabur asing dari negara-negara lain juga, akan lebih berminat untuk melabur di Malaysia, bagi menikmati peluang baru pasaran di Amerika syarikat, kerana dapat memanfaatkan peraturan tempasal, seperti kandungan tempatan, apabila beroperasi di Malaysia.

4. Selain daripada aspek perdagangan dan pelaburan, perjanjian ini akan meningkatkan kerjasama ekonomi duahala, dan bina upaya, dalam pelbagai bidang. Ini termasuk :

- pembangunan dan pematuhan standard;**
- memperkukuhkan sistem tadbiran hak harta intelek;**
- prosedur kastam;**
- perdagangan elektronik;**
- pembangunan enterprise kecil dan sederhana (SME); dan**
- aspek-aspek sanitari dan faitosanitari, seperti produk-produk pertanian.**

Tuan Yang Di Pertua,

5. Mengenai 'WTO Plus Dictates' (dengan izin), ingin dimaklumkan bahawa Malaysia bukan ahli dan tidak terikat dengan perjanjian 'Government Procurement' (dengan izin) di bawah WTO manakala 'Competitive Policy' (dengan izin) tidak termasuk dalam mana-mana peruntukan WTO. Bagi Hak Harta Intelek, ia merupakan komitmen di bawah perjanjian *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) (dengan izin) dalam WTO.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Seperti juga rundingan-rundingan FTA yang lain, Malaysia akan sentiasa memastikan FTA dengan Amerika Syarikat akan memberi faedah kepada negara, terutama kepada syarikat-syarikat di Malaysia yang mahu mendapatkan akses pasaran yang lebih baik di Amerika Syarikat dan pada masa yang sama memastikan kepentingan negara sentiasa didahulukan.

7. Kerajaan juga tidak akan menerima apa-apa cadangan yang melebihi komitmen Malaysia dalam perjanjian WTO yang mana Malaysia tidak dapat melaksanakan atau mendapati ia membebankan negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAIMI BIN UNGGI
(TENOM)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN RAIMI BIN UNGGI [TENOM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah relevan bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dilantik dari kalangan bukan pendidik (guru) sedangkan mereka tidak mahir dalam hal ehwal murid dan yang berkaitan dengan sistem pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari sesuatu perubahan yang dilaksanakan akan mendapat reaksi sama ada positif ataupun negatif termasuklah penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Jabatan Pelajaran Negeri.

Perlu dijelaskan penstrukturan semula JPN telah membuka peluang penambahan jawatan di JPN berbanding dengan perjawatan sedia ada. Penstrukturan ini dapat memenuhi pelbagai keperluan pengurusan dan pentadbiran di peringkat negeri, khasnya dari segi pewujudan jawatan hakiki baru, penambahan bilangan gred jawatan, dan peningkatan gred beberapa buah JPN itu sendiri serta bertujuan meringankan beban tugas guru.

Di samping itu, langkah ini juga dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pendidikan negara dengan memberi fokus kepada bidang-bidang yang tertentu bersesuaian dengan perjawatan yang disediakan.

Rjm 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

**TUAN TONY PUA KIAM WEE MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN:-**

(a)apakah bayaran yang dikenakan jikalau kerajaan mengambil alih Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) mengikut syarat-syarat ekspropriasi dalam perjanjian konsesi; dan

(b)sehingga tahun bila peningkatan harga tol LDP akan ditangguhkan, selepas wang pampasan sebanyak RM150 juta telah dibayar untuk tujuan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya Kerajaan bercadang untuk mengambil alih (*expropriation*) syarikat-syarikat konsesi, secara amnya bayaran pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi terlibat terdiri daripada elemen-elemen berikut seperti jumlah pinjaman yang ditanggung konsesi, faedah yang dikenakan oleh bank kepada konsesi, kos reka bentuk yang telah dilaksanakan, jumlah nilai kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan dan jumlah pelaburan tambahan yang telah dikeluarkan oleh syarikat konsesi seperti yang telah dipersetujui oleh Kerajaan.

Beberapa faktor perlu diambil kira sebelum mengambil alih (*expropriate*) seperti berikut:

- I. Pengambilalihan sesuatu lebuhraya memerlukan peruntukan yang tinggi dan ini akan menyebabkan pembangunan infrastruktur lain akan terjejas;
- II. Konsep pembinaan lebuhraya adalah '*user pay*' di mana pengguna yang menggunakan kemudahan sahaja yang perlu mengeluarkan bayaran. Adalah tidak adil kos

pembinaan dan penyenggaraan lebuh raya dibiayai daripada peruntukan daripada Kerajaan yang sebenarnya merupakan wang rakyat yang tidak semestinya menggunakan sesuatu kemudahan lebuh raya tersebut;

- III. Kerajaan memperkenalkan konsep penswastaaan bagi melibatkan pihak swasta dalam pembangunan negara. Sekiranya Kerajaan mengambil alih lebuh raya, ianya akan melanggar semangat penswastaaan. Perkara sebegini akan memburukkan imej Kerajaan di mata pelabur-pelabur; dan
- IV. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan untuk membiayai kos penyenggaraan setelah diambil alih.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pampasan sebanyak RM150 juta telah dibayar dalam 2 ansuran iaitu RM75 juta masing-masing pada tahun 2007 dan 2008 kepada Syarikat Konsesi Lebuhraya Damansara-Puchong kerana penyusunan struktur kadar tol dan kadar tol di Lebuhraya Damansara-Puchong sepatutnya naik pada 1 Januari 2011.

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)
TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk program-program konsep 1Malaysia terutama pelaksanaan di Sabah bagi membina negara-bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya, hubungan kaum dan perpaduan di kalangan masyarakat di Sabah dan Sarawak pada keseluruhannya adalah di antara yang terbaik di Malaysia. Oleh itu, YAB Perdana Menteri pernah beberapa kali menyifatkan Sabah dan Sarawak sebagai teladan Gagasan "1Malaysia." Ini memang menjadi punca kebanggaan bagi rakyat di kedua-dua negeri tersebut.

Keadaan yang baik di Sabah ini adalah hasil dari jalinan kemesraan dan persefahaman yang sekian lama wujud di antara semua kaum dan suku kaum yang terdapat di Sabah melalui pengamalan sikap yang terbuka dan sederhana serta penerimaan kepelbagaian sosio-budaya dan adat

resam sebagai kekuatan bersama. Masyarakat tempatan juga sering menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang disertai oleh ramai orang dari berbilang kaum.

Di samping itu, amalan dan budaya kahwin campur di antara kumpulan etnik dan kaum menyumbang ke arah mengeratkan lagi perhubungan sesama mereka. Melalui kahwin campur, masyarakat yang berlainan suku kaum, agama, adat resam boleh tinggal di bawah satu bumbung dengan selesa tanpa ada apa-apa masalah. Mereka bebas mengamalkan adat resam dan budaya masing-masing tanpa sekatan. Apabila tiba masa menyambut hari kebesaran kaum-kaum, mereka sekeluarga bersama-sama menyambut dan merayakannya.

Untuk mengiktirafkan dan memperkasakan kekayaan budaya suku kaum yang dimiliki oleh masyarakat di negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama dari Kerajaan Negeri, turut mengadakan sambutan dan perayaan Hari Kaamatan setiap tahun, selain daripada penganjuran perayaan di peringkat daerah atau komuniti tempatan oleh kerajaan negeri dan pertubuhan-pertubuhan tempatan. Sambutan perayaan ini merupakan satu daripada enam perayaan utama kaum-kaum di Malaysia yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai Majlis Rumah Terbuka Malaysia sejak tahun 2000.

Sambutan dan perayaan ini diisi dengan pelbagai pameran budaya dan hasil produk tempatan. Pengunjung-pengunjung, khususnya yang datang dari luar negeri Sabah, akan dapat melihat dan menyaksikan sendiri kekayaan produk dan budaya masyarakat Sabah. Selain berpeluang mempromosikan produk pertanian dan hasil kraftangan

tempatan, usaha bersama ini telah dan akan terus menyumbang terhadap semangat kerjasama dan perhubungan silatullahim.

Saya sendiri telah menyaksikan kepelbagaian dan keunikan produk-produk dan hasil tempatan sebagai aktiviti ekonomi Rukun Tetangga semasa menghadiri perayaan Pesta Kaamatan dan sambutan Minggu Perpaduan di Sabah baru-baru ini. Usaha akan diteruskan untuk menggalak dan meningkatkan lagi mutu pembuatan produk-produk ini supaya ianya dapat dipasarkan secara lebih meluas.

Sememangnya, Institusi Rukun Tetangga (RT) juga turut memainkan peranan penting di dalam mengeratkan hubungan dan jalinan pelbagai kumpulan etnik melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan. Semangat kerjasama rapat dan kekitaan melalui program-program Rukun Tetangga yang dilaksanakan dan diusahakan bersama oleh para warga RT memang tampak membanggakan dan harus dijadikan teladan kepada seluruh warganegara di Malaysia. Baru-baru ini, saya telah mengadakan dialog dengan para pemimpin RT dari seluruh Negeri Sabah untuk mendapat maklumbalas dan mendorong mereka terus berkhidmat dan berbakti demi memupuk perpaduan, menjaga keselamatan dan kebersihan dalam hidup. Lebih banyak program dan peruntukan bagi RT sedang dirancang untuk masa hadapan.

Penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia dan Negeri Sabah yang terdiri dari pelbagai kaum digalakkan berinteraksi dan saling mempelajari melalui kekayaan budaya unik kaum masing-masing. Dalam pada ini, inisiatif untuk memperkenalkan penerbangan terus secara mampu bayar (affordable) melalui syarikat-syarikat penerbangan

kos rendah (budget airlines) telah memudahcara lawatan dan kunjungan yang lebih kerap antara rakyat dua (2) wilayah dalam negara kita ini. Penerbangan yang lebih kerap lagi akan terus digalakkan.

Perpaduan dalam kepelbagaian adalah formula kerajaan selaras dengan semangat Gagasan "1Malaysia." Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan kemakmuran di samping menyediakan kemudahan asas yang masih belum mencukupi supaya rakyat yang tinggal di Sabah, khasnya di kawasan-kawasan pedalaman, tidak akan ketinggalan dalam mengecapi arus pemodenan dan pembangunan. Pembangunan secara lebih seimbang akan juga meredakan perasaan tidak puas dan meningkatkan lagi perasaan kekitaan yang selanjutnya akan menyumbang terhadap perpaduan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)
TARIKH : 25 JUN 2009
SOALAN : MEMINTA MENTERI PELANCONGAN
MENYATAKAN:

Matlamat penubuhan Majlis Pelancongan Komuniti di setiap Parlimen

- a) adakah Kementerian bercadang melantik seorang pembantu dan menyediakan peruntukan khas bagi memastikan Majlis Pelancongan Komuniti ini dapat berfungsi dengan baik; dan
- b) Usaha yang dilakukan bagi meningkatkan prasarana dan produk pelancongan di Kawasan Parlimen Lenggong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2008 telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Pelancongan Komuniti (MPK). MPK tersebut adalah bertujuan untuk membantu Kementerian Pelancongan Malaysia melalui jawatankuasa pusat iaitu Majlis Perundingan Pelancongan Kebangsaan (MPPK) dalam memberi maklum balas mengenai setiap pelaksanaan aktiviti pelancongan di peringkat akar umbi. Majlis ini akan bertindak sebagai mekanisme menyampaikan maklumat mengenai perancangan, pemantauan dan penyelarasan di peringkat akar umbi ke atas semua produk dan projek pelancongan tempatan.

Matlamat pewujudan MPK ini adalah untuk membantu dalam perancangan pembangunan pelancongan setempat dan akan membantu menyelaraskan serta melaksanakan program pembangunan pelancongan domestik atau setempat.

Setiap MPK akan mempunyai seorang Pengerusi MPK. Ahli-ahli MPK pula terdiri daripada Wakil Rakyat, Penghulu atau Ketua Kampung, Wakil Jabatan Kerajaan Tempatan, Pengusaha pelancongan tempatan, dan badan bukan kerajaan (NGO). Pejabat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN)

akan bertindak sebagai urus setia pelaksanaan MPK di negeri masing-masing.

Justeru itu, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sejumlah **RM5,800** bagi setiap MPK bagi tujuan pembayaran elaun Pengerusi dan ahli-ahli MPK. Pengerusi MPK dan ahli yang bukan terdiri daripada anggota perkhidmatan awam akan dibayar elaun kehadiran mesyuarat sebanyak **RM300** dan **RM100** masing-masing. Bayaran elaun-elaun tersebut dibuat melalui MTPN masing-masing. Kementerian Pelancongan telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM545,200** kepada semua MTPN bagi penubuhan dan pelaksanaan MPK ini.

- b) Dalam usaha meningkatkan prasarana dan produk pelancongan di Kawasan Parlimen Lenggong, Kementerian di bawah RMKe-8, telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.8 juta untuk membantu membangunkan kemudahan-kemudahan pelancongan di kawasan Tasik Raban iaitu bagi pembinaan tempat penginapan dan kemudahan-kemudahan lain seperti restoran, tempat letak kereta, dan sebagainya. Di bawah RMKe-9 pula, peruntukan sebanyak RM4.45 juta telah disediakan bagi menambahkan lagi kemudahan di Lenggong iaitu menambah chalet-chalet di kompleks sedia ada di samping pengindahan di kawasan persekitaran kompleks.

Selain daripada itu juga, di bawah RMKe-9, peruntukan bagi program naik taraf juga disediakan seperti menaik taraf jeti di

kawasan hentian R&R Tasik Raban yang diperuntukkan sebanyak RM50,000, menaik taraf bangunan kuarters sebagai surau di Rumah Rehat Lenggong sebanyak RM100,000, dan menaik taraf kemudahan laluan pejalan kaki dan wakaf di Hutan Lipur Lata Kekabu, Lenggong sebanyak RM50,000 dan ianya telah pun disiapkan sepenuhnya.

Selain daripada itu di Daerah Lenggong juga ada sebuah kampung yang di kenali sebagai Kampung Beng yang telah diiktiraf oleh pihak Kementerian sebagai salah satu produk pelancongan tempatan yang berkonsepkan *Homestay*. Terdapat 42 peserta di *Homestay* Kampung Beng dan program ini adalah di bawah kelolaan Pejabat Tanah dan Daerah Lenggong. Ini adalah merupakan usaha pihak Kementerian untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk terutamanya di kawasan pendalaman untuk sama-sama melibatkan diri dalam industri pelancongan yang sebelum ini hanya tertumpu di kawasan-kawasan pelancongan di bandar-bandar sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengurusan kediaman berstrata khususnya di pangsapuri kos rendah yang timbul akibat Akta 663 yang diperkenalkan dalam tahun 2007.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedar mengenai masalah pengurusan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah ini. Bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian sedang melakukan beberapa usaha seperti berikut:-

1. Menambahbaik Akta yang sedia ada (Akta 663 (Bangunan dan Harta Bersama) dan Akta 318 (Hakmilik Strata) dengan menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta 663 yang terdiri daripada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Jabatan Kerajaan dan Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2. Menubuhkan Jawatankuasa Bersama antara Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Perumahan Negara bagi menyelaraskan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan bangunan yang mempunyai hak milik strata.
3. Satu Garis Panduan Komprehensif akan diedarkan dalam masa terdekat ini berkaitan Akta 663 sebagai panduan kepada petugas-petugas Pesuruhjaya Bangunan mengambil tindakan dalam melaksanakan proviso dalam Akta 663 tersebut.
4. Mengambilkira untuk memasukkan proviso yang khusus ke dalam Akta 663 berkaitan pengurusan pangsapuri kos rendah.
5. Sedang menimbangankan untuk melaksanakan satu program khusus bertujuan meningkatkan tahap pengurusan bangunan strata kos rendah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1867

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberi maklumat dan data mengenai jumlah orang tahanan kategori orang muda umur dibawah 21 tahun di seluruh Malaysia dan data perbelanjaan bagi seorang tahanan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada **Ahli Yang Berhormat dari Sibuti** yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan berdasarkan statistik Jabatan Penjara yang berakhir pada 1 Jun 2009 terdapat seramai 2,018 banduan dan tahanan muda yang berumur 21 tahun dan ke bawah yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara Malaysia. Daripada jumlah tersebut 1,022 orang adalah banduan sabitan, 888 orang banduan reman serta 97 orang tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan 11 orang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Banduan dan tahanan muda ini ditempatkan di 4 penjara khas yang mengasingkannya daripada banduan dewasa. Penjara tersebut ialah Penjara Kajang Selangor, Sungai Petani Kedah, Kluang Johor dan Marang Terengganu.

Secara purata kos keseluruhan penyelenggaraan seorang banduan atau tahanan sehari ialah RM35.00. Kos ini melibatkan antaranya penyediaan makanan, kemudahan asas, bekalan elektrik, air, perubatan, program pemulihan, pakaian, peralatan, elaun dan gaji pegawai penjara serta lain-lain. Ini bermaksud kerajaan perlu membelanjakan RM 70,630.00 sehari untuk menguruskan banduan dan tahanan muda.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula konsesi perkhidmatan sokongan di hospital-hospital Kerajaan yang diberikan kepada Pantai Holdings, Faber Medivest dan Radicare.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, konsesi perkhidmatan sokongan hospital akan tamat pada tahun 2011 dan Kerajaan sedang mengkaji akan keperluan bagi menyambung konsesi projek ini dan keputusan mengenainya akan dibuat sebelum konsesi tamat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kerahsiaan dan keselamatan pesanan ringkas (SMS, MMS dan video call) daripada dibaca dan ditonton oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Apakah hukuman yang sedia ada bagi kesalahan kegiatan mengintip seperti ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Semua pemberi perkhidmatan aplikasi adalah tertakluk kepada Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia di mana di bawah Seksyen 234, melarang mana-mana individu termasuk pemberi perkhidmatan memintas, mendedahkan atau menggunakan apa-apa maklumat yang diperoleh secara pintasan bagi apa-apa juga bentuk komunikasi. Ini termasuk SMS, MMS dan panggilan video. Sekiranya didapati bersalah, mereka boleh didenda tidak melebihi RM50,000

atau di penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Dengan adanya larangan ini, kerahsiaan dan keselamatan komunikasi ini dapat dikawal selia dengan lebih efektif.

SKMM juga telah mengadakan audit terhadap kerahsiaan dan keselamatan sistem platform kandungan SMS yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan selular pada tahun 2008 dan langkah-langkah penambahbaikan telah pun diambil oleh pihak pemberi perkhidmatan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti. Ini adalah bagi memastikan kerahsiaan dan kepentingan pengguna sentiasa terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1868

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah sebab-sebab Kementerian menggantung permit akhbar Harakah dan Suara Keadilan menjelang Pilihan raya Kecil pada Bulan Mac 2009; dan
- (b) sama ada Menteri berhasrat melanjutkan tempoh permit akhbar-akhbar parti politik secara automatik seperti yang dijanjikan oleh bekas Menteri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini telah mengambil tindakan menggantungkan permit penerbitan akhbar *Harakah* pada 23 Mac 2009 kerana melanggar syarat permit, iaitu gagal menghantar dengan segera lapan (8) naskhah penerbitannya ke Kementerian. Naskhah akhbar ini dihantar ke Kementerian secara serentak untuk beberapa keluaran dan sering melewati tarikh edarannya.

Akhbar *Suara Keadilan* juga telah digantung pada 23 Mac 2009 kerana tidak pernah menghantar naskhah akhbarnya ke Kementerian sejak mula diterbitkan seperti yang telah disyaratkan dalam syarat permit akhbar berkenaan.

Kedua-dua akhbar ini juga gagal mematuhi konsep yang telah diluluskan oleh Kementerian iaitu kandungannya hendaklah dihadkan kepada berita dan rencana yang berkaitan dengan hal ehwal parti mereka sahaja.

Tuan Yang Di Pertua,

Akhbar-akhbar ini dalam keluaran-keluarannya juga sering menyiarkan berita-berita yang mengelirukan dan boleh menggempar fikiran rakyat serta berpotensi mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Tuan Yang Dipertua,

Berkaitan dengan tempoh permit akhbar parti politik, semua penerbitan yang diluluskan permitnya adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di mana setiap permit adalah sah tempohnya selama dua belas bulan. Namun demikian Kementerian sedang menyemak semula peruntukan Akta ini agar sesuai dengan keperluan semasa.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penjelasan terhadap kegiatan pembalakan hutan di kawasan tadahan air yang sememangnya adalah kawasan larangan untuk aktiviti pembalakan, tetapi menggunakan Detail EIA bagi meneruskan aktiviti tersebut. Apakah tindakan Kementerian terhadap pihak yang didapati terlibat melakukan aktiviti demikian.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya pembalakan adalah tidak dibenarkan dalam kawasan Hutan Tadahan Air. Namun begitu, di bawah Akta Kualiti Alam Sekelling 1974, pembalakan atau pengubahan tanah hutan kepada kegunaan tanah lain di dalam kawasan tadahan memerlukan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Pematuhan syarat ini meliputi kawasan tadahan bagi kolam-kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro atau dalam kawasan-kawasan yang bersempadanan dengan taman-taman negeri dan taman negara serta taman-taman laut negara seperti

yang dinyatakan di bawah Aktiviti 6(b) , Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Cadangan pembalakan di kawasan-kawasan tadahan ini memerlukan kajian EIA tanpa mengira keluasan konsesi.

Kajian EIA adalah keperluan undang-undang dan bertujuan antara lain untuk mengenalpasti dan menilai kesan-kesan yang mungkin berlaku kepada alam sekitar akibat pelaksanaan sesuatu projek itu dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah kawalan untuk meminimalkan kesan-kesan tersebut. Sekiranya ada keperluan untuk EIA Terperinci (Detailed EIA), pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai mekanisme untuk memastikan EIA Terperinci ini tidak disalahgunakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dilarang termasuk pembalakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula konsesi perkhidmatan sokongan di hospital-hospital Kerajaan yang diberikan kepada Pantai Holdings, Faber Medivest dan Radicare.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, konsesi perkhidmatan sokongan hospital akan tamat pada tahun 2011 dan Kerajaan sedang mengkaji akan keperluan bagi menyambung konsesi projek ini dan keputusan mengenainya akan dibuat sebelum konsesi tamat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada cadangan SK Bandar boleh dijadikan Sekolah Cina Kerajaan (Government SK Chinese) untuk memenuhi keperluan murid-murid yang telah bertambah dengan banyak di SJK (C) Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai dasar untuk menukar sesebuah sekolah kebangsaan kepada sekolah yang berlainan aliran. Sekolah Kebangsaan yang merupakan sekolah aliran perdana dibina untuk memenuhi keperluan semua kaum di negara ini bagi menyatupadukan kanak-kanak dari peringkat sekolah rendah lagi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN TAN AH ENG
KAWASAN : GELANG PATAH
TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)

PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah kelulusan permohonan bagi skim Bantuan Kewangan EKS dalam sektor perkilangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menyediakan pelbagai dana untuk pengusaha kecil dan sederhana (EKS), yang disalurkan melalui pelbagai agensi Kerajaan dan institusi kewangan. Di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, terdapat dua agensi yang mengendalikan pinjaman dan geran kepada EKS, iaitu Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF). Bagi tempoh daripada tahun Mei 1996 hingga 31 Mei 2009, kedua-dua institusi tersebut telah meluluskan geran berjumlah RM327.78 juta bagi membiayai 6,022 projek dan pinjaman mudah berjumlah RM413.51 juta bagi membiayai 693 projek di dalam sektor perkilangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

**YB Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a. pecahan kos yang terpaksa ditanggung oleh Tabung Haji untuk menguruskan seorang jemaah haji ; dan
- b. adakah pihak Kerajaan menanggung apa-apa subsidi bagi pengurusan jemaah haji.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

- a. Kos sebenar perbelanjaan haji bagi setiap jemaah haji biasa (Muassasah) bagi musim akan datang (1430H) adalah berjumlah RM12,600.00. Walau bagaimanapun, Bayaran Haji yang dikenakan kepada jemaah haji adalah RM9,980.00. (Kos sebelum kenaikan yang diumumkan pada 15 Mei 2009 adalah sebanyak RM8,973).

NO SOALAN : 104

Bayaran Haji yang dikenakan kepada setiap jemaah adalah terdiri daripada tiga (3) komponen berikut:-

1. Kos penerbangan - RM5,990
2. Kos penginapan - RM4,480
3. Lain-lain kos di Tanah Suci - RM2,130
dan di Tanah Air

Kos-kos ini tidak termasuk kos tidak langsung yang lazimnya ditanggung oleh **TH** saban tahun seperti bayaran penganjuran kursus haji bersiri, intensif dan perdana serta penyediaan buku-buku panduan haji dan kos penghantaran petugas Haji.

Tabung Haji mempunyai proses perolehan yang telus di mana syarikat-syarikat penerbangan yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat tertentu akan dipanggil untuk penyertaan tender. Tabung Haji akan mengambilkira semua aspek seperti mutu kualiti perkhidmatan, faktor risiko dan tawaran kos yang munasabah di dalam penilaian apa-apa proses tender.

NO SOALAN : 104

- b. Kerajaan menanggung sebanyak 27 peratus bagi setiap jemaah haji daripada kos sebenar bayaran haji.

Bayaran Haji kali terakhir dinaikkan adalah pada musim haji 1422H (2002) iaitu dari RM8,585 kepada RM9,445 (kenaikkan 10%). Namun pada 1424H (2004), Bayaran Haji diturunkan sebanyak 5% kepada RM8,973.

Kenaikkan Bayaran Haji adalah disebabkan oleh peningkatan kos penginapan ekoran dari kerja-kerja pembesaran dalam lingkungan 800 meter ke bawah di persekitaran Masjidil Haram bagi tujuan pembangunan semula dan pembesaran medan masjid. Kerajaan Arab Saudi juga telah beberapa kali meningkatkan syarat-syarat ruang peribadi untuk setiap jemaah. Keluasan tersebut adalah tidak kurang daripada 3.0m² setiap jemaah di Makkah dan tidak kurang 4.0m² setiap jemaah di Madinah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR RADIN
[KINABATANGAN]
TARIKH : 25 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) mengapa tiada khidmat kesihatan Bahagian Jantung *angiogram machines for angioplasty procedures* di hospital negeri Sabah ; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan semula Hospital Umum Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Kementerian Kesihatan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pakar dari Institut Jantung Negara yang melawat negeri Sabah setiap bulan untuk tempoh seminggu. Pasukan dari Institut Jantung Negara melakukan *angioplasty procedures* untuk pesakit hospital Kementerian Kesihatan di Sabah di sebuah pusat swasta (Sabah Medical Centre).

Kementerian telah menempatkan seorang pakar kardiologi di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Seorang lagi pakar kardiologi dan pakar bedah kardiotorasik serta pakar bius akan ditempatkan tidak lama lagi dan pasukan tersebut akan melakukan prosedur dan pembedahan

kardiotorasik di Sabah Medical Centre apabila hospital tersebut selesai diambil alih oleh Kerajaan.

- (b) Pembangunan semula Hospital Queen Elizabeth (HQE) sedang berjalan mengikut perancangan asal dan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan 4 fasa. Projek pembinaan Pusat Klinik Pakar yang melibatkan Fasa 1 dan Fasa 2 serta kerja-kerja cerucuk bagi Blok Menara untuk Fasa 3 telah pun siap. Bagi Fasa 4 iaitu pembinaan bangunan Blok Menara masih belum dimulakan kerana pembinaan ini perlu mengambilkira perobohan Blok Menara dan Podium yang lama di Hospital QE yang telah diisytiharkan tidak selamat.

SOALAN NO: 106

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1869

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mewujudkan dialog dengan pemimpin Hindraf supaya isu-isu yang dibangkitkan oleh Hindraf dapat ditangani.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebarang bentuk dialog dengan Kumpulan Haram Hindraf (KHH) memandangkan kumpulan ini telah diisytiharkan haram di bawah Seksyen 5(1) Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 (Akta 335) pada 14 Oktober 2008. Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya jika didapati Kumpulan Haram Hindraf (KHH) didapati mencabul atau mencabar kedaulatan undang-undang negara.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang pandangan atau tuntutan dari mana-mana pertubuhan atau persatuan selagi ianya dilakukan mengikut saluran yang betul.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 25 JUN 2009

RUJUKAN : 1870

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi, pendekatan dan aktiviti penguatkuasaan undang-undang jalan raya bagi menangani fenomena mat rempit setakat ini dan apakah tindakan yang akan dan sedang diambil Kementerian bagi meningkatkan keberkesanan langkah-langkah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebarang bentuk dialog dengan Kumpulan Haram Hindraf (KHH) memandangkan kumpulan ini telah diisytiharkan haram di bawah Seksyen 5(1) Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 (Akta 335) pada 14 Oktober 2008. Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya jika didapati Kumpulan Haram Hindraf (KHH) didapati mencabul atau mencabar kedaulatan undang-undang negara.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang pandangan atau tuntutan dari mana-mana pertubuhan atau persatuan selagi ianya dilakukan mengikut saluran yang betul.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak kira daripada pihak pembangkang atau penyokong Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha membendung gejala lumba haram dan 'samseng jalanan' dari terus bermaharajalela.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1871

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah pemimpin-pemimpin **HINDRAF** ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri serta nyatakan sebab-sebab kukuh atas pembebasan mereka baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh 23 Jun 2009 dan Yang Berhormat Ipoh Barat bertarikh 25 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Batu Kawan, Kota Bharu dan Ipoh Barat yang mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan perlu sentiasa peka dan mengambil tindakan pencegahan awal terhadap sebarang ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan rakyat jelata dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan harian tanpa gangguan atau sebarang kebimbangan bahawa keselamatan mereka terancam.

Hindraf adalah sebuah pertubuhan haram yang tidak berdaftar. Kumpulan ini telah diisytiharkan sebagai sebuah kumpulan haram pada 14 Oktober 2008 mengikut peruntukan Seksyen 8(1) Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 (Akta 335). Tindakan penahanan lima (5) orang pemimpin Kumpulan Haram Hindraf (KHH) di bawah Seksyen 8 (1) AKDN 1960 adalah kerana tindak tanduk mereka menganjurkan aktiviti-aktiviti yang jelas membangkitkan sentimen perkauman dan agama yang serius yang boleh mencetuskan konflik

antara kaum dan seterusnya memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Mereka juga telah menganjurkan perhimpunan-perhimpunan yang membangkitkan sentimen sehingga mencetuskan tindakan-tindakan yang berunsur keganasan.

Maklumat perisikan telah mendedahkan terdapat usaha-usaha oleh Kumpulan Haram Hindraf (KHH) untuk mendapatkan bantuan dan sokongan dari negara luar. Maklumat perisikan juga melaporkan bahawa lawatan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, Pengerusi kumpulan ini ke luar negara pada 28 November 2007 adalah di antara lainnya, untuk mendapatkan sokongan antarabangsa termasuk usaha untuk mengadakan perjumpaan dengan pemimpin LTTE.

Tuan Yang Dipertua,

Kelima-lima pemimpin Kumpulan Haram Hindraf yang dikenakan Perintah Tahanan telah dibebaskan dengan bersyarat sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 10 AKDN 1960 kerana dirasakan mereka telah menunjukkan pemulihan semasa di dalam tahanan.

Kerajaan meletakkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dan akan bertindak tanpa kompromi demi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terjamin. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan memohon maaf kepada mana-mana pihak selagi mana perbuatan atau tindakan mereka

didapati boleh mengancam dan menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]
TARIKH : 25 JUN 2009
RUJUKAN : 1872

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang warga asing sebelum beliau diberikan taraf warga negara Malaysia atau penduduk tetap dan atas kelayakan apakah Puan Chen Oyan Yun Shai (NRIC : 560320-71-5044) dan anaknya Encik Chin Fook Kwon (NRIC : 850803-14-6689) yang sama-sama berasal dari Taiwan telah diberi taraf warganegara Malaysia atau penduduk tetap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang warga asing yang ingin memohon Kad Pengenalan Pemastautin Tetap atau Kad Pengenalan Merah hendaklah terlebih dahulu memiliki dokumen Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Setelah Kad Pengenalan Merah diperolehi oleh seseorang warga asing, permohonan kewarganegaraan boleh dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara dan ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Syarat-syarat permohonan taraf kewarganegaraan secara masukan di bawah Perkara 19 kurungan 1 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

Pertama : Pemohon mestilah berusia 21 tahun ke atas.

Kedua : Pemohon telah memegang Kad Pengenalan Merah selama sekurang-kurangnya 12 tahun.

Ketiga : Pemohon hendaklah berniat bermastautin tetap di negara ini.

Keempat : Berkelakuan baik.

Kelima : Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Melayu.

Sementara syarat-syarat permohonan kewarganegaraan secara daftaran di bawah Perkara 15 kurungan 1 Perlembagaan iaitu permohonan kewarganegaraan bagi isteri kepada seorang warganegara Malaysia adalah seperti berikut:-

Pertama : Perkahwinan didaftarkan mengikut undang-undang negara ini.

Kedua : Perkahwinan masih kekal.

Ketiga : Pemohon telah memegang Kad Pengenalan Merah selama sekurang-kurangnya 2 tahun.

Keempat : Berkelakuan baik.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju, adalah didapati bahawa Puan Chen Oyan Yun Shai telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15 kurungan 1 Perlembagaan Persekutuan, iaitu taraf kewarganegaraan yang diberi kepada isteri asing kepada warganegara Malaysia. Oleh kerana anaknya Chin Fook Kwon dilahirkan selepas ibunya dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia, maka secara automatik beliau adalah seorang warganegara secara kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14 kurungan 1 kurungan b Perlembagaan Persekutuan.

SOALAN NO. (110)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat mana kajian-kajian untuk membentuk satu "Jawatankuasa Penduduk (JKP)" dan apakah mekanisme untuk pelaksanaan di seluruh Negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian bagi mewujudkan Jawatankuasa Penduduk (JKP) telah disiapkan untuk digunakan secara seragam oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mekanisme pelaksanaan adalah mewujudkan saluran perhubungan di antara PBT dengan penduduk melalui Jawatankuasa yang dilantik dari kalangan penduduk setempat mengikut zon yang diwakili oleh Ahli Majlis. Penglibatan penduduk adalah di atas dasar sukarela dan tidak tertakluk kepada mana-mana parti politik.

Perjalanan JKP akan dipantau oleh pegawai perhubungan PBT (*liason officer*) yang akan melaporkan mengenai kegiatan JKP kepada PBT.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH : 25 JUN 2009

PERTANYAAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) peratusan pegangan ekuiti tempatan / asing dan adakah ianya bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang sedia ada; dan
- b) sasaran pegangan ekuiti bagi kaum minoriti Sabah / Sarawak.

CADANGAN JAWAPAN

a) Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebenarnya telahpun tamat pelaksanaannya pada tahun 1990. Walaupun begitu, matlamat utama DEB iaitu mencapai perpaduan nasional masih lagi relevan dan ianya terus dikekalkan dalam dasar-dasar pembangunan selepas DEB, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000, Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010 dan paling akhir Misi Nasional

2006-2020. Kesemua dasar ini dilaksanakan berasaskan pendekatan pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan' atau, dengan izin, 'growth with equity'. Pengalaman dalam melaksanakan DEB, DPN dan DWN menunjukkan bahawa pendekatan pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan' ini berjaya dalam mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan pelbagai kaum dalam negara ini. Atas alasan inilah falsafah pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan' terus dikekalkan menerusi dasar-dasar pembangunan utama selepas DEB.

Secara keseluruhan, jumlah pegangan ekuiti tempatan pada tahun 2006 ialah 69.9 peratus berbanding 36.7 peratus pada tahun 1970, peningkatan sebanyak 33.2 peratus dalam tempoh 36 tahun. Pegangan ekuiti asing pula telah berkurang kepada 30.1 peratus pada tahun 2006 berbanding 63.3 peratus pada tahun 1970, mencatatkan pengurangan sebanyak 33.2 peratus dalam tempoh yang sama.

b) Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini maklumat pemilikan ekuiti sektor korporat hanyalah terhad kepada beberapa kategori umum sahaja, iaitu Bumiputera, India, Cina dan lain-lain. Maklumat pemilikan oleh pelbagai suku kaum minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak dikelompokkan secara bersama dalam kategori Bumiputera dengan pecahan sub-kategori mengikut jenis pemilikan oleh individu,

institusi dan agensi amanah. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sasaran pegangan ekuiti bagi Bumiputera adalah mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2020.

Walaupun Kerajaan tidak menetapkan sasaran terperinci mengenai pemilikan ekuiti oleh kumpulan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak, usaha-usaha bagi pembangunan masyarakat di kedua-dua negeri ini terus giat dilaksanakan oleh Kerajaan. Antara program yang dijalankan termasuklah program pembasmian kemiskinan, bantuan kewangan, latihan kemahiran dan keusahawanan serta pengagihan unit amanah saham. Kerajaan percaya melalui program pendidikan dan peningkatan akses kepada pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan akan membolehkan masyarakat berfungsi dengan lebih baik di dalam ekonomi dan seterusnya dapat menjana pendapatan dan mengumpul kekayaan termasuk melalui pemilikan ekuiti. Kerajaan yakin, dengan pendekatan ini yang dilaksanakan secara konsisten akan membawa kepada pembangunan masyarakat Sabah dan Sarawak yang lebih bermakna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

[LIPIS]

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [Lipis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah doktor termasuk doktor pakar yang bertugas di hospital dan klinik kesihatan Kerajaan pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di hospital dan klinik kesihatan Kerajaan adalah seperti berikut :

2006		2007		2008	
Pegawai Perubatan	Pegawai Perubatan Pakar	Pegawai Perubatan	Pegawai Perubatan Pakar	Pegawai Perubatan	Pegawai Perubatan Pakar
8,200	1,792	9,595	1,897	10,958	1,900

Sehingga Mac 2009, terdapat sejumlah 11,727 orang Pegawai Perubatan dan 2,035 orang Pegawai Perubatan Pakar bertugas di hospital dan klinik kesihatan Kerajaan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa 60 peratus daripada Pintasan Muar mengalami struktur jalan yang tidak rata:-

- (a) adakah terdapat kerosakan dan sejak bila kajian kerosakan dijalankan. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) bilakah kerja pembaikan akan dilaksanakan dan apakah tindakan yang sudah diambil terhadap Ranhill Corporation Sdn. Bhd. kerana gagal melakukan pembaikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diakui bahawa Jalan Pintasan Muar tidak sempurna pembinaannya. Kajian terhadap kerosakan Jalan itu telah mula dijalankan sejak bulan Januari 2008 setelah didapati berlakunya mendapan pada permukaan jalan di beberapa kawasan terutamanya di Jambatan Parit Tiram. Mendapan ini telah menyebabkan berlakunya kerosakan turapan permukaan jalan (*pavement*) dan permukaan tanah yang tidak sekata.

Susulan daripada kajian kerosakan yang telah dijalankan, pihak Jabatan Kerja Raya telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja melaras permukaan jalan (*regulating*) bagi mengurangkan kesan beralun terutama di kawasan pembentung jalan. Kerja-kerja pembaikan telah mula dijalankan pada bulan Ogos 2008 dan bagi masalah mendapan di kawasan pembentung dan Jambatan Parit Tiram, telah siap dibaiki pada bulan September 2008.

Kerja-kerja pembaikan mendapan di kawasan persimpangan dan di sepanjang jajaran jalan sedang dalam proses pelaksanaan. Memandangkan tempoh pemantauan bagi kerja-kerja pembaikan tersebut akan mengambil masa, Bon Perlaksanaan projek ini telah

dilanjutkan selama setahun iaitu sehingga bulan September 2009. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan juga tidak akan dikeluarkan kepada kontraktor sekiranya semua kecacatan dan mendapan di semua bahagian jalan dan jambatan dalam skop kerja kontraktor tidak dibaiki dengan sempurna mengikut spesifikasi dan disahkan oleh JKR.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN

[BATU GAJAH]

TARIKH : 25 JUN 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

sejauh mana Kementerian mempromosikan destinasi lawatan ke Kampung Kuantan dan Kampung Belimbing dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memelihara keunikan kelip-kelip di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Pihak Kementerian menerusi Tourism Malaysia sentiasa mengadakan promosi destinasi pelancongan domestik untuk mengalakkan pelancong berkunjung ke tempat menarik di Malaysia. Pihak Kementerian dan Tourism Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif untuk mempromosikan Kampung Kuantan dan Kampung Belimbing. Antara inisiatif yang diambil untuk mempromosikan tempat pelancongan tersebut adalah seperti berikut :

- 1) menganjurkan program '*familiarisation trip*' dengan menjemput pengusaha pelancongan serta media tempatan mahupun luar negara membuat lawatan serta memberi liputan mengenai kawasan tersebut dan dimuatkan di dalam akhbar dan majalah keluaran mereka;
- 2) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dengan melaksanakan

promosi tempat-tempat menarik termasuk Kampung Kuantan dan Kampung Belimbing;

- 3) membuat promosi dengan menyertai dalam program *Malaysia Travel Fair* dan *Matta Fair* di dalam memperkenalkan produk-produk tersebut; dan
- 4) menyertai program Misi Jualan Negeri dengan menemukan pengusaha-pengusaha pelancongan dengan pemilik produk pelancongan tersebut untuk memperkenalkan dan menjual pakej-pakej mereka.

Selain daripada inisiatif-inisiatif tersebut, pelbagai kemudahan juga disediakan di Kampung Kuantan dan Kampung Belimbing seperti Pusat Informasi, kaunter tiket, tempat menunggu, jeti, gerai makanan, taman permainan, tandas awam dan tempat letak kereta.

Selain itu, pihak Firefly Park Resort yang terletak di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor juga menyediakan kemudahan penginapan dan restoran bagi pengunjung ke tempat tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH : 25.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan atau kebenaran berpolitik bagi pegawai Kumpulan A (DG44 & DG48). Jika masih belum dibenarkan, mengapa En. Fadzli Bin Abdul Rahman (SMK Sik) dan En. Yahaya Bin Ahmad (SMK Chepir) dibenarkan memegang jawatan Ahli Jawatankuasa UMNO bahagian Sik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan Peraturan 21 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai awam dalam **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** dan pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** adalah **dilarang** daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Secara khususnya pegawai dalam kategori tersebut **tidak boleh:**

- (a) Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti politik;

- (b) Menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- (c) Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatau pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (d) Bertindak sebagai agen pilihan raya atau agen tempat mengundi;
- (e) Masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- (f) Memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

Manakala Peraturan 21 (2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai awam dalam **Kumpulan Sokongan** boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai penglibatan guru yang dimaksudkan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menyiasat dakwaan tersebut untuk membuat tindakan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTO MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah punca tersebarnya sms-sms berunsur lucah yang mengundang perlakuan maksiat dan zina. Bagaimanakah pihak Kerajaan menangani permasalahan ini daripada berleluasa. Apakah dasar dan kawalan keselamatan komunikasi lemah hingga menyebabkan perkara ini terus berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ini adalah satu permasalahan sosial yang disebabkan oleh pelbagai faktor luaran seperti didikan, pendedahan kepada persekitaran yang tidak sihat, pengaruh rakan dan sebagainya.

Namun begitu, bagi membendung kegiatan tidak bermoral ini, pihak SKMM boleh dan telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menghalang sebarang bentuk penyebaran SMS berunsur lucah, sumbang, palsu, mengancam ataupun jelik. Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya sekali.

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna di mana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan terus ke talian 1 800 888 030 atau e-mel ke aduanskmm@skmm.gov.my sekiranya menerima SMS sedemikian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : **25 JUN 2009 (KHAMIS)**

SOALAN : **117**

Dato' Kamarudin Bin Jaafar [Tumpat] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan adakah perkhidmatan tren ulang-alik Tumpat-Dabong-Tumpat mendapat sambutan yang memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan tren ulang-alik Tumpat-Dabong-Tumpat telah diperkenalkan mulai 3 Mei 2009 bagi memenuhi hasrat dan permintaan penduduk Kelantan merasai perkhidmatan keretapi yang lebih baik dan selesa. Jarak perjalanan tren dari stesen Tumpat ke Kuala Krai adalah sejauh 84.9 km dan dari Kuala Krai ke Dabong sejauh 54.5 km. Keseluruhan tempoh perjalanan tren berkenaan dari Tumpat ke Dabong mengambil masa selama 2 jam 30 minit. Sejak diperkenalkan, purata seramai 210 orang penumpang yang terdiri daripada murid-murid sekolah dan penduduk

tempatan telah menggunakan perkhidmatan tersebut setiap hari. Sebanyak 4 perkhidmatan tren *shuttle* disediakan setiap hari iaitu dari Tumpat pada jam 4.00 pagi dan 10.45 pagi, Kemubu pada jam 1.55 petang dan dari Dabong pada jam 2.10 petang. Perkhidmtan tren *shuttle* ini melakukan perhentian di beberapa buah stesen iaitu Ulu Temiang, Kg. Baru Bukit Abu dan Kuala Gris. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, tren *shuttle* ini menyediakan koc tempat duduk berhawa dingin. Walaupun perkhidmatan tren ulang-alik ini baru sahaja diperkenalkan, sambutan yang diterima diperhatikan amat menggalakkan.

Soalan No: 118

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' RICHARD
RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membangun dan seterusnya mempromosikan Bandar Mutiara Tebedu bersempadan dengan Entikong, Kalimantan, Indonesia.

JAWAPAN :

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bandar Mutiara Tebedu yang terletak bersempadan dengan Entikong, Kalimantan, Indonesia adalah merupakan sebuah projek Kerajaan Negeri Sarawak. Walaupun demikian, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah sentiasa bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha membangunkan aspek fizikal, ekonomi dan modal insan projek tersebut.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Y. B. Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]**
TARIKH : **25 Jun 2009 (Khamis)**
SOALAN : **Y.B. Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-

Apakah Kementerian sedar, adanya kes penipuan terhadap para petani yang terlibat dalam skim pelaburan projek pertanian secara ladang kontrak. Apakah usaha Kementerian bagi menangani masalah ini.

INPUT KEPADA JAWAPAN:

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedar tentang laporan dan rungutan daripada orang ramai berkaitan kes penipuan di dalam skim pelaburan pertanian yang di anjurkan oleh syarikat – syarikat swasta dan individu tertentu. Kes-kes penipuan ini melibatkan penyertaan orang ramai dalam projek – projek pertanian seperti **penanaman serai, penternakan cacing, lintah, ikan keli dan burung walit**. Syarikat – syarikat swasta ini akan memujuk orang ramai berdaftar sebagai ahli dengan mengenakan yuran keahlian yang tinggi di samping meminta ahli untuk membeli benih dan lain- lain input pertanian daripada syarikat berkenaan sebagai syarat utama untuk menyertai skim pelaburan ini. Syarikat ini turut menjanjikan pembelian balik hasil pertanian dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran. Kes – kes penipuan seperti ini telah pun di kesan di negeri – negeri seperti Kelantan, Kedah dan Pahang.

2. Kementerian telah mengariskan cadangan dan pelan tindakan sebagai langkah bagi mengawal kes-kes ini daripada berleluasa.
3. Cadangan tindakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah seperti berikut:-
 - i. **Memaklumkan** kepada pengarah Jabatan/ Agensi **di peringkat negeri dan daerah** supaya memberi **peringatan** kepada orang ramai di kawasan setempat agar berhati – hati dengan tawaran pelaburan dalam projek pertanian yang di buat oleh syarikat – syarikat swasta / individu – individu tertentu. Orang ramai digesa mendapatkan nasihat daripada pegawai – pegawai Jabatan dan Agensi berkaitan terlebih dahulu. Di samping itu pegawai juga diingatkan agar **tidak sewenang – wengangnya memberi sokongan** kepada syarikat – syarikat swasta yang ingin menganjurkan seminar atau latihan pertanian kepada orang ramai tanpa memeriksa kesahihan syarikat tersebut.
 - ii. Memaparkan **kenyataan peringatan (reminder)** di dalam laman web **Jabatan dan Agensi** masing - masing tentang unsur – unsur penipuan di dalam skim pelaburan projek pertanian yang di perkenalkan oleh syarikat – syarikat swasta.
 - iii. **Menyenaraikan syarikat – syarikat swasta** di bawah bimbingan Jabatan/ Agensi yang menganjurkan seminar/ kursus pertanian kepada orang ramai untuk di serahkan kepada pihak Kementerian di Bahagian Penggalakan Pelaburan, Pembangunan Perniagaan dan Penswastaan bagi tujuan rekod dan rujukan.
4. **Pelan Tindakan Jangka Pendek Dan Jangka Panjang** bagi membendung dan mengawal aktiviti-aktiviti syarikat swasta dan individu-individu yang menipu orang ramai melalui skim pelaburan projek pertanian yang diperkenalkan melalui penganjuran seminar serta latihan-latihan pertanian adalah seperti berikut:-

A. PELAN TINDAKAN JANGKA PENDEK

- i. Memeriksa kesahihan syarikat dan koperasi terbabit dengan mengemukakan kepada Suruhjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- ii. Menggalakkan orang ramai yang tertipu membuat laporan kepada pihak polis dan ke tribunal pengguna.
- iii. Memohon kerjasama badan-badan peminjam seperti TEKUN, SME bank dan AGRObank agar mendapatkan perakuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum meluluskan pinjaman.
- iv. Meminta semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian supaya berhati-hati terhadap syarikat dan individu yang mengambil kesempatan menggunakan nama Kementerian dalam menarik sambutan orang ramai terhadap seminar dan latihan yang dianjurkan.

B. PELAN TINDAKAN JANGKA PANJANG

- i. Mengadakan kempen kesedaran bagi menyedarkan orang ramai tentang penipuan dalam skim pelaburan projek pertanian melalui media massa (surat khabar, TV dan radio).
- ii. Menyediakan ruangan artikel di dalam setiap buletin terbitan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian tentang penipuan di dalam skim pelaburan projek pertanian.
- iii. Menubuhkan satu jawatankuasa khas di Kementerian yang berfungsi untuk memantau program-program ceramah dan seminar yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta Perdana Menteri menyatakan status terkini kajian penubuhan Darul Ifta dan Struktur pengurusan dan pentadbirannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Cadangan Kerajaan untuk menubuhkan Darul Ifta' telah pun dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke 214 pada 3 Julai 2008. Walau bagaimanapun Majlis Raja-Raja hanya bersetuju supaya Kerajaan mengukuhkan fungsi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) bagi mengurus semua urusan berkaitan pengurusan fatwa. Pada Mesyuarat Pasca-Kabinet Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 September 2008, persetujuan telah

dicapai supaya urusan setia kepada Jawatankuasa Fatwa MKI dinaik taraf dan diasingkan menjadi satu Bahagian baru di JAKIM. Berkuatkuasa pada 2 Januari 2009, Bahagian Pengurusan Fatwa Dan Pembangunan Ijtihad telah ditubuhkan secara pentadbiran di JAKIM bagi melaksanakan fungsi-fungsi ke arah memperkukuhkan institusi fatwa di Malaysia. Penubuhan Bahagian baru ini adalah merupakan langkah awal Kerajaan untuk memperkasakan institusi fatwa di negara ini disamping cadangan untuk mewujudkan Bahagian tersendiri telah dipanjangkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sedang menunggu keputusan terhadap permohonan jawatan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 25 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN CHUA TEE YONG MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah pampasan yang dibayar kepada PLUS pada tahun 2008 dan jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan kepada PLUS pada tahun 2009.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan yang telah dibayar kepada syarikat konsesi PLUS berikutan penangguhan kenaikan kadar tol yang sepatutnya pada 1 Januari 2008 adalah berjumlah RM185.42 juta. Pampasan ini dibayar secara 2 peringkat iaitu 50% pada tahun 2008 dan baki 50% pada tahun 2009 setelah mengambil kira jumlah trafik sebenar.

Manakala jumlah pampasan yang dianggarkan perlu dibayar kepada syarikat konsesi PLUS pada tahun 2009 adalah sebanyak RM195.0 juta.

Maklumat Tambahan

Kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan sepatutnya berlaku pada 1 Januari 2008 iaitu daripada 13.60 sen/km kepada 14.96 sen/km. Walau bagaimanapun, kenaikan ini telah ditangguhkan dan jumlah pampasan yang telah dibayar adalah sebanyak RM185.42 juta. Seterusnya, kenaikan yang ditangguhkan pada tahun 2008 sepatutnya berlaku pada 1 Januari 2009 tetapi sekali lagi terpaksa ditangguhkan dan jumlah pampasan adalah dianggarkan sebanyak RM195 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG)

TARIKH : 25 JUN 2009

SOALAN:

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) adakah kementerian sedar penempatan semula Sungai Asap belum dapat mengikuti program TV yang ada sekarang. Bilakah perkhidmatan TV (misalnya: TV1, TV2, TV3 dan NTV7) dapat dipanjangkan ke Sg. Asap.; dan
- (b) sama ada kementerian sedar, program Radio dalam Bahasa Iban tidak terdapat di kawasan pedalaman. Bilakah perkhidmatan ini dapat disediakan untuk kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian sememangnya sedar akan masalah ketiadaan liputan televisyen di kawasan Sungai Asap. Masalah ini berpunca daripada lokasi kawasan tersebut yang berada di pedalaman serta halangan

bentuk muka bumi yang berbukit-bukau yang di antaranya mencecah ketinggian 700 meter. Pada ketika ini, dua buah stesen pemancar televisyen terdekat berada di Belaga (sejauh 43 kilometer) dan di Bukit Nyabau (sejauh 97 kilometer) dari kawasan Sungai Asap. Faktor-faktor ini menyebabkan siaran TV1, TV2, NTV7 dan TV3 yang dipancarkan dari Belaga dan Bukit Nyabau tidak dapat diperolehi di kawasan Sungai Asap.

Kementerian telah pun mengenal pasti kawasan Sungai Asap serta beberapa kawasan lain sebagai kawasan yang memerlukan perhatian khusus dalam memberikan liputan siaran televisyen. Oleh itu, Kementerian telah memohon peruntukan dalam RMKe-9 untuk melaksanakan kerja-kerja membina atau menaik taraf kuasa pemancaran TV di beberapa lokasi terlindung termasuklah di kawasan ini. Bergantung kepada kelulusan peruntukan tersebut, Kementerian berharap dapat menyalurkan siaran televisyen ke kawasan Sungai Asap menjelang 2010.

Mengenai siaran radio dalam Bahasa Iban yang tidak dapat didengar di beberapa kawasan pedalaman di Sarawak juga, masalah itu turut mendapat perhatian RTM. Penempatan penduduk bertaburan di beberapa kawasan memerlukan pemasangan pemancar baharu dan meningkatkan kuasa pemancaran di stesen pemancar sedia ada.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT (KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.06.2009**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti Terengganu yang digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dari tempoh tahun 2000 sehingga tahun 2009. Bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang digunakan untuk membiayai Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dari tahun 2000 sehingga tahun 2009 adalah sebanyak **RM873.4 juta**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM102.1 juta diperuntukkan untuk membina Rumah Mesra Rakyat di Negeri Terengganu dan sebanyak

RM771.3 juta diperuntukkan untuk membina Rumah Mesra Rakyat di negeri-negeri lain.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penyediaan perjanjian penyerahan wang royalti secara terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Bayaran dijangka akan dibuat setelah perjanjian tersebut dimuktamadkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN
KAWASAN : ALOR GAJAH
TARIKH : 25.06.2009 (KHAMIS)

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada kerajaan akan meliberalisasikan sektor-sektor lain seperti pembuatan, telekomunikasi dan perumahan seperti yang telah dibuat untuk sektor perkhidmatan dan perbankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Liberalisasi syarat ekuiti dalam sektor perkilangan telah lama dilaksanakan. Kerajaan pada tahun 1998 telah mengumumkan pengecualian syarat ekuiti asing bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan berkuatkuasa pada 31 Julai tahun tersebut. Di bawah pengecualian ini, pelabur asing dibenarkan memiliki 100 peratus pegangan ekuiti bagi semua projek perkilangan tanpa mengambilkira tahap eksport, kecuali untuk 7 aktiviti dan produk perkilangan seperti berikut:

- **pembungkusan kertas;**
- **pembungkusan plastik (termasuk botol, filem, helaian kertas dan beg plastik);**
- ***plastic injection moulded components;***

- **metal stamping , fabrikasi logam dan electroplating;**
- **wire harness; dengan izin,**
- **percetakan; dan**
- **pusat perkhidmatan keluli.**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam meneruskan usaha untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih baik, berkuatkuasa pada 17 Jun 2003, pegangan ekuiti telah diliberalisasikan sepenuhnya bagi semua projek perkilangan. Di bawah polisi ini, pelabur asing boleh memiliki pegangan ekuiti 100 peratus bagi semua pelaburan baru, termasuk untuk penambahan pelaburan dan untuk mempelbagaikan pengeluaran syarikat sedia ada tanpa mengambil kira tahap eksport.

Walaupun bagaimanapun, syarat ekuiti dan eksport yang dikenakan ke atas syarikat yang telah diluluskan sebelum tahun 1998 masih dikekalkan. Kelonggaran untuk mematuhi dan meminda syarat ekuiti hanya diberi berdasarkan permintaan dan merit bagi setiap kes.

Syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan berkaitan perkilangan seperti Ibu Pejabat Operasi (Operation Headquarters), Pusat Pengedaran Serantau (Regional Distribution Centres), Pusat Perolehan Antarabangsa (International Procurement Centres), Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), Pejabat Perwakilan (Representative Office) dan Pejabat Serantau (Regional Office) dibenarkan mempunyai pemilikan ekuiti asing sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi sektor telekomunikasi, Kerajaan telah memberi komitmen untuk membenarkan pegangan ekuiti ASEAN sebanyak 70 peratus untuk pelabur-pelabur dari ASEAN menjelang 2010 bagi kategori lesen *Network Facility Provider (NFP)* dan *Network Services Provider (Individual)*. Dalam pada itu, bagi kategori lesen *Content Application Services Providers (Broadcasting)*, dengan izin, Kerajaan mengekalkan had pegangan ekuiti asing sebanyak 30 peratus.

Untuk sektor perumahan pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengadakan perbincangan dan konsultasi dengan pihak industri mengenai implikasi liberallsasi terhadap sektor perumahan tempatan dan tahap kesediaan pihak industri bagi menangani persaingan dari pelaburan asing. Kementerian tersebut akan membuat keputusan dasar sebaik sahaja mendapat maklumbalas dari pihak industri terbabit dalam masa terdekat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.06.2009

SOALAN NO : 125

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai dari aktiviti perjudian berjenis empat nombor ekor dan berapakah jumlah cabutan nombor ekor yang dibenarkan kepada syarikat pengusaha nombor ekor setiap minggu .

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai perjudian dan duti pertaruhan untuk sepanjang tahun 2008 dari aktiviti perjudian berjenis empat nombor ekor adalah sebanyak RM1,194,910,447.32 bagi enam (6) agensi nombor ramalan yang dilesenkan oleh kerajaan. Manakala jumlah cabutan nombor ekor yang dibenarkan kepada setiap syarikat pengusaha nombor ekor setiap minggu adalah sebanyak tiga (3) kali sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 25 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) apakah pendekatan bersepadu dan moden yang diambil dalam mengatasi jangkitan virus influenza A(H1N1). Adakah sudah ditemui vaksin yang boleh menyembuhkan penyakit selsema ini; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan ke atas ladang babi dan pengurusannya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Jangkitan virus Influenza A(H1N1) yang sedang melanda dunia pada masa ini adalah disebabkan oleh satu virus baru (*novel influenza virus*). Serangan virus baru ini menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) mengisytiharkan status pandemik influenza sekarang berada dalam Fasa 6 iaitu jangkitan manusia kepada manusia oleh virus influenza baru ini berterusan berlaku di lebih dari dua buah negara dalam sebuah rantau *WHO*.

Langkah pencegahan dan kawalan yang telah diambil dalam mengatasi jangkitan virus Influenza A(H1N1) adalah seperti yang digariskan di dalam *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* sebagaimana berikut :

- i. Mengaktifkan Jawatankuasa Pandemik Influenza di semua peringkat (kebangsaan, negeri dan daerah) yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan bagi memastikan segala langkah kawalan dan pencegahan dilakukan secara bersepadu.
- ii. Melakukan penyaringan kesihatan ke atas semua pengembara dari negara yang disahkan mempunyai jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa di seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki melakukan pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan.
- iii. Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi.
- iv. Kes yang telah disahkan dijangkiti virus A(H1N1) akan diasingkan dan diberikan rawatan antiviral sehingga sembuh.
- v. Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.
- vi. Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari.

Tiada vaksin bagi mencegah jangkitan virus influenza A(H1N1) ini. Pembentukan / penyediaan vaksin baru dari virus ini akan mengambil tempoh sekurang-kurangnya enam bulan daripada masa virus ini dikenalpasti. Vaksin influenza 'seasonal' sedia ada pada masa ini tidak berkesan untuk virus baru ini. Tindakan pelalian hanya akan mengurangkan risiko individu daripada menjadi tempat virus influenza bermutasi atau dikenali sebagai *reassortment*. Proses itu boleh menyebabkan virus influenza ini menjadi *strain* yang baru yang lebih virulen / bahaya dengan kesan jangkitan dan kematian yang berbeza.

WHO dalam kenyataannya pada 1 Mei 2009 melaporkan bahawa jangkitan Influenza A(H1N1) ini tidak ditularkan daripada babi kepada manusia. Berikutan itu, WHO telah menukarkan nama jangkitan virus ini dari *swine flu* kepada Influenza A(H1N1). Ia bukanlah merupakan sejenis penyakit zoonotik dan tindakan ke atas ladang babi tidak akan memberikan sebarang kesan kepada jangkitan virus ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, populasi ternakan babi adalah berjumlah 1,724,712 ekor di seluruh negara. Pengeluaran daging babi hanyalah bagi memenuhi keperluan sara diri dalam negara. Walau bagaimanapun, pada 25 Julai 2007, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah boleh meneruskan pembangunan Kawasan Perladangan Babi (*Pig Farming Area-PFA*) manakala negeri-negeri lain pula akan membangunkan Perladangan Babi Moden (*Modern Pig Farming-MPF*). Sistem *MPF* ini memerlukan sistem Kandang Tertutup Pembuangan Sifar (*Closed House Zero Discharge - CHZD*) dan pelaksanaan system ini akan mengurangkan risiko jangkitan penyakit zoonotik berkenaan.